

**PARLIMEN KESEMBILAN**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Jilid IV**

**Bil. 26**

**Hari Isnin**

**7 Disember 1998**

---

**K A N D U N G A N**

**MENGANGKAT SUMPAH**

- Y.B Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad
- Y.B Tuan Zainal bin Rampak

(Ruangan)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

- Mengalu-alukan Ahli-Ahli Baru
- Memperkenankan Akta-Akta
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat

(Ruangan)

(Ruangan)

(Ruangan)

**URUSAN MESYUARAT**

(Ruangan)

**JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Francais 1998

(Ruangan)

**USUL**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan.

(Ruangan)

**PARLIMEN KESEMBILAN**

**Penggal Keempat  
Mesyuarat Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,  
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,  
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat,  
P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M.,  
B.K.T., J.P. (Melaka)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,  
J.P. (Melaka)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)

- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)

- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)

- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara : Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Salamat

Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Nora'ini binti Hetam  
Miskiah binti Hassan  
Rosnani binti Ahmad

Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah  
A.M.N., Psc TUDM

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA**

**Isnin, 7 Disember 1998**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah  
Y.B. Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad.

Y.B. Tuan Zainal bin Rampak.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap ahli yang baru dipilih semula dan dilantik itu dapat memberi sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**MERPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998;
2. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998;

3. Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1998;
4. Akta Perbekalan Tambahan 1998;
5. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998;
6. Akta Kebankrapan (Pindaan) 1998;
7. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 1998;
8. Akta Industri Pelancongan (Pindaan) 1998;
9. Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Pindaan) 1998;
10. Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan No.2) 1998;
11. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) (No.2) 1998;
12. Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1998;
13. Akta Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1998;
14. Akta Syarikat (Pindaan)(No.2) 1998; dan
15. Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“20 Oktober 1998

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Francais 1998.

Yang Ikhlas,

t.t.



YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

### **URUSAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Chong Kah Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

#### **PASAR KERING - PELAKSANAAN**

1. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bercadang melaksanakan konsep pasar kering memandangkan hampir kesemua pasar di bawah kelolaan DBKL adalah jenis pasar basah yang sentiasa berbau busuk dan tidak bersih dari segi kesihatan, terutamanya di bahagian ikan dan ayam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dan sedang melaksanakan konsep pasar kering, diantaranya pasar moden Taman Tun, pasar moden Gombak, pasar moden Cheras yang telah dibina sekitar tahun 80-an. Beberapa tapak pasar sedia ada akan dibangunkan semula seperti pasar Chow Kit, pasar Jalan Pudu, pasar Sentul, pasar Jalan Klang Lama, pasar Kampung Datuk Keramat dan beberapa buah pasar lain yang menghadapi masalah dari segi kekotoran, sampah-sarap dan juga kemudahan lain yang tidak mencukupi.

Pasar-pasar baru yang akan dibina akan dilengkapi dengan kemudahan panggah-memungkah, lif, ‘showcase chillers’ di samping tempat meletak kereta yang mencukupi dan kemudahan pemungutan sampah yang moden.

DBKL berharap dengan konsep pasar kering yang akan dibina, ianya akan memberi keselesaan kepada pengguna dan keadaan persekitaran. Terima kasih.

**Puan Faridah binti Abu Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, bilakah pasar Chow Kit akan dipindahkan dan rancangan yang sepatutnya dibangunkan adakah akan diteruskan oleh pihak kerajaan?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, pasar Chow Kit telah diswastakan. Pihak EPU dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah bersetuju akan terma-termannya dan sekarang kita minta kelulusan akhir dari kerajaan. Dijangkakan ia akan dapat dimulakan pada bulan Mac tahun hadapan dengan pembinaan pasar sementara di Jalan Sentul, tempoh menyiapkannya mungkin dalam masa setahun, selepas itu barulah pasar Chow Kit akan dibangunkan.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah takrif kepada pasar kering yang disebutkan tadi bagi pihak kementerian dan apakah kemudahan awalan yang disediakan oleh pihak kementerian supaya pasar kering ini dapat dilaksanakan?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, pasar kering ini dia tidak basahlah. *[Ketawa]* Jadi, pasar kering ini adalah pasar yang bukan macam sekarang di mana air melimpah di merata-rata dan sebagainya, kalau saya hendak terangkan pasar kering ini pun panjang lebar, tetapi kalau kita melawat ke pasar Gombak, pasar Taman Tun Dr. Ismail, ini dianggap sebagai pasar kering dan kita jangkakan selalunya kalau menjual ikan kita buat di bahagian bawah dan yang kering di bahagian atas, kering ini maknanya tidak ada airtah seperti sayur-sayuran dan barang-barang kering yang lain.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pasar-pasar yang dirancangkan ini adakah diletakkan kuota kepada peniaga pelbagai kaum?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, yang itu sudah pastilah, bukan kata pasar sahaja malahan memang dasar kerajaan menetapkan kuota kepada semuanya dan ada kuota yang tersendiri dan sudah pasti seperti pasar Datuk Keramat kalau dibina, di situ banyak terdapat peniaga bumiputera,

maka ramailah peniaga bumiputera di situ, ini adalah dasar kerajaan bukan untuk pasar sahaja.

### **SYARIKAT KONSORTIUM MILIK PKMM – PENGIKTIRAFAN KERAJAAN**

**2. Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sejauh manakah sokongan dan pengiktirafan kerajaan terhadap syarikat konsortium milik Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) pusat dan negeri di dalam pengagihan dan pengurusan projek mereka dan bagaimana bentuk prospek syarikat mereka untuk 1999/2000.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya sentiasa menyokong dan mengiktiraf syarikat konsortium milik Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia di peringkat Pusat dan negeri. Syarikat milik konsortium Kontraktor Melayu Malaysia dianggap sebagai syarikat yang sewajarnya mempunyai kepakaran dan pengalaman yang baik dalam industri pembinaan.

Dengan demikian, syarikat-syarikat ini adalah layak menyertai perolehan projek kerajaan mengikut kelayakan dan syarat-syarat yang sedang berkuat kuasa. Seperti mana yang telah saya maklumkan sebelum ini mengenai perkara yang sama bagi projek-projek pembangunan yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan, dasar mengkhaskan tender kepada kontraktor bumiputera akan terus dilaksanakan.

Sungguhpun amalan ini tidak tertumpu kepada kontraktor yang menjadi ahli PKMM sahaja, kerajaan memberi tumpuan kepada kesemua kontraktor bumiputera secara keseluruhan. Pelaksanaan projek-projek kerajaan adalah bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia akan terus mengambil perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh industri pembinaan negara amnya dan kontraktor bumiputera melalui langkah-langkah seperti perbincangan bagi mendapatkan kemudahan kredit bersama Bank Negara Malaysia, menerokai peluang penyertaan dalam projek pembinaan di luar negara

dan mempertingkatkan keupayaan serta kemampuan kontraktor melalui kursus atau latihan.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, berapakah bilangan kontraktor mengikut jenis dan kelas diberikan kepada kontraktor-kontraktor dari kaum India oleh kerajaan atau Kementerian Kerja Raya dan sejauh manakah perkembangan setakat ini gabungan Persatuan Kontraktor Melayu dengan Persatuan Kontraktor India?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka berkenaan dengan pendaftaran oleh kerana pendaftaran bukanlah satu perkara diletak dalam tangan Kementerian Kerja Raya. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya telah mengambil beberapa tindakan untuk menimbang permohonan daripada kontraktor-kontraktor Melayu dan kontraktor-kontraktor India untuk menggabung dan juga menjalankan projek. Baru-baru ini kementerian saya telah memohon kepada Kementerian Kewangan untuk memberi pertimbangan khas kepada gabungan ini untuk menjalankan satu kontrak tetapi saya belum menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan lagi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan, adakah kerajaan sudah berpuas hati dengan khidmat kontraktor Melayu, jika tidak, apakah nasihat-nasihat yang boleh kerajaan berikan supaya status kontraktor Melayu ini akan dapat dipertingkatkan lagi?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpuas hati dengan taraf kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor bumiputera dan juga kepakaran yang mereka perolehi dalam tempoh 20 tahun ini, tetapi masalah yang kita hadapi sekarang iaitu untuk memberi kontrak kepada mereka, walaupun ada juga kepakaran yang tinggi dan juga mereka mempunyai pelbagai jenis kemahiran dan jentera tetapi mereka tidak dapat kerja daripada kerajaan oleh kerana kita dalam masa kegawatan ekonomi sekarang.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan telah meluluskan beberapa projek sekarang dan saya percaya dengan ini kita boleh juga menimbang pemberian kontrak kepada beberapa kontraktor bumiputera.

## **PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI DI SABAH- JUMLAH DAN LANGKAH KERAJAAN**

3. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyakkah projek perumahan yang terhenti atau terbengkalai atau disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang melanda negara kita sejak Julai tahun 1997 dan bagaimanakah keadaan di Sabah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk melindungi pembeli rumah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini telah mengenal pasti sebanyak 21 buah projek perumahan yang dibangunkan oleh pihak Swasta telah terhenti atau terbengkalai disebabkan kegawatan ekonomi negara semenjak Julai 1997 yang lalu. Bagi masalah projek-projek perumahan yang terbengkalai di negeri Sabah, ianya tidak diawasi atau dikawal oleh kementerian ini kerana Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1996 tidak dikuatkuasakan di Sabah mahupun di Sarawak. Kementerian ini akan terus berusaha menyelesaikan masalah projek perumahan mengikut mekanisme di bawah Akta Pemaju Perumahan dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Pindaan pernah dibuat yang di antara lain mewujudkan syarat memerlukan Akuan Pemaju Perumahan dibuka di setiap projek demi menjaga kepentingan pembeli.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa nilai rumah-rumah yang diperuntukkan kepada bumiputera adalah lebih kurang RM4 bilion termasuk kos rendah, rumah sederhana dan rumah kedai yang 30% peruntukan. Mengapa perkara ini berlaku dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi rumah-rumah yang terbengkalai, bukan sahaja terbengkalai, yang terbiar berlumut yang rumput penuh sekelilingnya dan tidak ada pembeli-pembeli yang dikhaskan kepada bumiputera.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada sejumlah yang bernilai RM4 bilion di seluruh negara. Mengapa ini berlaku ialah

ada di tempat-tempat di mana harga-harganya walaupun peruntukan ataupun peratusan yang diperuntukkan kepada bumiputera hanya 30% tetapi harganya begitu tinggi yang jenisnya adalah jenis kualiti tinggi tiada cukup jumlah pembeli bumiputera yang ingin membeli. Tindakan yang diambil oleh kerajaan ialah antara lain:

- (i) menggalakkan kerajaan negeri yang mempunyai kewangan yang cukup untuk membeli rumah-rumah ini sebagai stok bumiputera; dan
- (ii) mengarahkan atau menasihati kerajaan-kerajaan negeri agar menimbang kalau ianya perlu, dilonggarkan syarat agar orang bukan bumiputera juga boleh membelinya.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian sedar bahawa ada sesetengah pendeposit untuk rumah-rumah yang terbengkalai ini telah membuat deposit lebih awal dan adakah kementerian mengambil sebarang tindakan bantuan kepada pendeposit ini di mana wang mereka telah dibayar lebih awal tetapi sehingga hari ini rumah tersebut terbengkalai begitu sahaja. Bagaimana dengan kedudukan kewangan pendeposit tersebut? Terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada khasnya dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang. Antara perkara-perkara yang sedang ditelitikan ialah bagi kali yang akan datang kementerian telah pun mencadangkan dibuat pindaan kepada akta pemaju perumahan untuk mengawal supaya masalah ini tidak berulang begitu teruk seperti mana sekarang.

Yang keduanya, kementerian menggalakkan pihak-pihak pemaju, bank dan pihak-pihak yang terikat yang berkait rapat dengan pemaju perumahan ini berbincang untuk bagaimana mengatasi projek-projek yang terbengkalai. Sememangnya dalam keadaan ekonomi sekarang ini adalah satu masalah yang sukar untuk diatasi, maka diharapkan keadaan ekonomi akan bertambah baik agar masalah ini dapat dikurangkan.

## **TONGKAT ALI DAN KACIP FATIMAH USAHA MEMPERKENAL**

4. **Dato' Chet Singh** [di bawah S.O 23(2)] minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan khasiat Viagra sedang heboh diperkatakan di negara Barat dan di Timur Jauh ialah Ginseng dari China dan Korea yang sudah terkenal lama, apakah usaha kementerian beliau untuk memperkenalkan produk tradisional kita Tongkat Ali bagi lelaki dan Kacip Fatimah untuk wanita untuk kebahagiaan masa hadapan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Abdul Aziz bin Abdul Rahman pada 7 Disember tahun ini kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

Semenjak skim pendaftaran ubat tradisional dikuatkuasakan pada tahun 1992, semua produk tempatan atau import yang dipasarkan di negara ini perlu didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Kementerian Kesihatan. Sebanyak 101 produk mengandungi Tongkat Ali dan 18 produk mengandungi Kacip Fatimah telah berdaftar dengan PBKD.

Kementerian telah dapat mewujudkan satu database pengusaha/pemegang pendaftaran dan pengilang produk-produk mengandungi Tongkat Ali dan Kacip Fatimah. Satu Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan *Eurycoma longifolia*, (nama saintifik bagi Tongkat Ali) telah ditubuhkan pada September 1997. Jawatankuasa ini di bawah koordinasi Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) Kementerian Kesihatan dan ahli-ahlinya terdiri daripada penyelidik dari Kementerian Kesihatan, LPPKN, FRIM dan pihak universiti iaitu USM, UKM dan UM. Jawatankuasa ini sedang giat menyediakan data-data saintifik dan protokol kajian ubat untuk kajian clinical yang akan dilaksanakan.

Di samping itu monograf tumbuhan ubat-ubatan akan diterbitkan tidak lama lagi, Tongkat Ali dan Kacip Fatimah tersenarai dalam monograf tersebut.

Tablet Viagra yang digunakan untuk rawatan mati pucuk atau erectile dysfunction belum dipasarkan lagi. Tablet ini terdapat di dalam tiga kekuatan iaitu 25 miligram, 50 miligram dan 100 miligram. Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dalam mesyuarat ke-97, pada September telah bersetuju memberi kelulusan bersyarat untuk tablet Viagra. Walau bagaimanapun kelulusan akan hanya

dikeluarkan setelah maklumat lanjut serta pengalaman negara-negara lain di dalam menggunakan ubat ini perlu dikaji.

Ejen tempatan telah diminta supaya mengemukakan data berhubung kesan sampingan kajian kes kematian berhubung penggunaan Viagra serta program latihan kepada doktor-doktor yang akan mempreskripsi Viagra dan menubuhkan satu badan penasihat yang terdiri daripada para doktor dari pelbagai bidang kepakaran untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kegagalan ereksi alat kelamin lelaki atau mati pucuk. Tablet Viagra hanya akan dijual melalui preskripsi oleh doktor sahaja.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita ada mendengar kementerian mengumumkan bahawa Malaysia ini sekarang sedang berdepan dengan masalah mati pucuk ini di mana kita diberitahu, 2 juta orang lelaki di Malaysia dianggarkan bermasalah di dalam hal ini. Jadi, kita hendak tahu adakah ini benar atau tidak. Soalan saya ialah adakah pihak kerajaan setelah menginsafi perkara ini berlaku, adakah kita dapat mencapai cita-cita Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir untuk mendapatkan penduduk 70 juta orang dalam tahun 2020 ini dan bagaimanakah kekuatan antara ubat-ubat yang kita dengar dalam pasaran sekarang ini, antara Viagra lepas itu saya dengar baru ini ada satu lagi 'Mius' kalau saya tidak salah yang telah pun diuji, lepas itu Ginseng di sebelah Timur Asia dan kini Tongkat Ali dan Kacip Fatimah di Malaysia. Adakah pihak kerajaan sekarang ini meneliti kekuatan antara ubat-ubat ini supaya ubat yang paling kuat dapat ditonjolkan di Malaysia dan di rantau ini.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, kita fikir anggaran dekat 1.5 juta orang adakah mahu some form of defect, sexual dysfunction, sebab mereka ada diabetic ataupun tekanan darah tinggi. Inilah orang yang memang kita fikir ada masalah ini, tetapi kita tidak ada satu kajian yang dijalankan berapa orang ada masalah mati pucuk di negara kita, tidak ada dan saya ingat kita akan lakukan kajian di masa akan datang.

Dengan adanya ubat-ubat tradisional kita seperti Tongkat Ali dan Kacip Fatimah - kedudukan saya boleh beritahu, memang makan masa sebab kajian perlu dijalankan. Pada masa ini pihak IMR telah menjalankan ujian acute toxicity ke



atas extract air Tongkat Ali. Extract air digunakan di dalam eksperimen mengikut cara bagaimana ia digunakan secara tradisional. Keputusan awal menunjukkan extract air toksid Tongkat Ali tidak memberi kesan ke atas acute toxicity kepada tikus.

Ujian biokimia juga telah menunjukkan kesan negatif ke atas metabolisma tikus. Ujian histopology kesan Tongkat Ali ke atas fungsi organ seperti hati, paru-paru dan buah pinggang masih di peringkat ujian. Selepas ujian acute toxicity, ujian cronic toxicity akan diteruskan selama 30 hari. Ini akan dapat menunjukkan kesan jangka panjang seperti kanser dan kesan genetik ke atas organ-organ metabolisma tikus. Ujian acute toxicity ini juga telah dijalankan di USM dan UM dengan spesies haiwan dan ekstrak yang lain. Kajian-kajian telah dijalankan tetapi memakan masa. Kita tidak ada satu history dan kita membuat satu history lepas itu kita boleh pasarkan ataupun memberitahu public macam mana kedudukan kedua-dua ini iaitu Tongkat Ali dan Kacip Fatimah di negara kita.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sebenarnya tidak berminat dengan cerita-cerita viagra ini tetapi saya begitu tertarik dengan R&D - hasil-hasil dan khasiat-khasiat daripada tumbuhan-tumbuhan tempatan. Saya kira di Malaysia, negara tropika mempunyai tumbuhan-tumbuhan yang begitu banyak khasiat yang telah dikenal pasti secara tradisional tetapi secara modenya, kajian begitu lembab dijalankan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian mempunyai satu peruntukan khusus dan juga satu komitmen untuk menjalankan R&D ke atas tumbuh-tumbuhan tempatan supaya tumbuhan-tumbuhan ini dapat diperkenalkan dan juga dapat dipastikan khasiatnya dan kita dapat eksploitasi khasiat daripada tumbuh-tumbuhan ini supaya dapat digunakan bukan sahaja

dalam negara tetapi juga di luar negara kerana saya percaya negara-negara maju juga mereka menggunakan ekstrak daripada tumbuhan-tumbuhan untuk menyediakan ubat-ubatan yang dieksport ke negara kita. Terima kasih

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, Kabinet baru dua tahun yang lalu melantik IMR sebagai leading agency dengan kajian ini ubat-ubat tradisional di negara kita. FRIM pun ada masuk dalam jawatankuasa yang ditubuhkan itu. Oleh itu kita ada peruntukan khas dengan perkara ini.

**Tuan Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu daripada kementerian, saya tengok dalam pasaran yang ada dijual di kaki lima oleh tok bomoh-tok bomoh Tongkat Ali, kalau mengikut nenek moyang, Orang Asli dahulu, dia tengok yang dijual itu sebenarnya bukan Tongkat Ali. Jadi macam mana kementerian boleh memastikan yang dikatakan Tongkat Ali itu benar-benar Tongkat Ali.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi 101 produk mengandungi Tongkat Ali dan 8 produk mengambil Kacip Fatimah telah berdaftar dengan PBKD tetapi kalau ada dalam lain-lain ubat kita tidak tahu tetapi kalau ada report public kita memang boleh ambil tindakan, memang ada kawalan dijalankan tetapi penggunalah yang membuat pertimbangan.

### **KES KEDIAMAN TERHAD – RASIONAL BAGI PEMILIHAN TEMPAT**

5. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa kes kediaman terhad dikemukakan dan diluluskan oleh kementerian dari negeri Sarawak bagi 18 bulan yang lalu dan apakah rasional bagi pemilihan tempat di mana tahanan terhad diletakkan; dan
- (b) jenis kesalahan berkaitan dengan Perintah Kediaman Terhad dikenakan bagi tempoh 19 bulan yang lalu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian

- (a) Sejumlah 15 kes fail telah dihantar oleh Polis Kontinjen Sarawak untuk mendapatkan kelulusan Waran Tangkap dan Tahan (WTT) di bawah Akta Kediaman Terhad 1933. Daripada jumlah tersebut, lima kes fail telah mendapat kelulusan tangkapan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Rasional pemilihan di mana tahanan terhad diletakkan ialah untuk memastikan aktiviti jenayah subjek dapat disekat dan aktiviti seharian subjek dapat pemerhatian serta pengawasan sepenuhnya daripada pihak polis di mana subjek itu disekat.

- (b) Daripada jumlah lima kes fail yang telah mendapat kelulusan Waran Tangkap dan Tahan (WTT) dalam tempoh 18 bulan adalah satu kes fail daripada aktiviti judi, tiga kes fail dari aktiviti maksiat dan satu kes fail dari aktiviti loan shark dengan izin iaitu ceti haram.

**FAMA – CADANGAN MENGAMBIL PERANAN DI PASAR-PASAR MALAM**

- 6. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan FAMA hanya mencebur di bidang runcit sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil-hasil pertanian setakat di peringkat pasar-pasar tani sahaja, adakah FAMA akan secara aktif mengambil peranan di pasar-pasar malam di pekan-pekan di negara

ini supaya petani dapat hasil jualan yang lebih, sementara penduduk-penduduk bandar dapat beli dengan harga patut.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, peranan FAMA ialah untuk meningkatkan pembangunan pemasaran hasil pertanian segar dan barangan asas tani negara dan memaksimumkan pulangan kepada petani dan pengguna. Salah satu tumpuan FAMA buat masa ini ialah membangunkan pasar tani, di bawah pengelolaan FAMA bagi kepentingan petani ataupun pengeluar memasarkan hasil-hasil pertanian keluaran mereka dengan lebih berkesan dan juga untuk memanfaatkan kepada pengguna.

Walau bagaimanapun, FAMA bersedia memberikan kerjasama berkaitan yang diperlukan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan berkenaan dan juga akan memainkan peranan yang lebih aktif di pasar-pasar malam sekiranya didapati perlu dan sesuai berdasarkan keadaan setempat.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita tahu bahawa kekurangan buah kelapa di negara kita begitu ketara sekali sehingga meningkat harga sebiji kelapa RM1 khasnya di Terengganu dan lain-lain tempat. Apakah langkah untuk kementerian mengambil tindakan tersebut untuk mengatasi kekurangan kelapa. Selain daripada itu saya hendak tahu, kita ada pasar tani, ada pasar malam. Di pasar malam itu adakah petani-petani itu juga ada dan ada satu lagi wujud iaitu pasar peladang. Saya takut ada percanggahan. Tetapi kalau tidak bercanggah untuk kemajuan bagi petani-petani tidak ada masalah.

Adakah masalah timbul dengan ketiga-tiga jenis pasaran tadi dan kaitannya dengan masalah kekurangan buah kelapa.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai langkah kementerian untuk mengatasi kekurangan kelapa ada dua. Langkah jangka pendek, kita akan import dari Indonesia atau daripada negara-negara jiran dan langkah jangka panjang kita sendiri berusaha untuk memperbanyakkan lagi tanaman kelapa khususnya di kawasan-kawasan tanah mineral bukan di tanah-tanah tepi laut. Keadaan tepi laut ini untuk keadaan kelapa yang tradisional boleh tetapi kelapa mawar, kelapa wangi agak kurang sesuai. Jadi sebab itu kita sedang berusaha untuk menambahkan tanaman pokok kelapa di tanah-tanah mineral.

Yang kedua, mengenai Ahli Yang Berhormat sentuh tentang perbezaan pasar tani, pasar malam dan pasar peladang. Pasar tani diuruskan oleh FAMA di mana sebahagian daripada petani-petani dan juga pemborong-pemborong boleh menjual secara runcit di pasar tani. Manakala pasar malam diuruskan oleh pihak swasta di bawah persatuan pasar-pasar malam dan sebagainya. Ini bukan daripada petani-petani direct. Sebahagiannya daripada peniaga yang membeli dari pasar borong atau dari pasar-pasar dan juga dari pihak petani. Manakala pasar peladang ini ialah dibuat pasar barang segar dari ahli-ahli pertubuhan peladang sendiri, dari PPK.

Jadi saya rasa ketiga-tiga pasar ini tidak bercanggah malah kita mengalu-alukan lagi supaya lebih banyak pasar-pasar segar diwujudkan supaya barang-barang pertanian ini dapat harga pasaran yang munasabah.

**Tuan Long bin Jidin:** Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian berapa sebenarnya jumlah keluaran kelapa dalam negara ini dan adakah kementerian bersetuju bahawa sebenarnya ada tempat tertentu harga kelapa yang murah, ada tempat mahal. Jadi saya rasa besar kemungkinan disebabkan oleh kaedah pemasaran yang dilaksanakan itu yang tidak betul bukan disebabkan oleh kelapa tidak cukup dan sebagainya.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Jumlah sebenarnya, saya tidak ada perangkaannya, insya-Allah saya akan hantar dengan cara bertulis kepada Yang Berhormat.

Mengenai kekurangan kelapa ini bukan kerana cara pemasaran, cara pemasaran sebenarnya ia berlaku sekejap sahaja. Kalau di satu negeri dikatakan murah, di negeri lain itu mahal dalam masa satu minggu sahaja ia akan bertukar kerana maklumat pasaran ini sangat meluas. Dengan adanya handphone, radio jadi senang dan lori-lori swasta pun banyak tetapi apa yang masalah bekalan sebenarnya ialah keputusan pada masa ini. Ini terutama dekat bulan puasa biasalah. Kegunaan kelapa mungkin tiga kali ganda daripada musim biasa. Kerana itu yang menyebabkan kementerian cuba memikirkan jangka panjang bahawa pengeluaran buah kelapa secara jangka panjang mesti dirancang. Walaupun demikian kita tidak menafikan ada sesetengah tempat, ada kelapa tetapi tidak ada pemanjat untuk memetik. Jadi ini kalau harganya baik, saya percaya semua kelapa ini akan ada pemanjat. Tetapi walau bagaimanapun, kita akan cuba mengatasi pada masa-masa yang akan datang.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah masalah kelapa lagi. Seperti mana yang kita maklum tadi ada tempat ada kelapa, ada tempat kekurangan kelapa. Masalahnya sekarang adakah kementerian bercadang ataupun memperluaskan lagi mengkotakkan santan kelapa kerana ini boleh mengangkat industri ataupun ladang kelapa dan boleh mengatasi masalah kekurangan kelapa sebab kelapa dalam bentuk asalnya mudah rosak. Jadi, kalau dalam bentuk dikotakkan, saya rasa dapat dijimatkan dan banyak cara penggunaannya. Jadi ini juga satu promosi terhadap kelapa.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat pada masa ini kebanyakan kelapa untuk dieksport memang diproses iaitu santan kelapa ataupun kelapa yang dikeringkan, kelapa yang diproses dijadikan powder, dijadikan debu. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat kepada orang-orang Malaysia semuanya, tidak berapa berminat hendak menggunakan kelapa yang telah diproses. Jadi mereka lebih suka membeli kelapa yang segar, yang diparut dan digunakan terutama untuk membuat kuih, membuat kuih ini mesti kelapa yang segar kerana rasanya juga berlainan. Walau bagaimanapun, sebagai negara moden kita menuju ke arah penggunaan kelapa yang diproses, yang boleh tahan lama.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat sedar mengenai soal pasar tani, pasar-pasar dan sebagainya. Dari tinjauan saya dan rakan-rakan saya dalam pergerakan sekerja, kita dapati pasar tani lebih mahal daripada pasar-pasar biasa. Adakah Kementerian Pertanian sedar atas perkara ini?

Jadi saya ingin bertanya sama ada penyiasatan telah dibuat, cara mana kementerian dapat bertindak supaya mengurangkan harga di pasar tani. Pada kami pasar tani bukan lagi orang tani menjual tetapi orang tengah dan kami mencadangkan supaya ditubuhkan satu pasar yang lebih kepada peladang, orang peladang ataupun orang penternak, nelayan menjual sendiri secara direct. Ini

mbolehkan orang awam, pengguna dapat membeli secara lebih murah dan lebih segar. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pertanian, saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat. Ini soalan sulung agaknya [*Tepuk*] dan selamat datang ke Dewan Negara untuk memberi khidmat khususnya untuk membantu Kementerian Pertanian.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, memang benarlah akhir-akhir ini ada mereka yang bukan dari petani telah masuk ataupun asalnya petani, jadi bila mereka telah berkembang mereka tidak cukup bahan, mereka juga kadang-kadang membeli dari pasar borong dan sebagainya. Kita tidak menafikannya tetapi walau bagaimanapun kementerian sedar dan kita akan cuba menambahkan lagi penyertaan petani-petani secara langsung dan dengan cara itu kita akan dapat memastikan harganya sehingga kini memang lebih murah daripada pasar-pasar basah, pasar-pasar borong ataupun Pasar Chow Kit dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, kita akan cuba menambahkan supaya penglibatan petani-petani dapat ditambah pada masa-masa yang akan datang seperti mana pasar peladang, apa nama pasar pun kita teruskan dengan harapan semakin ramai petani yang terlibat dan pengguna akan dapat harga yang munasabah.

#### **LAPANGAN TERBANG SUBANG - OLEH SYARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) PENGGUNAAN SEMULA**

7. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) terjejas di dalam perkhidmatan penerbangannya dari segi keuntungan bagi penerbangan domestik dengan saingan hebat daripada syarikat-syarikat penerbangan tempatan hingga ia terpaksa menggunakan semula Lapangan Terbang Subang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini Penerbangan Malaysia ataupun MAS telah menyambung operasi perkhidmatan



domestik dari Subang mulai 25 Oktober 1998 oleh sebab adanya permintaan perkhidmatan dari Subang. Penyambungan perkhidmatan ini bukan disebabkan oleh saingan hebat daripada syarikat-syarikat penerbangan tempatan yang lain tetapi lebih atas kepekaan terhadap permintaan orang ramai. Sekian, terima kasih.

### **BANK-BANK DAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN TEMPATAN**

8. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menggabungkan bank-bank serta institusi kewangan untuk mengukuhkan keadaan bank dan institusi kewangan di negara ini. Nyatakan bank dan institusi kewangan yang terlibat dalam proses ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat dua Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan yang menyentuh isu yang serupa, saya memohon untuk menjawab daripada Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu yang dijadualkan dijawab pada hari ini dan soalan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin yang dijadualkan dijawab pada 16 Disember 1998.

Tuan Yang di-Pertua, penggabungan merupakan langkah berterusan kerajaan untuk merasionalisasikan dan memperkukuhkan lagi kedudukan sistem kewangan dan perbankan bagi meningkatkan keupayaan operasi dan kompetitif perdagangan. Setakat ini terdapat empat penggabungan di antara bank perdagangan yang berjaya dilaksanakan iaitu:

- (i) Bank of Commerce Berhad dengan United Asian Bank Berhad;
- (ii) United Overseas Bank Malaysia Berhad dengan Chung Khiaw Bank Berhad;
- (iii) DCB Bank Berhad dengan Kwong Yik Bank Berhad; dan
- (iv) RHB Bank Berhad dengan Sime Bank Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan syarikat kewangan sedang dikurangkan daripada 39 buah kepada 8 buah institusi. Cadangan penggabungan syarikat

kewangan berjalan dengan lancar dan Bank Negara Malaysia sentiasa mengawasi dengan rapi dan memberi sokongan yang penuh dalam pelaksanaan cadangan tersebut.

Setakat ini dua cadangan penggabungan yang melibatkan penyerapan aktiviti syarikat kewangan oleh bank induknya telah disempurnakan iaitu:

- (i) RHB Finance diserap oleh RHB Bank pada 30 Jun 1998; dan
- (ii) Kewangan Industri Berhad diserap oleh Bank Industri pada 1 September 1998.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada dua soalan. Berikutan dengan penerangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mendapat penjelasan pendapat umum sesetengah mengatakan penggabungan dua institusi kewangan yang lemah tidak semestinya menjadi satu kuat, bagaimana hendak menentukan ini?

Keduanya, kita faham bahawa pihak kerajaan telah menubuhkan Danamodal dan Danaharta untuk mengukuhkan institusi kewangan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita kedudukan sebenarnya setakat ini. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menggabungkan institusi kewangan ini memang adalah satu operasi yang telah dilancarkan sejak dahulu hingga sekarang. Terdapat pandangan iaitu kalau dapat kita bersaing dengan arena perbankan ataupun kewangan di dalam dunia perlulah kita bersiap sedia supaya kita dalam keadaan yang kukuh di mana terdapat dalam sistem perbankan dan kewangan kita memang pada bank-bank ataupun syarikat-syarikat kewangan yang kurang daripada tahap yang kita inginkan, dan dengan itu usaha seperti yang telah kerajaan jalankan itu dilaksanakan dan diawasi dengan rapi. Usaha-usaha selanjutnya akan juga dilancarkan untuk memastikan supaya sistem kewangan kita adalah kukuh dan baik.

Setakat ini usaha yang telah dijalankan untuk kita memperkukuhkan lagi sistem perbankan di dalam negara ini ialah melalui pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan juga melalui Danamodal Nasional Berhad. Yang pertama ialah untuk mengambil alih beban NPL yang dihadapi oleh bank-bank di Malaysia

dan di mana kita perhatikan iaitu kebanyakan bank kita adalah terlalu sibuk dengan masalah NPLnya dan terlampau banyak menggunakan masanya untuk menguruskan NPL dengan mengeluarkan saman, mengambil tindakan undang-undang dan sebagainya untuk memperolehi balik daripada customernya untuk menyelesaikan masalah NPL, sedangkan mereka sudah gagal ataupun lalai untuk menguruskan perusahaan biasanya iaitu untuk mengeluarkan pinjaman, menguruskan pinjaman permohonan.

Jadi, dengan itu kerajaan menubuhkan pengurusan Danaharta Nasional Berhad supaya dapatlah diambil alih beban NPL itu daripada sistem perbankan, dan dengan itu setakat ini terdapat sebanyak RM15 bilion diperuntukkan. Difikirkan ini adalah satu jumlah yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah NPL pada sistem perbankan di dalam keadaan yang paling teruk sekali, iaitu RM15 bilion perlu digunakan.

Setakat ini dana ini akan diperolehi daripada sumber-sumber seperti berikut: RM15 bilion daripada kerajaan; RM2 bilion akan diperolehi dari Khazanah Nasional Berhad dijamin oleh kerajaan; dan RM1.5 bilion akan diperolehi daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan dijamin oleh kerajaan; yang lain, iaitu bakinya RM10 juta akan diperolehi daripada terbitan bon oleh Danaharta. Setakat ini lebih kurang 11 bank telah menandatangani perjanjian dengan Danaharta untuk menyelesaikan masalah masing-masing.

Begitu dengan Danamodal Nasional Berhad di mana ini adalah digunakan sebagai satu special purpose vehicle untuk menyuntik dana kepada bank-bank yang mempunyai masalah modal, di mana dijangka Danaharta ini memerlukan jumlah dana sebanyak RM16 bilion di mana modal ekuiti RM3 bilion akan dikeluarkan daripada Bank Negara Malaysia. Setakat ini telah diperolehi RM7.7 bilion dengan penerbitan bon Danamodal dalam negara di mana semua ini diagihkan kepada semua bank di mana akan dibiayai melalui SRR yang dapat

dikurangkan daripada 8% sehingga 4%, iaitu dapatlah kita keluarkan sejumlah yang besar kepada semua bank dan bank ini dapatlah menggunakan dana ini untuk memperolehi terbitan bon daripada Danamodal.

Setakat ini 9 bank telah disuntikkan dengan jumlah sebanyak RM4.5 bilion dan 11 bank telah menandatangani perjanjian dengan Danamodal, dan masih terdapat dua institusi kewangan iaitu Bank Utama dan MBf yang belum menandatangani dengan Danamodal lagi. Ini mereka memerlukan arahan lebih lanjut daripada Bank Negara Malaysia untuk melaksanakan tindakan yang selanjutnya.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi masa yang lama berkenaan dengan soalan ini. Sebab ini adalah satu soalan yang amat penting kepada kita semua dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah pun memberi penggabungan bank sebagai satu cara untuk mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang ini. Satu lagi berkenaan dengan mengambil alih non-performing loan (NPL), dengan izin. Tetapi pihak kerajaan tidak menggambarkan langkah-langkah yang akan diambil ataupun telah diambil oleh Bank Negara untuk mempertingkatkan lagi tahap pengurusan bank-bank ini untuk mengukuhkan lagi institusi-institusi perbankan. Saya difahamkan bahawa sebuah bank, iaitu Bank Bumiputra telah pun memberi option atau pilihan kepada pekerja-pekerjanya lima tahun ke bawah untuk berhenti jikalau hendak berhenti. Jadi, bermakna ini menunjukkan bahawa ada kelemahan dalam perbankan kita. Soal untuk kita memperkukuhkan kerajaan tidak nampak lagi memberi jalan-jalan lain daripada apa yang disebut tiap-tiap hari seperti yang disebut oleh pihak kerajaan tadi. Jadi, dari segi pengurusan bank ini, jikalau manager-manager pengurusan tidak begitu berpengalaman ataupun tidak sesuai kita patut berhentikan dan diambil alih oleh orang-orang yang sesuai.

Inilah soalan tambahan saya yang saya cukup musykil sekarang ini terhadap pengurusan perbankan seluruhnya, melainkan bank-bank luar.

**Dato' Wong See Wah:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan lagi tahap kedudukan kekukuhan institusi perbankan. Proses-proses ini melibatkan yang pertama, mengurangkan kadar keperluan rizab berkanun daripada 13.5% hingga 4%. Ini seperti yang saya jelaskan tadi. Dengan ini dapatlah menambahkan kedudukan kecairan sistem perbankan supaya institusi perbankan dapat menjalankan lebih banyak pinjaman. Pada satu ketika itu kita menghadapi masalah kecairan di mana terdapat masalah di mana bank itu mempunyai mudah tunai ataupun kemudahan kecairan di mana mereka tidak dapat memberi pinjaman kepada permohonan yang telah dikemukakan walaupun projek-projek itu adalah viable.

Yang kedua, Bank Negara Malaysia juga telah mengurangkan kadar campur tangan tiga bulan Bank Negara Malaysia beberapa kali iaitu sebanyak empat hingga lima kali daripada 11.5% kepada 7% setahun untuk mengurangkan kadar pinjaman.

Yang ketiga, untuk menggalakkan institusi perbankan menyalurkan pinjaman bagi membiayai pembinaan dan pembelian rumah-rumah kediaman dengan harga RM250,000 dan ke bawah dengan mengecualikan pinjaman tersebut daripada had pinjaman 20% yang dikenakan ke atas sektor harta benda meluas sebagai langkah untuk merangsangkan sektor hartanah.

Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan Unit Aduan dan Pengawasan Pinjaman bagi mengenalpasti projek-projek yang berdaya maju untuk dibiayai oleh institusi kewangan. Yang sebenarnya Bank Negara Malaysia memang menggalakkan orang ramai yang berminat untuk memohon pinjaman dari sistem perbankan kita dengan mengemukakan kepada bank masing-masing supaya dapat kita proses dan kalau didapati projek itu feasible, maka kelulusan akan diberi dengan serta-merta. Kalau sekiranya terdapat gangguan ataupun halangan di mana-mana tempat haraplah dapat dikemukakan kepada Unit Aduan ini supaya dapatlah pihak Bank Negara Malaysia mengambil tindakan dengan serta-merta.

Yang kelima, memansuhkan had maksimum margin pembiayaan sebanyak 60% bagi pinjaman pembelian rumah kediaman berharga RM150 ribu ke atas dan rumah kedai termasuk juga unit kedai di kompleks membeli-belah berharga RM300 ribu ke atas. Dan mengenakan had ke atas pinjaman bagi pembelian saham dan unit saham amanah bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan daripada 15% hingga 20% daripada purata pinjaman.

Selain daripada pengurusan Danaharta dan pengurusan Danamodal seperti yang saya katakan, Bank Negara juga telah mewujudkan Jawatankuasa Penyusunan Semula Pinjaman untuk melancarkan dan mempercepatkan usaha penstrukturan semula pinjaman korporat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemberhentian pekerja yang berlaku sekarang ini, sebenarnya setakat ini memang tindakan yang dijalankan itu adalah dijalankan secara sukarela dan tujuannya ialah untuk menjimatkan supaya dapatlah meninggikan efisiensi dan mengurangkan kos sesebuah bank itu dan dengan itu setakat ini memang tindakan itu dijalankan secara sukarela dan tidak

ada terdengar apa-apa aduan yang melibatkan orang yang dipaksa berhenti kerja. Sebenarnya adalah diserahkan kepada semua yang terlibat untuk berunding dan dapatlah mereka selesaikan dengan cara yang baik dan bahagia.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa perkara ini begitu amat mustahak dan saya dengar penerangan yang baik oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada soalan tambahan berikutan dengan itu khususnya mengenai pinjaman yang diberikan oleh bank-bank, dua soalan.

Pertama, kita mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan II baru-baru ini mengatakan kementerian sedang mengambil tindakan untuk merasionalisekan segala dana yang telah diumumkan yang begitu banyak, yang baru-baru ini kita tahu ada 30. Kita ingin mengetahui apakah pendekatan dan akhirnya ke manakah arah tujuhnya supaya apakah kebaikan yang akan terhasil daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada itu, soalan saya yang kedua ialah disebut, digalakkan bank-bank mengeluarkan pinjaman, saya ada banyak kes yang dibawa kepada saya yang masih tidak diberi pinjaman. Yang kita keliru ialah dana diumumkan bertalu-talu, jumlahnya sekarang 30, galakan dibuat untuk merangsang aktiviti ekonomi tetapi masih tidak dapat. Saya ada banyak kes, saya tidak perlu sebutkannya, ada sesetengah kes yang example, dengan izin, satu setengah tahun terbengkalai projeknya terlalu amat viable, sefaham sayalah, pandangan saya yang cetek ini, kita tidak tahu mengapa bank itu masih tidak memberi pinjaman kepada syarikat begini, itu saya beri contoh. Kita ingin memahami supaya kita dapat memberi penerangan yang lebih jelas kepada pengikut-pengikut kita dan pengundi-pengundi kita yang amat mustahak. Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Yang pertama iaitu terdapat lebih kurang 30 dana yang melibatkan banyak kementerian dan ada terdapat yang telah lama diwujudkan, ada juga yang baru

diwujudkan dan telah dijadikan sebagai satu fikiran, pandangan iaitu terlampau banyak dan telah dicampuradukkan pandangan. Jadi ada pandangan iaitu supaya dapat kita rasionalisasikan untuk kita, yang lama itu mungkin kena di 'wipe out' ataupun diberhentikan atau perlu juga digabungkan sesetengahnya.

Walau bagaimanapun, ini adalah merupakan satu pandangan, ini perlu dikaji dari segi kementerian-kementerian yang terlibat dan juga dikaji dari segi pentadbiran sama ada boleh dijalankan ataupun tidak. Ini adalah masih di dalam peringkat perbincangan dan kajian.

Yang kedua, memang saya setuju, memang kita mendapat maklum balas iaitu masih terdapat bank yang tidak ingin memberi pinjaman kepada pemohon-pemohon tetapi setakat ini izinkan saya sebutkan, setakat ini kadar pinjaman yang dapat kita capai sehingga 1 September ialah 4.5% dan selepas kerajaan meluluskan supaya dikurangkan SRR daripada 13.5% hingga 4% itu dapat kita menyuntik jumlah dana ke dalam sistem perbankan kita sebanyak RM38 bilion dan ini bermakna kalau kita tinjau dan memang kerajaan berhasrat supaya kita dapat tingkatkan lagi kadar pinjaman ini sampai 8% tetapi setakat ini masih kita dapat iaitu kita perhatikan ini berjalan dengan begitu lambat sekali dan memang pihak Bank Negara tidak puas hati dengan pertambahan seperti yang berlaku ini. Memang satu rundingan telah diadakan di antara Bank Negara Malaysia dengan semua CEO bank-bank di Malaysia dan mereka diamanatkan supaya dapat mempercepatkan proses pinjaman ini untuk meluluskan permohonan dan mereka adalah dipertanggungjawabkan, kalau mereka tidak berusaha untuk mencapai dan tidak menunjukkan usahanya untuk mencapai sesuatu tahap yang diharapkan oleh pihak kerajaan. Setakat ini kita harap sampai hujung tahun ini iaitu 31 Disember, kita harap dapat mencapai ke satu kedudukan iaitu kadar pinjaman itu dapat ditingkatkan sehingga 6% ataupun 7%.

**SUKAN OLIMPIK 2008 - LANGKAH SUSULAN**



9. **Datuk Geoffrey Yee Lung Fook** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan dengan kejayaan Sukom 1998 Ke-16, Perdana Menteri telah menyatakan hasrat untuk menganjurkan Sukan Olimpik pada tahun 2008. Apakah langkah susulan kementerian.

**Setiausaha Parlimen Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat bin Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah susulan untuk mendapatkan hak penganjuran Sukan Olimpik 2008 sebuah jawatankuasa penawaran tuan rumah Sukan Olimpik 2008 telah dibentuk dan dipengerusikan oleh Menteri Belia dan Sukan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil dari jabatan kerajaan, Majlis Olimpik Malaysia dan wakil-wakil swasta. Jawatankuasa ini di antara lain akan merancang tindakan-tindakan yang sesuai untuk dilaksanakan untuk mendapatkan hak menjadi tuan rumah sukan berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan telah mengunjungi ibu pejabat Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa di Luzon baru-baru ini untuk mendapatkan penerangan mengenai proses mendapatkan hak menjadi tuan rumah ini. Dalam perbincangan dengan Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, Yang Berhormat Menteri telah dimaklumkan bahawa negara kita mempunyai kemampuan berdasarkan kepada kejayaan menganjurkan Sukan Komanwel Ke-XVI serta kemudahan sukan yang bertaraf antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk jawapan bagi soalan lisan telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 56 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG FRANCAIS 1998**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.08 pg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta Francais 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Francais ini bertujuan untuk menyediakan peruntukan mengenai pendaftaran, pentadbiran dan penguatkuasaan perniagaan francais di Malaysia. Akta ini akan mengadakan satu sistem pendaftaran yang sistematik bagi mengawal selia industri francais supaya pembangunan perniagaan francais di negara ini dapat berjalan dengan teratur, terkawal dan dapat diawasi.

Perniagaan francais adalah satu bentuk perniagaan yang berkembang dengan pesat di seluruh dunia termasuk di negara-negara di rantau ini. Kalau kita tinjau hampir setiap bandar di Amerika mempunyai sekurang-kurangnya satu buah kedai makan dalam bentuk francais di jalan besar bandar tersebut dan juga jabatan perdagangan Amerika Syarikat telah mengiktiraf francais sebagai satu gelombang di masa hadapan di mana francais akan menyumbang separuh ataupun 50% daripada jumlah jualan runcit pada tahun 2000. Sumbangan francais dalam bidang peruncitan di Amerika Syarikat masa kini ialah 44%.

Di negara ini pula kerajaan memang memberi perhatian yang berat terhadap pertumbuhan perniagaan francais kerana ia merupakan salah satu program penting dalam membangunkan usahawan baru. Baru-baru ini semasa persidangan Asia Pacific Franchise Confederation, ahli-ahlinya memberi iktiraf bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang paling mesra dalam bidang francais ataupun dengan izin, *the most franchise-friendly government*. Perniagaan francais melibatkan perhubungan yang rapat di antara kedua pihak iaitu pihak pemberi francais ataupun franchisor dan pemegang francais atau franchisee.

Dalam pada itu, peranan pihak broker francais juga adalah penting. Akta ini akan memberi garis panduan kepada pihak pemberi francais dan penerima francais dan lain-lain yang terlibat dalam industri francais mengenai perkara-perkara yang mereka perlu lakukan dan patuhi supaya dapat menentukan industri francais tumbuh dengan sihat dan tidak ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan di atas satu pihak yang lain atau kuarir untuk mendedahkan apa-apa maklumat mengenai perniagaan kepada pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini ada orang yang akan menyatakan bahawa ianya akan menambahkan lagi kerenah birokrasi dan menyusahkan sesebuah perniagaan untuk difrancaiskan. Saya suka menjelaskan bahawa perkara ini tidaklah tepat. Sebenarnya dengan adanya Akta ini kerajaan berharap setiap syarikat yang hendak memfrancaiskan akan merasakan perniagaannya lebih terjamin dan orang ramai yang hendak menjadi pemegang francais akan merasa lebih selamat. Akta ini memberikan peruntukan-peruntukan tertentu bagi melindungi kedua-dua pihak iaitu pihak pemberi francais dan juga pemegang francais. Akta ini cuba membendung perlakuan ataupun percubaan untuk menipu, memperdaya dan diskriminasi dalam tawaran untuk menjual mana-mana perniagaan francais. Mencegah pengedaran dokumen penzahiran yang mengandungi maklumat-maklumat yang mengelirukan atau tinggalan apa-apa maklumat yang penting atau maklumat yang tidak tepat kepada bakal-bakal pemegang francais. Mencegah amalan perdagangan serta layanan yang tidak adil kepada pemegang francais termasuklah perbuatan menipu, memperdaya, diskriminasi, penamatan perjanjian tanpa sebab yang munasabah dan sepeertinya.

Akta ini juga menggalakkan amalan-amalan murni dalam perniagaan termasuklah jujur ataupun *bona fide*, tanggungjawab untuk berhati-hati dan tanggungjawab fiduciary. Akta ini melindungi pemberi francais daripada usaha-usaha pemegang francais meniru perniagaan yang difrancaiskan dan juga hak-hak cipta francais.

Di negara ini adalah dianggarkan terdapat sekurang-kurangnya sebanyak 200 bilangan produk perniagaan francais dengan kira-kira seramai 2,500 bilangan outlet pemegang francais. Sejak tugas pemindahan tanggungjawab daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada bulan Mei 1995, di mana pada ketika itu hanya ada 15 produk francais, sekarang kita sudah mempunyai 71 produk francais dan pada masa pemindahan itu hanya ada 64

franchisee, sehingga masa kini kita sudah mempunyai 435 franchisee. Kebanyakan daripada syarikat yang memfrancaiskan ini adalah produk tempatan dan hanya sebanyak 21 daripada 71 buah adalah syarikat francais daripada luar negara. Hasrat kementerian ialah untuk membangunkan seramai 1,200 orang penerima franchisee bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam pada itu kementerian ini perlu mengadakan data dan perangkaan-perangkaan perniagaan francais di dalam negara ini. Dengan bilangan syarikat-syarikat yang memfrancaiskan semakin bertambah maka kawalan terhadap industri ini perlulah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kebelakangan ini kes-kes tertentu di mana bukan sahaja penggunaan perkataan francais telah disalahgunakan tetapi kes-kes yang mempunyai unsur-unsur penipuan telah mula wujud. Ini apa yang dikatakan dengan izin, how to manage success ataupun cara mana kita menguruskan kejayaan industri francais di negara ini. Perkara-perkara yang tidak sihat ini perlulah dibendung daripada awal lagi. Hasrat kerajaan secara jangka panjang ialah untuk membolehkan syarikat-syarikat tempatan yang memfrancaiskan dengan berjaya di negara ini juga dapat memfrancaiskan perniagaannya keluar negeri. Dengan adanya satu Akta Francois yang dapat menentukan hanya syarikat-syarikat francais yang teratur dan sempurna sahaja dapat difrancaiskan, maka sekiranya mereka memfrancaiskan keluar negeri kita akan dapat sekurang-kurangnya merasa yakin bahawa syarikat-syarikat berkenaan akan berjaya dan lebih dapat diterima oleh pihak francais di luar negeri dan tidak akan memburukkan nama dan imej negara kita.

Sehingga kini kita telah lihat beberapa syarikat di negara kita yang telah berjaya memfrancaiskan produk-produk mereka ke luar negara. Contohnya Marrybrown telah dapat memfrancaiskan produk-produknya ke negeri China, Brunei, Singapura dan kebelakangan ini akan mengembangkan sayapnya ke

Mauritius. Sugar Bun juga telah pergi ke China dan juga ke negeri Brunei. Bits and Bites telah mengembangkan sayapnya ke negeri China. Langkawi Crystal telah dapat bukan hanya membuka cawangannya di dua bandar di Australia tetapi juga telah berjaya membuka franchisanya di Germany dan Harrods, United Kingdom. Malahan sistem francais Avon dibangunkan di negara kita ini dan sekarang sedang digunakan di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, mengadakan satu Akta Francais bagi mengawal perniagaan francais bukanlah merupakan satu perkara yang aneh. Terdapat sekarang ini beberapa buah negara asing yang mana perniagaan francaisnya telah bertumbuh dengan cemerlang juga mempunyai Akta Francais tersendiri. Negara-negara itu ialah antaranya seperti Amerika Syarikat, di mana 12 daripada 25 buah negerinya mengamalkan, ada mempunyai Akta Francais. Di Kanada iaitu di Daerah Alberta, di Brazil, di Perancis, di Itali, di Korea dan baru-baru ini juga di Indonesia. Akta francais yang akan diadakan ini telah mengambil kira aspek-aspek penting peruntukan-peruntukan Undang-undang Francais di negara-negara yang tersebut itu.

Dari segi definisi, francais ertinya kontrak atau perjanjian sama ada secara nyata ataupun tersirat. Sama ada secara lisan atau bertulis antara dua orang atau lebih yang dengannya; pertama, pemberi francais memberi pemegang francais hak untuk mengendalikan perniagaan mengikut sistem francais yang ditentukan oleh pemberi francais selama tempoh yang ditentukan oleh pemberi francais.

Kedua, pemberi francais memberi pemegang hak untuk menggunakan cap atau rahsia dagangan atau apa-apa maklumat sulit atau harta intelektual yang dipunyai oleh pemberi francais dan termasuk keadaan apabila pemberi francais yang merupakan pengguna berdaftar akan dilesenkan oleh orang lain untuk menggunakan apa-apa harta intelektual, memberi apa-apa hak yang dimilikinya untuk membenarkan pemegang francais untuk menggunakan harta intelektual itu.

Ketiga, pemberi francais memiliki hak untuk melaksanakan kawalan berterusan sepanjang tempoh francais terhadap pengendalian pemegang francais mengikut sistem francais.

Keempat, pemberi francais mempunyai tanggungjawab untuk memberikan bantuan kepada pemegang francais untuk mengendalikan perniagaannya termasuklah apa-apa bantuan seperti peruntukan atau bekalan bahan dan perkhidmatan, latihan, pemasaran dan bantuan perniagaan atau teknik.

Kelima, sebagai balasan kepada pemberian hak-hak itu, pemegang francais dikehendaki membayar fi atau bentuk balasan yang lain.

Keenam, pemegang francais mengendalikan perniagaan secara berasingan daripada pemberi francais dan hubungan pemegang francais dengan pemberi francais tidak boleh dianggap sebagai satu perkongsian kontrak perkhidmatan atau agensi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat beberapa amalan salah laku yang berlaku dalam perniagaan francais. Ini termasuklah amalan-amalan salah laku di mana syarikat-syarikat pemberi francais tidak menunaikan tanggungjawab mereka yang sewajarnya sebagai syarikat pemberi francais. Contohnya, ialah perlantikan dua pemegang francais dalam satu kawasan operasi yang mana atau pemberi francais tidak membuat tindakan susulan terhadap pemegang francais. Di pihak pemegang-pemegang francais pula ada yang mengambil kesempatan terhadap pemberi francais. Ini termasuklah kes-kes di mana pemegang francais tidak mematuhi sepenuhnya perjanjian francais dan manual operasi, tidak membayar yuran dan royalti yang ditetapkan, menjalankan perniagaan lain yang tidak dibenarkan oleh pihak pemberi francais dan sebagainya. Istilah francais juga telah digunakan dengan sewenang-wenangnya dan begitu meluas sampai mengelirukan orang ramai.

Kementerian Pembangunan Usahawan telah juga mendapat ulasan dan pandangan daripada Persatuan Francais Malaysia mengenai draf undang-undang tersebut. Pandangan-pandangan daripada Persatuan Francais Malaysia telah juga diambil kira dalam menyediakan Rang Undang-undang Francais ini. Antara kandungan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Undang-undang yang dicadangkan ialah dalam Bahagian I - mengandungi tajuk ringkas akta, pemakaian, bidang kuasa akta dan tafsiran bagi istilah-istilah yang berkaitan dengan perniagaan francais.

Dalam Bahagian II - ialah berkenaan dengan keperluan pendaftaran, perlantikan Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar serta kuasa-kuasa, prosedur dan syarat untuk pendaftaran perniagaan francais dan juga broker francais, kelulusan atau penolakan permohonan, tarikh dan tempoh kuatkuasa pendaftaran, notis penggantungan, penamatan dan sebagainya bagi ataupun ke atas pendaftaran. Laporan tahunan dan pindaan terhadap mana-mana dokumen yang telah didaftarkan, amalan-amalan yang diwajibkan dan dilarang serta rayuan terhadap keputusan pendaftar.

Bahagian III - ialah berkenaan kandungan perjanjian francais, pembayaran fi francais, larangan terhadap diskriminasi ke atas pemegang francais, bayaran fi franchisee, atau royalti, penubuhan dana promosi, fi promosi, pendaftaran cap dagangan atau cap perkhidmatan, tempoh francais, maklumat rahsia, larangan terhadap perniagaan serupa, pembatalan apa-apa terma perjanjian yang mengecualikan pematuhan terhadap akta ini adalah tidak sah.

Bahagian IV - berkenaan amalan ataupun tatalaku pemberi francais dan pemegang franchisee dan penamatan perjanjian francais. Tanggungjawab pemberi pemegang francais, penamatan awal tempoh francais, perlanjutan tempoh francais dan perjanjian francais yang tidak diperbaharui.

Bahagian V - pula ialah berkenaan penubuhan Lembaga Penasihat Francais yang ahlinya akan dilantik oleh menteri dari kalangan orang-orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai perniagaan francais, berfungsi sebagai penasihat kepada kerajaan dalam usaha untuk mengembangkan dan memajukan lagi industri ini di Malaysia.

Bahagian VI - ialah berkenaan dengan kesalahan dan penalti iaitu mengadakan kesalahan bagi fraud perdayaan, menghalang pegawai dan memperuntukkan penalti am seperti denda yang boleh dikenakan bagi kesalahan pertama ialah RM5,000 hingga RM50,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak kurang RM10,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya. Di samping itu mahkamah boleh mengisytihar perjanjian francais menjadi batal, memerintah supaya pemberi francais memulangkan bayaran kepada pemegang francais atau melarang pemberi francais membuat apa-apa perjanjian

baru atau melantik pemegang francais baru. Terdapat juga kuasa mengkompaunkan kesalahan.

Bahagian VII - pula ialah berkenaan penguatkuasaan meliputi kuasa untuk menyasat dan pendakwa.

Bahagian VIII - ialah berkenaan keperluan memohon kelulusan pendaftar bagi mana-mana perniagaan francais dari luar Malaysia berniaga di dalam Malaysia dan penjualan francais dari dalam Malaysia ke luar Malaysia. Pendaftaran pemegang francais bagi pemberi francais asing. Pemeriksaan dokumen penzahiran oleh orang awam. Pengiklanan kuasa menteri untuk mengecualikan mana-mana pihak daripada mematuhi mana-mana peruntukan akta dan kuasa-kuasa menteri untuk membuat apa-apa peraturan ataupun kaedah berhubung pelaksanaan akta serta peruntukan untuk pengecualian dan peralihan untuk menghendaki pemberi francais ataupun broker francais untuk mendaftarkan francaisnya dengan pendaftar tidak lewat daripada 12 bulan dari permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua penggubalan Rang Undang-undang Francais ini akan mewajibkan semua syarikat dan individu yang menjalankan perniagaan francais sama ada sebagai pemberi francais, pemegang francais induk ataupun dengan izin, master franchise, pemegang francais produk luar negara serta broker francais bagi mendaftar dengan pendaftar dan mematuhi segala peraturan dan syarat yang ditetapkan di dalam rang undang-undang ini. Bagi tujuan ini satu unit akan perlu diwujudkan di Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menguruskan segala perkara yang perlu dilaksanakan seperti yang dinyatakan di dalam rang undang-undang. Penubuhan unit ini akan melibatkan sedikit pertambahan kakitangan sokongan, penyediaan peralatan pejabat serta sedikit pertambahan perbelanjaan mengurus.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengadakan Rang Undang-undang Francais ini adalah perlu bagi memastikan perkembangan sihat industri francais di negara ini. Rang undang-undang tersebut akan dapat memberi perlindungan kepada semua pihak yang terlibat dari sebarang bentuk amalan perdagangan yang tidak adil. Dengan adanya rang undang-undang ini adalah diharapkan agar hasrat



kerajaan untuk membangunkan lebih ramai usahawan tempatan terutama usahawan-usahawan bumiputera akan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran untuk mengawal selia francais-francais dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Dato' Ghazi.

**11.29 pagi**

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perdebatan Rang Undang-undang Francais.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana mengemukakan akta begini yang amat baik, penyampaiannya menyeluruh dan memuaskan dan saya rasa kena kepada tempatnya untuk kita menggerakkan aktiviti ekonomi melalui bidang-bidang perniagaan yang bertaraf kecil dan sederhana secara umumnya, walaupun tidak terbatas dari segi prinsip francaisnya.

Saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang pada saya masih mengelirukan dan saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sekali gus saya melihat penyampaiannya itu seolah-olahnya selaku menteri sendiri kerana menterinya yang berkenaan juga menjawat jawatan Menteri Kewangan II. Insya-Allah beliau akan menduduki tempat itu masa depan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut tentang kekeliruan dan salah guna perkataan francais. Saya rasa ini memang benar dan oleh kerana benar inilah saya ingin mengetahui dengan lebih jelas di manakah tahap recognition pengiktirafan sebagai franchisor yang boleh diterima? Kadangkala kerana

disalahgunakan masyarakat terpesong dan terkeliru. Contoh terbaik yang boleh saya fikirkan dan boleh saya bawa di sini ialah tentang soal francais, mengenai sistem program matrikulasi dalam bidang pendidikan umpamanya.

Banyak diperkatakan tentang francais, saya sangsi sama ada betul-betul ini mengikut amalan francais seperti di bawah kawalan, takrifan dan pengurusan Kementerian Pembangunan dan Usahawan ataupun hanya digunakan sekadar melepaskan batuk di tangga dan sekadar mengikut fesyen. Inilah saya rasa soal pendidikan dan pendedahan yang mesti kita beritahu kesemuanya, bukan hanya ahli-ahli bidang perniagaan yang mungkin mengambil bahagian dalam bidang francais tetapi juga anggota-anggota kerajaan supaya pegawai-pegawai kerajaan itu tidak menyalahgunakan perkataan yang kerajaan sendiri memberi takrif dan menguruskannya. Ini kekeliruan yang patut kita elakkan di masa depan, itu satu perkara.

Keduanya, dalam usaha yang begitu amat baik untuk membangunkan sistem francais dalam negara ini, saya amat berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga telah menyebut dan telah diakui dalam persidangan Yang Berhormat sebut Malaysian Government is the most francais friendly, dengan izin.

Saya rasa ini patut menjadi kebanggaan kita dan patut kita perhebatkan dan gunakan manfaatkannya sebaik mungkin. Cuma saya melihat, kalau kita hendak menentukan taraf kita bahawa bukan setakat francais friendly tetapi jaguh dalam bidang francais didunia walaupun kita telah mengikuti jejak langkah Amerika dan sebagainya, saya rasa kita hendaklah kita samakan, wujudkan program research and development (R&D), penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini,

kerana saya rasa soal ini telah ditekankan dalam bidang-bidang lain tetapi kalau saya rasa kalau kita hendak wujudkan yang local breed perniagaan yang asal usulnya dari Malaysia sendiri, dari tempatan yang boleh kita jadikan kebanggaan Malaysia, saya rasa unit ini atau kementerian khususnya mengadakan peruntukan khas, perhebatkan dalam bidang R&D, mengenal pasti bidang-bidang tertentu supaya ia dinaikkan, saya beri contoh, saya pernah dengar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sendiri bertahun-tahun dulu dan saya tahu ini 'pack project'nya, saya tahu semasa saya dahulu berkesempatan dalam satu usaha francais Sate Ria, saya masih ingat, lama benar kita menghadapi masalah, kita menghadapi satu pendekatan yang baru tetapi kita telah belajar. Saya harap kita dapat belajar dan memanfaatkan ini sekarang dalam tahun 1998. Insya-Allah dream, vision Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu boleh terhasil dengan adanya Akta Francais yang saya sebut tadi.

Saya beri contoh nasi lemak, kalau bab nasi ini sahaja, nasi lemaknya, nasi berianinya, nasi dagangnya umpamanya kalau dijadikan sebagai satu bahan untuk R&D sekarang ini, dididik orang-orang yang mahir ini yang sudah pun terkenal dengan masakannya baik. Dididik oleh pasukan atau kumpulan R&D ini sehingga mencapai satu tahap di mana ia boleh jadi master franchisor. Saya sebut umpamanya mee, mee kari, mee goreng, mee siam, mee dan sebagainya pelbagai jenis mee, kalau di atas tajuk mee sahaja dijadikan satu program R&D - penyelidikan dan pembangunan maka terhasillah juga produk tempatan. Malah saya terus sebut, bila saya sebut tentang nasi dan mee, saya masih fokus pada sate mengapa tidak, saya tidak tahu apa jadinya, Sate Ria saya tahu, sudah dikuburkan dan 'dibaca talkin'.

Tetapi baru-baru ini, Sate Aneka, ini saya tidak tahu. Ramai rakan termasuk saya sendiri dan keluarga memang menggemari Sate Aneka. Kita pergi ke satu restoran di Subang Parade ada satu, Subang Parade kurang baik, standard tidak ada yang satu lagi, yang di Jalan Bukit Bintang, di Sungei Wang Plaza, tarikan begitu hebat, masa mana masuk pun tidak ada tempat. Apakah maknanya ini, maknanya masyarakat keseluruhannya Melayu, Cina, India, Mat Saleh, Jepun dan sebagainya semuanya menerima Sate Aneka.

Apa sudah jadi dengan Sate Aneka, pada saya kalau Sate Ria zaman 70-an tidak berhasil, tidak apalah kita sudah ada pengalaman tetapi kalau Sate Aneka dalam tahun 1997 dan 1998 masih tidak dapat dibangkitkan, saya rasa terdapat satu kontradiksi di antara usaha kerajaan hendak membangunkan sistem francais dengan satu produk tempatan yang boleh kita banggakan. Alhamdulillah, penerbangan MAS masih terus mempromosikan, menggunakan dan menghidangkan sate dalam penerbangan tetapi kesedapan, keenakan sate dahulu dan sekarang sudah menurun.

Kalaulah sistem francais sate dipertahankan, melalui penerbangan MAS yang menyeluruh ke serata dunia itu pun boleh mempromosikan tentang sistem francais kita, malah ke seluruh dunia. Dunia mencari-cari di mana Malaysia, bagaimana contact untuk mendapat master franchisor yang dapat disebarkan ke seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah tentang jenama dalam sistem francais ini. Saya tertarik dengan contoh-contoh baik yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma bila disebut Avon yang dibangkitkan di sini, ia separuh local dan separuh foreign kerananya ialah

penguasaan ekuitinya pada pemahaman saya ialah luaran dan sistem-sistem 'detail'nya itu dikemaskan dan dijalankan dengan baik oleh pengurusan tempatan.

Kita berkehendakkan supaya nama-nama seperti McDonald, KFC dan Avon yang disebutkan tadi boleh dijadikan contoh tauladan supaya sate kita, nasi kita dan mee kita setaraf itu yang saya maksudkan dalam perkara-perkara yang saya telah bincangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang hendak saya sebut ialah mengenai galakan dan promosi mengenai sistem francais ini sendiri. Mungkin kementerian yang berkenaan mempunyai hadnya yang tersendiri selama ini kerana tidak dipromosikan dengan begitu hebat. Sekarang dengan wujudnya akta, alhamdulillah saya dengar mempunyai peruntukan khas dan ada unit khas dengan pegawai-pegawainya dan alat kelengkapan (supportnya) dengan baik. Saya harap ini akan dijadikan satu benda yang boleh dipromosikan dengan hebat. Saya rasa inilah satu jalan menentukan khususnya masyarakat umum, lebih khusus lagi masyarakat bumiputera boleh mengambil bahagian.

Bab promosi ini bukan hanya setakat memberi kesedaran tetapi kesedaran dari segi detailnya. Saya pernah didatangi oleh beberapa orang rakan yang menunjukkan kepada saya beberapa siaran yang diterbitkan oleh pihak kementerian, yang mungkin agak terhad dan limited dari segi maklumatnya dan kita harap kalau sistem francais itu terlalu baik bila disenaraikan, saya kira dalam keadaan zaman ekonomi meleset ini saya ingat orang akan beratur panjang macam hendak ambil tiket bola untuk menjadi franchisee kerana kalau kita fikir dari segi package yang dibuat oleh kerajaan begitu amat baik sekali. Sistem francaisnya ada, yang hendak membantunya ada, sokongan kewangannya ada, masalah perbankan yang saya sebut relevan di sini. Kita tidak hanya mendengar 30 dana yang diwujudkan tetapi bila orang francais hendak dapat, aku hendak dapat ini

RM200,000 atau RM500,000 tidak boleh dapat permohonan. Saya tidak sebut tadi, saya ingin sebutkan di sini mungkin relevan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar khabar Yang Berhormat Menteri Kewangan II berjumpa dengan saudagar-saudagar bank ini – bercakap tentang kenapa tidak keluarkan pinjaman dan laporan akhbar – sama ada betul atau tidak, disebut bank baru hendak masuk ‘gear’ untuk memberi pinjaman. Saya tidak faham kenapa bank baru hendak masuk ‘gear’, sepatutnya ia sudah ‘over drive’ sekarang ini, sepatutnya! *[Disampuk]* Ha, di gear lima. Saya tidak faham kerana masyarakat umum yang mengatakan kalau kerajaan menggalakkan, menunjukkan – tunjuk carrot dan mengadakan dana-dana yang begitu banyak kita mesti manfaatkan ini. Kalau boleh kita menunjukkan keseriusan kita – komitmen yang lebih, ertinya kita serius, bukan hanya kita setakat sedap untuk membuat pengumuman dan sebagainya. Orang yang agak teruk ialah orang-orang yang macam kita di bawah kerana rakan-rakan selalu datang bercakap dan minta sedikit sebanyak nasihat yang boleh diberi tetapi kalau kita melihat tidak ada ruang untuk kita memberi nasihat lanjutan, agak susah!

Jadi, perkara-perkara ini saya dengan ikhlas ingin share dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya perkara-perkara ini diberi penekanan. Saya rasa di antara rakan-rakan ahli senator yang ada di sini, ramai yang boleh tolong membantu dalam usaha promosi tanpa bayaran, tanpa bayaran – kalau hendak bayar bolehlah, nanti orang marah pula kepada saya. Saya mesti qualify sedikit. Boleh, kerana kita rasa kita ingin berkomunikasi dengan orang-orang yang kita hendak didik. Kalaulah dalam satu kawasan boleh kita kata, awak tolong wujudkan lima franchisee, kita boleh buat satu master plan yang besar setiap....setiap siapa, ikutlah, setiap ketua bahagiankah, saya pun tidak tahu – setiap oranglah, setiap pemimpin. Setiap pemimpin masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tertentu diberi tanggungjawab untuk mewujudkan lima sahaja dalam

kawasan dia, itu sahaja dan dia ini ada direct access dengan 'chief executive', dengan orang yang bertanggungjawab terus dengan sistem francais di kementerian. Saya rasa perkara ini kalau perbankan sudah ready, kalau francais ini ertinya semuanya sudah diwujudkan, dikhutbahkan, dipersatukan, dinyatakan satu persatu A sampai Z, hendakkan badan dia, niat dia dengan iltizam dia, itu sahaja! Mana ada negara lain yang boleh membuat itu?

Saya rasa inilah peluang terbaik untuk kita menunjukkan bahawa kerajaan serius, ahli-ahli Dewan yang diminta untuk membantu, serius dan kita boleh wujudkan masyarakat menengah bumiputera ini melalui ini. Jadi, kalau target 5xX, 5X itu sudah memberi contribution kepada whatever jumlah, dengan izin, yang kita hendak perhebahkan dan oleh kerana perkara ini boleh kita perhebahkan kepada semua, inilah satu cara yang melibatkan keluarga, anak semua. Kadang-kadang dalam perkara ini, saya tahu dalam McDonald saya juga pernah berdamping rapat dengan tauke McDonald dahulu kerana dia sendiri mengikuti kursus dalam McDonald University, walaupun dia tauke besar tetapi oleh kerana pendedahan begini dan sistem itu agak baik dan padat, yang mengajak ibu bapa pergi ke kedai McDonald dan KFC umpamanya ialah anak-anak sendiri, digandingkan, digabungkan, disatukan dengan promosi dan sebagainya.

Kita ingin melihat nasi lemak, sate whatever, sate Jusohkah atau sate apakah, sate Kajang, [*Disampuk*] sate Kajang rupanya sudah ada, ini sebut sate Kajang – terima kasih. Baru-baru ini dipertingkatkan sate Kajang – terima kasih beri que kerana Komanwel, saya berkesempatan hadir dalam satu tempat, yang dipromosikan sate Kajang tetapi sate Kajang 1998 sudah tidak sama dengan sate Kajang 60-an yang pernah kita rasa dahulu tetapi ini yang hendak kita tentukan bahawa sate Kajang dinaikkan taraf, diadakan standard supaya dipromosikan.

Saya rasa itu sahajalah yang saya hendak sebut dan perkara ini adalah begitu amat baik dan perkara ini kalau boleh diberi keutamaan oleh pihak

kementerian, saya rasa this is the best weapon, dengan izin, inilah senjata terkuat untuk menggerakkan aktiviti ekonomi di serata pelosok negara kita dan dalam masa satu tahun ini boleh kita bangkitkan sebilangan yang significant ahli-ahli francais yang lebih-lebih lagi diberi tumpuan kepada barang-barang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

**11.48 pagi.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Satu pendekatan baru melalui usaha niaga dan ianya dapat dilaksanakan dan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan yang mempunyai potensi barangan produk dapat diperluaskan, usaha yang lebih luas melalui Rang Undang-undang Francais 1998 diluluskan.

Dengan peluang ini saya yakin, insya-Allah membolehkan kembali masalah kelembapan ekonomi negara dan rakyat Malaysia. Melalui pengamatan saya, banyak pengusaha tempatan yang mampu mengeluarkan makanan yang rasanya diminati dan sesuai diperkenalkan kepada dunia luar terutamanya cita rasa yang terjamin halalnya kepada umat Islam di negara umat Islam. Sebagai contohnya, kemahiran yang usahanya secara kecil-kecilan yang dilakukan oleh pengusaha tempatan seperti serunding daging yang terkenal di Kelantan di mana pengusaha kecil-kecilan ini memerlukan kepada sokongan dan rangsangan kepada pengusaha-pengusaha tersebut dapat dikembangkan produktiviti ke peringkat pasaran yang lebih luas. Kelantan juga mempunyai keluaran batik yang boleh diiktiraf produknya. Setakat ini saya rasa produk batik tidak diperluaskan ke dunia luar, kalau adapun mungkin ianya diusahakan oleh individu atau peniaga-peniaga yang berkemampuan.



Dalam bidang pakaian kanak-kanak contohnya, pakaian keluaran jenama Anakku, saya rasa tidak kurang tarafnya ataupun kualitinya dengan keluaran *'Mother's care'* ataupun *'Blue bird'* yang terkenal di seluruh dunia. Jadi apa salahnya dengan francais yang kita wujudkan ini dapat memberikan satu rangsangan kepada produk pengusaha-pengusaha tempatan kita, dapat memperkenalkan barangan Malaysia ke seluruh dunia dan saya tidak berminat untuk bercakap panjang. Saya juga turut sokong bersama dengan kawan-kawan yang lain bagi memastikan francais dan barang keluaran tempatan dapat memperkenalkan negara kita demi untuk kemajuan negara dan bangsa.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**11.52 pagi.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi dan saya menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan dan juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah memberi pengiktirafan kepada industri francais dan seterusnya dengan membentangkan rang undang-undang ini, melegitimasikan industri tersebut dan seterusnya menjadikan ianya satu daripada usaha kementerian untuk mewujudkan usahawan-usahawan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa bukan hanya korporat-korporat ataupun perniagaan-perniagaan yang besar sahaja yang boleh mengembangkan ekonomi sesebuah negara tetapi juga sebenarnya perusahaan dalam bentuk kecil dan sederhana juga adalah merupakan pemangkin perkembangan ekonomi dan ini juga dapat kita lihat bahawa telah terbukti seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terutamanya di

Amerika yang memang terkenal dengan francais-français, dengan idea-idea français dan juga sistem français yang terus diperkembangkan dan diperbaiki.

Justeru itu kalau kita lihat juga di negara ini kita juga tidak akan tertinggal kerana kita juga mahu bersama untuk terus berkembang dalam bidang ekonomi dan kalau kita baca dalam buku-buku pun kita lihat contohnya, John Naisbit dalam buku '*Mega Trends*' dan juga dalam buku '*Mega Trends 2000*' telah meramalkan bahawa français akan merupakan penyumbang lebih daripada separuh jualan runcit di dalam abad ini jika tidak dalam abad yang akan datang nanti. Tentu sekali kita sedar bahawa apabila kita melihat kepada keadaan ekonomi dan kegawatan ekonomi, bahawa sistem français ini ataupun perniagaan français ini merupakan satu alternatif kepada mereka yang mempunyai kemahiran perniagaan dan juga mereka yang daripada peringkat pengurusan pertengahan dan juga bawahan dalam perniagaan. Contohnya, dalam syarikat-syarikat ataupun korporat-korporat yang boleh mereka gunakan français ini sebagai satu alternatif untuk membuat perniagaan sendiri kerana dalam sistem français didapati kurangnya uncertainty atau tidak ketentuan dan juga ianya jika dibandingkan dengan usaha kita ataupun pekerjaan di dalam korporat ianya lebih kurang tekanan ataupun stress dan kita juga banyak mendengar tentang retrenchment ataupun pembuangan kerja bagi pekerja-pekerja dan tentu sekali kita harap français ini merupakan salah satu daripada alternatif kepada mereka. Malah saya berpendapat bahawa sistem français ini akan dapat memberikan satu peluang kepada peniaga-peniaga yang mempunyai cita-cita lebih tinggi untuk memperbaiki sistem perniagaan kerana seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga rakan saya tadi Yang Berhormat Senator Dato' Ghazi bahawa sistem français adalah satu sistem perniagaan yang sedia 'package'nya yang bukan sahaja menentukan produk tetapi juga menentukan cara mana perniagaan itu akan dilaksanakan termasuklah pemasaran, pengurusan dan juga bagaimana ia dapat

menentukan masuk keluar wang dan juga bagaimanakah seseorang itu akan mendapat keuntungan lebih-lebih lagi ia juga akan menentukan pasaran bagi sesuatu perniagaan itu. Kalau kita melihat kepada pengalaman di Amerika Syarikat, oleh kerana francais ini merupakan satu perniagaan yang begitu menarik kerana ianya menyediakan kemudahan-kemudahan yang disebutkan tadi, terutamanya market atau pasaran yang tersedia itu ia juga telah membawa kepada banyak masalah tipu daya yang terjadi di kalangan peniaga-peniaga.

Walau bagaimanapun, itu tidak semestinya dijadikan satu halangan tetapi ianya haruslah kita lihat secara positif untuk kita terus melihat francais itu sebagai satu bidang perniagaan untuk membolehkan kita terutamanya dalam konteks perniagaan di negara kita ini mengawal kualiti perniagaan yang kita laksanakan. Tadi rakan-rakan senator telah menyebut tentang perniagaan francais makanan. Ini adalah satu bidang yang memang popular dan kita dapati banyak francais makanan, outlet-outlet yang dibuka di merata dunia dan kita dapati bahawa dengan adanya sistem francais untuk penjualan makanan ini kualiti makanan itu dapat dijaga. Saya juga ingin menyokong tentang francais makanan diberi keutamaan, terutamanya di negara kita ini – kalaulah boleh seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Dato' Ghazi tadi lebih banyak jenis-jenis makanan itu difrancaiskan supaya kualiti makanan dapat dijaga, kebersihan dapat dijaga dan cara-cara penjualan dapat dijaga.

Saya fikir francais ini adalah satu daripada cara yang boleh menggalakkan terutamanya usaha-usaha pihak kementerian untuk menambah usahawan-usahawan bumiputera terutamanya kerana kita dapati memang menjadi satu daripada perancangan kerajaan untuk menambahkan usahawan bumiputera yang selama ini ketinggalan dalam bidang perniagaan dan kita juga dapati bahawa kebanyakan usahawan bumiputera di negara ini yang walaupun mula berniaga, kadangkala ianya merupakan perniagaan yang kadang-kadang dibuka dan kadang-

kadang ditutup. Kita dapati contohnya bengkel-bengkel mungkin hasil daripada Giat MARA yang pekerja-pekerja atau usahawan-usahawannya membuka bengkel-bengkel di tepi jalan, kalau kita ikut jalan-jalan di kampung atau di highway, kita dapati bengkel-bengkel ini kadangkala tidak ada orang yang menjaga. Ini pada hemat saya ialah kerana kurangnya mungkin motivasi dan juga mungkin kurangnya pengalaman dan kurangnya preserverance untuk terus maju dan mungkin ianya juga tidak mengerti dan tidak tahu bagaimana hendak menjalankan perniagaan.

Jadi kalaulah, contohnya Giat MARA memfrancaiskan bengkel-bengkel membaiki motor contohnya, mungkin kita akan menambahkan lagi bengkel-bengkel ini yang sebenarnya dapat dilaksanakan dan diusahakan oleh pelatih-pelatih Giat MARA kerana bengkel seperti kita tahu francais itu adalah satu sistem dan kita telah dijadikan undang-undang untuk memastikan sistem itu dapat dilaksanakan. Jadi mungkin dengan cara mengadakan francais ini boleh kita lebih menggalak dan boleh lebih membantu dan lebih mengawal selia usahawan didikan MARA, contohnya untuk terus maju kerana ianya satu masalah yang kita dapati bahawa ramai di antara usahawan-usahawan muda kita yang selalunya akan berundur ke belakang atau mengaku kalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa francais ini yang sangat kita alu-alukan Akta ini dan seperti juga dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi juga bahawa ini adalah satu daripada pack projek Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya sendiri pun ingat dalam tahun 80-an atau mungkin 70-an, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah banyak memperkatakan mengenai francais dan bagaimana beliau begitu berpandangan jauh melihat bahawa francais itu adalah satu daripada jenis perniagaan yang perlu kita pertingkatkan. Oleh kerana ia merupakan satu yang dapat dibawa ke masa hadapan dan ianya juga sesuatu yang boleh kita galakkan sebagai satu jenis perniagaan yang mempunyai nilai kerana ianya kena perlu ada disiplin untuk dapat menjalankan satu-satu francais dan ianya juga satu yang dinamik dan inovatif dan ianya juga dapat diperluaskan ke luar negara, maka saya berpendapat bahawa

francais ini perlulah dijadikan salah satu daripada projek utama bagi Kementerian Pembangunan Usahawan untuk terutamanya mewujudkan lebih ramai usahawan dan seterusnya meninggikan dan mempertingkatkan bidang perniagaan bagi semua rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebut tentang konsep francais. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga ada menyebut tentang konsep francais dan saya juga ingin memberi pandangan tentang konsep francais ini. Mungkin kita banyak mengambil acuan francais ini dari Amerika ataupun negara luar tetapi yang saya tahu, saya banyak membaca ialah buku-buku yang ditulis oleh American authors.

Walau bagaimanapun mungkin idea ini idea daripada luar dan idea ini boleh kita terima pakai sebagai salah satu cara untuk mengembangkan usahawan kita. Saya ingin mencadangkan kita melihat kepada konsep francais ini daripada sudut keperluan kita, bagaimana kita dapat menggunakan idea francais ini untuk dijadikan satu proses transformasi peningkatan perniagaan untuk kita menentukan satu sistem yang sistematik, berdisiplin, kerja berpasukan, konsisten dan mampu menambah keupayaan pengurusan dan dalam sistem francais yang ada ini kita perlulah mengkajinya untuk kita dapat menggunapakaikan kepada jenis-jenis perniagaan yang dijalankan oleh usahawan-usahawan kecil kita terutamanya kerana dengan konsep francais ini sebenarnya boleh kita kenakan atau pakaikan kepada peniaga-peniaga kecil untuk mereka menjadi peniaga-peniaga yang lebih mantap, untuk mereka mewujudkan satu jaringan/network, jaringan perniagaan yang membolehkan mereka saling bantu membantu dan dalam masa yang sama juga dapat mereka mempertingkatkan perniagaannya.

Saya ingin mencadangkan francais di negara ini dikategorikan kerana kalau kita ikut francais di tahap internasional mungkin ada antara peniaga-peniaga kita tidak dapat mencapai tahap tersebut. Mungkin agaknya pihak kementerian boleh memikirkan untuk mewujudkan francais yang dikategorikan kepada francais tempatan, francais nasional dan ketiganya francais di peringkat antarabangsa kerana seperti saya katakan tadi francais itu perlu dilihat sebagai satu instrument untuk memangkin pembangunan usahawan dan perniagaan. Ianya juga boleh

dilihat untuk distructural ataupun restructure balik perniagaan-perniagaan yang ada.

Saya ada membaca di dalam sebuah buku mengatakan bahawa di European Commission ada mewujudkan satu badan penasihat untuk restructure business practise untuk ulang kaji restructuring perniagaan sekatan dan peluang di mana dibuat satu analisa mengenai perniagaan-perniagaan yang dijalankan di European Union untuk dapat diserapkan prinsip-prinsip francais ini untuk dijadikan satu perubahan dalam sistem perdagangan dan perniagaan di European Union dan mengikut apa yang disebut di dalam proses reengineering business practise ini penekanan telah dibuat kepada pembangunan strategy, policy deployment, dan policy control, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat maklumat ini daripada buku oleh Warren Winslow dan tajuk bukunya *Strategic Business Transformation*. Jadi, ini mungkin kita dapat lihat sebagai idea-idea sebagaimana kata Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi, kita mesti ada R&D dan mungkin ini juga perlu dilihat dalam konteks R&D kerana kita melihat kepada menganalisa, kepada aspek-aspek francais, prinsip-prinsipnya yang bukan hanya kita gunakan francais *per se* seperti mana yang difahamkan tetapi diperluaskan maksud dan maknanya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat takrif francais itu bolehlah kita perluaskan dan seterusnya saya juga merasa dalam kita menganalisa keusahawanan sama ada dalam bentuk francais ataupun keusahawanan biasanya salah satu daripada masalah yang timbul ialah wang modal. Francais ini saya difahamkan kalau yang kecil itu mungkin modalnya tidak begitu banyak, yang besar mungkin lebih, walau bagaimanapun masalah-masalah yang kita tahu yang dihadapi oleh ramai usahawan ialah wang modal atau cash flow untuk kegunaan harian ataupun mingguan.

Saya ingin mencadangkan, saya tahu ini tidak ada wujud lagi bahawa pihak kementerian membuat perundingan dengan pihak bank untuk membolehkan pinjaman yang dibuat untuk jangka pendek yang mana mungkin keperluan untuk jangka pendek dalam tempoh masa mingguan ataupun quaterly ataupun onee third of the month. Sebab saya tahu ada usahawan-usahawan kita yang contohnya membuka kedai restoran mengambil hutang daripada tauke-tauke yang mempunyai wang dan ianya mengutip secara harian sama ada ia meminjam secara harian dan ianya mengutip balik wang itu secara harian dan akhirnya pengusaha itu bertungkus- lumus dan tidak mendapat apa-apa kerana ianya meletakkan riba atau faedah yang begitu tinggi.

Saya tahu yang kebanyakan peruntukan kewangan yang diberi adalah berbentuk di dalam mungkin dalam tahun, wang itu diberi sekaligus ataupun dalam bentuk overdraft (OD) yang digunakan tetapi mungkin juga pihak bank terutamanya Bank Islam boleh memikirkan satu kaedah baru untuk memudahkan usahawan-usahawan kecil ini mendapatkan cash flow ataupun pinjaman sekejap yang lebih menguntungkan dan tidak merugikan sehingga ianya habis wang yang dibelanjakan untuk perbelanjaan harian oleh kerana meminjam daripada tauke-tauke atau ceti-ceti yang mengenakan faedah yang tinggi. Dalam konteks ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian dalam menguatkuasakan undang-undang mengenai pinjaman-pinjaman oleh peminjam-peminjam wang atau money landers yang tidak berdaftar, saya rasa ini berleluasa dan ianya tidak menguntungkan pihak-pihak yang bernaga itu terutamanya kepada mereka yang baru mula untuk berniaga dan oleh kerana kurangnya penguatkuasaan ini kita dapati banyak peniaga kecil atau yang baru mula ini, kita lihat baru tiga bulan atau sebulan, kedainya telah ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membuat ulasan mengenai rang undang-undang yang telah dibentangkan. Saya ucapkan tahniah kepada pihak

kementerian kerana telah dapat mengemukakan satu Rang Undang-undang Francais yang komprehensif dan saya juga berpendapat ianya pragmatik dan dapat dilaksanakan. Bahagian I Fasal 4 iaitu mengenai tafsiran francais. Rang undang-undang ini telah menyatakan apakah maksud francais. Saya inginlah menyarankan di sini bahawa untuk mereka yang berminat di dalam francais, mereka perlulah diberi pengetahuan yang mencukupi untuk mengetahui dan memahami kehendak sesuatu francais agar tidak didapati melakukan kesalahan di bawah undang-undang francais.

Semasa saya mengkaji rang undang-undang ini, saya dapati bahawa francais ini adalah sangat-sangat bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang. Kejayaan sesuatu francais itu akan tertakluk kepada penguatkuasaan undang-undang yang ada kerana satu francais itu adalah bergantung kepada perjanjian francais. Apa yang disebut di dalam perjanjian itu maka itulah yang perlu dilaksanakan, dan kita juga perlu memberitahu kepada mereka yang berminat di dalam francais bahawa apa-apa yang dirasakan akan menimbulkan konflik dalam pelaksanaan sesuatu francais itu perlulah dipersetujui sebelum ianya ditandatangani kerana daripada pengalaman mereka yang menggunakan francais ini, seseorang yang menjadi franchisee perlulah orang yang sangat berdisiplin dan oleh kerana itu ianya perlulah sebenarnya mengikuti kursus-kursus yang benar-benar dapat memberitahu tentang apa itu francais supaya ianya tidak akan menjadi satu investment ataupun pelaburan yang akan merugikan kerana kurang arifnya tentang apa itu francais dan kurang arifnya tentang peraturan francais itu maka francais itu tidak dapat dilaksanakan.

Yang kedua, ialah Bahagian II yang memperuntukkan tentang perlantikan pendaftar. Di sini badan pendaftar diwujudkan untuk mendaftar semua franchisee yang hendak dijadikan francais. Dan yang penting saya lihat di sini ialah tentang dokumen penzahiran ataupun disclosure document. Disclosure document ini perlu



memberitahu segala-galanya tentang sesuatu francais yang hendak didaftarkan dan sebenarnya disclosure document ini hendaklah diberi juga kepada pihak-pihak franchisee tetapi apa yang saya lihat ialah disclosure document ini atau dokumen penzahiran ini akan diberi kepada pihak franchisee atau pemegang francais di bawah Fasal 15(1) dan ianya diberi tempoh 10 hari sebelum ianya ditandatangani. Soalannya ialah, adakah 10 hari itu bermakna kedua pihak telah pun bersetuju untuk menandatangani perjanjian franchise tersebut atau adakah 10 hari itu adalah waktu sebelum keputusan dibuat. Sebab saya juga lihat bahawa franchisee disclosure document ini juga adalah merupakan satu maklumat yang sulit. Tetapi mengikut disiplin francais sebelum seseorang pemegang francais itu dapat menerima satu francais itu sebagai franchisee yang hendak dibelinya dan hendak dilaksanakan, beliau mestilah diberi segala maklumat mengenai sesuatu francais itu. Jadi, apa pun maklumat yang diperlukan perlu diberi kepada beliau kerana jikalau ianya tidak mencukupi, maklumat-maklumat tersebut mungkin juga merupakan maklumat-maklumat yang tidak benar ataupun maklumat-maklumat yang merupakan misrepresentation yang apabila ia melaksanakan franchisee tersebut ia tidak dapat sebenarnya apa yang dijanjikan dalam maklumat-maklumat berkenaan. Saya dapati bahawa tidak ada peruntukan atau jikalau ada saya minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang penerangan-penerangan terhadap maklumat-maklumat yang perlu diberi kepada pemegang franchisee.

Kita lihat bahawa di bawah Fasal 14, ada perlantikan seorang broker franchisee yang menjadi saya kira orang tengah untuk mengirakan sesuatu francais yang hendak dijual. Jadi broker franchisee ini juga perlulah merupakan seorang yang mempunyai maklumat-maklumat sesuatu francais yang berkenaan. Kita dapati bahawa di bawah Fasal 14, ini broker ini adalah seorang yang akan digunakan ataupun akan menjadi orang tengah tetapi tidak ada peruntukan-peruntukan yang menyatakan bahawa maklumat-maklumat yang perlu diberikan kepada broker franchisee itu perlu diberi kepada broker franchise. Tidak ada peruntukan di dalam rang undang-undang. Sebab saya khuatir bahawa jikalau

tidak ada peruntukan tersebut kemungkinan jika ada maklumat-maklumat yang dianggap confidential ataupun maklumat-maklumat - kalau saya lihat di bawah Fasal 56 menyentuh tentang hak untuk mendapat kepada pemeriksaan awam dokumen penzahiran ini adalah jikalau adanya pemeriksaan itu boleh mendatangkan mudarat kepada pemberi francais atau pemegang francais maka pendaftar mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan dokumen penzahiran itu diberikan ataupun dibaca oleh pihak awam. Di sini, maksud awam itu kepada saya mungkin juga ada yang berminat membeli sesuatu francais.

Saya juga ingin menyentuh tentang broker francais ini yang berdaftar sebagai broker francais, dan dikenakan syarat-syarat, saya harap syarat-syarat yang dimaksudkan itu adalah orang-orang yang benar berwibawa untuk memikul tanggungjawab sebagai broker dan mempunyai sifat-sifat dan nilai-nilai baik, amanah jujur dan tidak mempunyai rekod peribadi yang melanggar undang-undang sebelum dilantik. Dan ianya perlulah seorang yang juga mempunyai kemahiran dalam francaise dan ianya perlu membuat semua penzahiran sebelum penjualan dibuat. Saya bangkitkan perkara tentang penzahiran atau disclosure ini kerana daripada pengalaman-pengalaman franchisee/franchisor di negara-negara yang lama melaksanakan franchisee/franchisor ini, maklumat-maklumat adalah sangat penting dan kadangkala broker franchisor ini mungkin menyalahgunakan kedudukannya.

Dan saya juga menyentuh tentang Fasal 14(5) iaitu tempoh masa pendaftaran broker ini ialah satu tahun. Mungkin ini terlalu pendek kerana agak

DN.7.12.98

sukar bagi seorang yang menjadi pemegang francais untuk mengetahui siapakah broker dan adakah tempoh ia menjadi broker telah tamat. Saya ingin mencadangkan mungkin kementerian juga telah memikirkan untuk mengeluarkan lesen tahunan untuk francais broker yang boleh diperbaharui tertakluk kepada ianya mematuhi syarat-syarat yang ditentukan kerana perlulah ada cara pihak kementerian walaupun ia tidak disebut di sini bagaimana ianya perlu mengawasi perilaku broker kerana the broker can spoil the whole agreement yang dibuat antara franchisee dan franchisor.

Seterusnya Tuan Yang di Pertua, Bahagian III Fasal 18. Ini sebenarnya adalah peruntukan yang paling penting dalam sesuatu francais iaitu perjanjian francais. Dalam apa yang saya lihat dalam rang undang-undang yang telah dikemukakan perjanjian francais Fasal 18(2) yang berbunyi “Perjanjian francais hendaklah mengandungi tetapi tidak terhad kepada - hendaklah mengandungi maknanya mandatori memasukkan semua perkara (a) sampai (m) untuk sesuatu perjanjian francais. Seperti kita katakan tadi bahawa francais ini sangat bergantung kepada perjanjiannya. Saya dapati ada perkara-perkara yang masih penting yang juga tidak disebut mungkin agaknya pihak kementerian akan memasukkan perkara-perkara berkenaan dalam peraturan-peraturan. Walau bagaimanapun, inginalah saya sebutkan di sini yang saya rasa tidak disebut dan pada pandangan saya penting juga perlu diberi perhatian. Pertamanya, the need for confidentiality, ataupun perlunya ada kerahsiaan. Saya tidak tahu mungkin pihak kementerian menganggapnya itu sebagai sudah difaham atau sudah implied. Keduanya, consideration ataupun balasan. Ketiganya, perlulah bahawa menyatakan bahawa tidak adalah guarantee atau jaminan bahawa franchisor akan memberi untung ataupun memastikan francais itu tidak akan gagal. Dan juga mungkin ini diletakkan di bawah kewajipan pembeli francais dan pemegang francais bahawa kedua pihak perlulah faham bahawa semua perjalanan francais adalah tertakluk kepada keperluan kualiti dan kawalan yang telah ditetapkan oleh franchisor.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perjanjian ini masih lagi memerlukan tambahan-tambahan yang lain yang mungkin seperti yang saya katakan tadi

diletakkan oleh pihak kementerian dalam peraturan-peraturan. Walau bagaimanapun inginalah saya mengingatkan bahawa apa yang saya baca ianya mungkin agak perlu diperlengkapkan dan ditambah untuk memastikan bahawa kepentingan pemegang francais dan juga pemberi francais itu adalah terjamin.

Sekali lalu saya membaca rang undang-undang ini, saya berpendapat ianya lebih memihak kepada pihak pemberi francais, mungkin saya tidak baca betul tetapi mungkin pihak kementerian boleh dapat memberi penjelasan, adakah rang undang-undang ini sebenarnya memberikan satu rang undang-undang yang memberi perlindungan yang seimbang kepada pihak pemberi dan pemegang francais.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Bahagian V - Lembaga Penasihat Francais. Lembaga ini adalah diwujudkan pada hemat saya untuk mengawal kegiatan yang dilakukan di bawah sistem francais ini dan saya dapati bahawa mengikut Fasal 36, Yang Berhormat Menteri dan pendaftar tidaklah terikat untuk bertindak atas nasihat atau laporan Lembaga Penasihat Francais. Saya tahu bahawa kuasa mutlak adalah diberi kepada Yang Berhormat Menteri dan dideligasikan kepada pendaftar setengah-setengah daripada kuasanya.

Walaupun bagaimanapun agak kurang berfungsi Lembaga Penasihat, mungkin nama sahaja di situ Lembaga Penasihat, ianya by itself menunjukkan bahawa peranannya ialah menasihati tetapi walau bagaimanapun, saya berpendapat mungkin Lembaga Penasihat Francais ini accountable to Parlimen dan apa perkara mengenai francais itu mungkin dibawa terus kepada Parlimen untuk dipersoalkan dan saya ingin mencadangkan bahawa Lembaga Penasihat Francais ini perlulah dianggotai oleh ahli-ahli yang betul-betul berkeupayaan dan mempunyai kemahiran dalam francais sebab jikalau kita memang berhasrat bervis untuk menjadikan francais ini sebagai satu daripada alternatif perniagaan dalam pembangunan usahawan, saya melihat kepada peranan Lembaga Penasihat Francais ini sebagai satu peranan yang begitu penting kerana ianya bukan sahaja perlu memberi nasihat, ianya perlu juga melihat kepada penguatkuasaan dan pentadbiran wajar undang-undang dan perlu melihat perkara-perkara yang berhubung dengan francais.

Jadi, tanggungjawabnya saya rasa begitu luas dan begitu berat dan ianya perlulah ditetapkan oleh pihak kementerian sebagai satu lembaga yang bukan hanya diwujudkan kerana perlu diwujudkan lembaga tetapi kerana ianya berfungsi untuk memberikan nasihat dan juga memberikan cadangan walaupun dalam Akta ini disebut Menteri dan pendaftar tidak terikat, tetapi ini tidak bermaknalah apa pun laporan Lembaga Penasihat Francais itu tidak diambil kira kerana ianya perlu merupakan satu badan yang impersonal dan impartial dan perlu memberi penekanan kepada strategi kawalan, kuasa dan authority yang telah diberi mengikut rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Bahagian IV, perilaku pihak-pihak yang memasuki perjanjian. Yang dimaksudkan sebagai mereka yang terlibat dalam perjanjian ini ialah antara pemegang dan pemberi francais. Saya merasakan broker francais juga perlulah diperuntukkan tentang kelakuan dan perilakunya, mungkin ini boleh dimasukkan dalam peraturan-peraturan kerana pada hemat saya broker francais juga berperanan yang penting kerana ianya yang menemukan antara pemegang dan pemberi francais.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Bahagian VII. Bahagian VII ini juga adalah terpenting nombor dua daripada perjanjian iaitu penguatkuasaan. Seperti yang kita tahu bahawa francais ini adalah satu sistem yang sangat berdisiplin dan memerlukan pemegang francais dan juga pemberi francais mematuhi peraturan-peraturan. Jadi, kita mahukan pihak kementerian memastikan badan penguatkuasaan itu adalah badan yang betul-betul mampu menguatkuasakan rang undang-undang dan juga terma-terma perjanjian dan semua perkara yang berkaitan dengan francais.

Penguatkuasaan tidak boleh dilihat hanya sebagai satu peruntukan yang akan digunakan apabila berlaku satu kesalahan. Kita perlu ubah perspektif kita cara kita, melihat penguatkuasaan. Ia bukan hanya untuk menyelamatkan keadaan apabila berlakunya sesuatu pecah kontrak ataupun berlakunya kesalahan. Ianya perlu dilihat sebagai satu badan untuk mengawal, mengawal maknanya juga untuk to prevent, untuk mencegah bukan hanya untuk mengambil tindakan. Kalau dalam francais ia akan melibatkan wang pelaburan oleh penerima francais, jikalau kita tidak betul-betul menjaganya bermakna wang itu akan habis atau hangus dan bagi pihak pemberi francais pula, ianya

akan merosakkan nama francaisnya. Jadi, di situ risiko yang ditanggung adalah tinggi, justeru itu tanggungjawab penguatkuasaan adalah juga berat dan perlu bertanggungjawab.

Jadi, pihak kementerian perlu mewujudkan satu badan penguatkuasaan yang mungkin bukan hanya untuk francais tetapi untuk semua yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan yang lebih mantap dan lebih mempunyai kemahiran. Dalam francais mungkin wang dan nama akan tergedai tetapi dalam francais, pendidikan IPTS, kita baca dalam surat khabar bahawa pihak Kementerian Pendidikan sendiri mengaku bahawa IPTS telah gagal atau menyebabkan kegagalan ramai penuntut. Itu adalah satu kerugian kepada sumber manusia negara ini, now, where do we put the blame, we have franchise in to education.

Ramai di antara kita dalam Dewan semasa meluluskan Rang Undang-undang Pendidikan menyuarakan kebimbangan tentang IPTS. Bukan kita di Dewan sahaja, malah ahli-ahli akademik di luar, ibu bapa juga melahirkan rasa bimbang dan true enough, we are now faced to the problem. Mengapa, kita persoalkan dulu dalam Dewan yang mulia ini, bagaimana kita hendak kuat kuasakan, bagaimana kita hendak memastikan bahawa franchise system ini akan dapat berjalan dengan baik kerana yang akan menerima akibatnya ialah anak-anak kita, that is pendidikan now. Pendidikan kita tahu cannot be commercialize. Franchise is a commercial enterprise but not education, but it has been commercialize to a certain extend and it is a franchise system.

Jadi, kita kata, where is penguatkuasaan? Memang banyak kita memperkatakan penguatkuasaan ini bukan hanya dalam bidang francais, francais pendidikan, francais makanan, francais sate, francais laksa dan sebagainya. Penguatkuasaan juga berlaku untuk segala-galanya kalau kita lihat kepada sistem perbankan juga kita tadi mempersoalkan tentang penguatkuasaan peraturan-peraturan, mana pun kita dapati kelemahan itu dalam penguatkuasaan and we cannot afford, kita tidak mampu untuk lemah dalam penguatkuasaan. Kita banyak idea yang begitu baik tetapi tidak dapat dilaksanakan, tidak ada follow-up.

Jadi saya ingin menyarankan bahawa penguatkuasaan ini diberikan penekanan dan perhatian yang serius. Saya rasa saya tidak mahulah kalau

dalam francais ini banyak, yang menjadi mangsanya ialah kalau saya ambil bumiputera, mungkin orang bukan bumiputera pun juga akan mengalami kerugian kerana mereka juga bukan semua banyak wang. Jikalau kita lemah dalam penguatkuasaan ramai yang akan teraniaya dalam business mungkin ada yang akan gantung diri. But to a last extend in fact, kita sebagai kementerian dan kerajaan dan kami sebagai Ahli-ahli Dewan yang mewakili rakyat mempunyai tanggungjawab bagi pihak kami hanya bercakap di sinilah tetapi bagi pihak kementerian untuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tinggi tahapnya. Kita tidak mahu lagi mendengar masalah-masalah ini, memang banyak tetapi saya amat dukacita dengan apa yang berlaku dengan francais pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi francais ini satu latihan yang sungguh berdisiplin dan sebahagian dari penguatkuasaan kita juga perlu melihat kepada pitfall yang lain atau kita perlu juga dapat membuat andaian apakah masalah-masalah yang akan dihadapi dalam kita melaksanakan francais. Kita tahu sebut francais ini apabila diberi, ianya satu sistem yang membolehkan satu-satu pihak itu yang membayar untuk mendapat francais itu menjalankan business dan kita kata ada undang-undang, ada perjanjian, ada syarat-syarat perjanjian dan juga ada pihak penguatkuasaan tetapi juga antara pitfall bagi franchisor dan franchisee ialah mengenai pengurusan, management technic di dalam satu-satu francais. Kadangkala franchisee ini apabila ia kata dia sudah dapat francais memang seronok kalau dapat francais ini sebab ia merasakan ia suatu yang istimewa. Semuanya sudah sedia hanya untuk dijalankan dan ia pun sudah ada nama dan sebagainya. Tetapi kadangkala kalau kita tidak betul yang ini saya tidak tahu, bukan penguatkuasaan saya rasa, ini antara franchisee dan franchisor itu sendiri. Dalam ia melaksanakan francais itu kadangkala ia lupa bab pengurusan yang begitu penting untuk melaksanakan francais itu dan apabila franchisor memberi francais kepada

franchisee ia akan menjalankan francais dan ia memikirkan semuanya akan diatur oleh franchisor terutama dalam teknik-teknik pengurusan.

Jadi di sinilah satu pitfall yang saya nampak, kalau kita ada franchisee yang menerima satu-satu francais itu, kita kadangkala ghairah juga untuk memberi mereka yang layak dan selalunya saya tahu, dalam apa bidang perniagaan kita melihat kepada viability of project memang ada, lepas itu ia akan melihat modal, wang ada atau tidak, kalau orang itu ada wang sahaja maka beliau juga tentu lebih mudah untuk mendapat. Dan walaupun kadangkala ia ada pengalaman pengurusan tetapi dalam bidang francais ini saya rasa ia memerlukan teknik pengurusan yang lebih tinggi dan juga ianya perlu diberi pengalaman, mungkin pihak kementerian akan menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat untuk memastikan bahawa franchisee itu mempunyai kelayakan yang sewajarnya, kerana ia tidak akan berjaya jikalau ia tidak punya pengurusan yang tinggi dan perlu kita beri kesedaran kepada francais ini bahawa francais ini - the demand is very demanding role of the franchisee.

Saya tahu, saya ada saudara yang sangat berminat tentang francais tetapi dia masuk saham restoran makan, lepas sebulan dia kata hendak tarik diri sebab dia kata tidak membawa keuntungan dan dia juga tidak mengambil kisah tentang pengurusan restoran berkenaan. Tetapi berminat untuk mendapat francais, jadi nanti kementerian juga akan tahu bahawa ada yang memang tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan tetapi berminat dalam francais sebab kita mahukan sistem francais kita ini kalau kata Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi the world standard, perlulah kita lihat dari segi kemampuan tetapi kalau saya cadangkan tadi tiga kategori tadi yang pentingnya kita dapat menjayakan mereka dalam bidang yang mereka ceburi.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya sampaikan dan saya berharaplah pihak kementerian dan pihak yang berminat, usahawan-usahawan akan betul-betul menjayakan francais ini kerana kita tidak hanya mewujudkan



undang-undang sekadar mengadakan undang-undang tetapi sebenarnya rang undang-undang ini menunjukkan komitmen yang serius bagi pihak kementerian dan kerajaan untuk memangkinkan pertumbuhan usahawan-usahawan yang berkualiti tinggi di negara ini. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika.

12.37tgh.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Akta Francais 1998. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan di atas usaha-usaha pihak kementerian yang mana telah dapat membentangkan Akta Francais 1998. Saya faham bahawa pihak kementerian bukan sahaja membentangkan akta tersebut pada pagi ini tetapi sebenarnya pihak kementerian telah pun menerokai sistem francais ini sejak daripada ditubuhkan dan juga telah mewujudkan kegiatan-kegiatan yang boleh menggalakkan sistem francais dalam negara kita.

Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian Pembangunan Usahawan sejak ditubuhkan memang tidak dapat dinafikan dan kita berbangga Menteri di Kementerian Pembangunan Usahawan sekarang ini telah dilantik sebagai Menteri Kewangan II, kita mengucapkan tahniah walau bagaimanapun kita faham bahawa Timbalan Menteri Yang Berhormat Dato' Idris sudah tentu terpaksa menanggung tanggungjawab yang lebih berat kerana Menteri yang menjadi Menteri di dalam Kementerian Pembangunan Usahawan ini terpaksa, macam berbini dualah – dua kementerian, satu di Kementerian Kewangan dan satu di Kementerian Pembangunan Usahawan. Kita mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang begitu bersungguh-sungguh bersama-sama dengan Menteri dalam menjalankan tugas dengan kementerian yang baru diwujudkan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tema Hari Kebangsaan kita ialah ‘Negara Kita Tanggungjawab Kita’. Inilah merupakan tema yang memang bertepatan dengan keadaan suasana dan situasi semasa. Kita faham bahawa keadaan negara kita pada masa kini bukanlah hebat, semewah, sesenang pada masa lalu di mana kita telah dapat mencapai pembangunan ekonomi 8% berturut-turut selama lapan tahun. Dengan adanya tekanan-tekanan daripada pihak luar seperti spekulator ataupun spekulasi kewangan yang berlaku di dunia telah menyebabkan keadaan ekonomi kita gawat dengan tekanan-tekanan daripada luar dan suasana yang berlaku dalam negara kita ini juga mewujudkan sedikit sebanyak kegawatan dari segi politik.

Alhamdulillah, kita dapati usaha-usaha yang telah pun dijalankan oleh pihak kerajaan, tindakan-tindakan dan dasar-dasar yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan telah dapat menggerakkan semula ekonomi dalam negara di samping kita telah dapat membendung kegiatan-kegiatan yang dapat memusnahkan keadaan kewangan dan ekonomi negara dengan lebih teruk. Pada masa sekarang kita melihat saham telah pun mula meningkat begitu juga dengan kegiatan-kegiatan ekonomi yang disokong dengan dasar-dasar yang telah pun dibuat oleh kerajaan di dalam pemberian-pemberian pinjaman, menentukan dasar-dasar untuk membantu NPL – non performance loan yang sedang merasuki ahli-ahli korporat, ahli-ahli perniagaan kita, sedang diambil daya usaha yang begitu hebat oleh pihak kerajaan.

Usaha pihak kementerian mewujudkan Akta Francais ini bagi saya ialah merupakan satu langkah di pihak kerajaan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan untuk kita mewujudkan satu lagi sistem perniagaan di samping sistem-sistem perniagaan yang ada dalam negara kita. Di samping sistem tradisional yang memang telah ada kita mempunyai satu sistem jualan secara langsung yang saya kira juga telah pun dapat memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara dan sekarang ini kita membincangkan Akta Francais yang merupakan satu lagi sistem yang boleh digerakkan di

peringkat dalam negara dan mungkin boleh menyebarkan sayap ke luar negara untuk kita dapat berusaha mempergiatkan ekonomi dalam negara kita.

Kita tadi mendengar Yang Berhormat Puan Kamelia telah pun memberikan takrifan kepada sistem francais di samping yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga rakan Yang Berhormat Dato' Ghazi. Bagi saya melihatkan bahawa sistem yang kita bincangkan pada pagi ini adalah merupakan suatu jalan pintas. Bagi sesetengah peniaga yang baru ingin melibatkan diri dalam perniagaan, ini merupakan peluang kepada mereka untuk memperkenalkan ataupun melibatkan diri dalam produk-produk yang telah pun terkenal, mempunyai jenama, mempunyai kemampuan dalam pasaran dan mungkin dalam peringkat R&Dnya ataupun kajian-kajiannya telah dapat dibuktikan bahawa bidang ini boleh menguasai pasaran dan bagi penerima-penerima francais, inilah merupakan satu peluang bagi mereka dan bagi syarikat-syarikat yang memperkenalkan ataupun yang memberikan francais ini juga merupakan satu peluang bagi mereka untuk membesarkan perniagaan mereka, meluaskan captured market untuk syarikat-syarikat yang telah pun mereka usahakan sekian lama dan bolehlah kita sebutkan bahawa usaha-usaha ini merupakan smart partnership ataupun perkongsian bijak di antara dua pihak penerima francais dan juga pemberi francais dan dengan itu, kita berharap supaya dengan adanya smart partnership ini akan dapat menyemarakkan lagi usaha-usaha kita dalam kita ingin meningkatkan pengeluaran barang-barang tempatan dengan lebih hebat di samping kita dapat memperkenalkan barang-barang keluaran daripada negara kita ke negara-negara luar.

Kita tahu sistem ekonomi dunia di dalam bentuk liberalisasi yang sedang diperkenalkan oleh WTO sekarang ini menghendaki ataupun membuka peluang kepada semua negara untuk kita 'bersilat' di arena perniagaan secara bebas di peringkat dunia. Bagi negara kita Malaysia, kita juga perlu mewujudkan sistem dan juga menjalankan usaha-usaha supaya kita tidak ketinggalan dalam sistem liberalisasi yang diperkenalkan oleh WTO. Dalam

masa yang sama juga kita melihat sistem liberalisasi yang ingin diperkenalkan di peringkat dunia sekarang ini seolah-olah selari dengan apa yang berlaku seperti tekanan-tekanan kepada negara yang sedang membangun terutama negara-negara Asia dan negara-negara sekitar yang satu ketika pernah dianggap sebagaimana 'The Dragon of Asia', kalau saya tidak silap, yang memang digeruni dan ditakuti oleh negara-negara Barat.

Hari ini kita lihat pembangunan ekonomi yang begitu hebat di sekitar Tenggara Asia dan juga di negara-negara lain seperti Jepun, Korea dan China, sekarang juga merupakan satu negara yang memberi ancaman kepada Barat, kita lihat pihak Barat meningkatkan tekanan mereka ke atas negara-negara di Asia. Baru-baru ini apabila kita mengadakan persidangan APEC, kita dapat melihat secara terbukanya wakil daripada negara Barat terutamanya daripada Amerika, Al Gore begitu terbuka memperlihatkan campur tangan mereka dalam politik di negara kita, begitu juga dengan Albright dengan sikap yang begitu biadab menunjukkan secara terbuka bahawa mereka bukan sahaja sesetengah pihak mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sengaja mengada-adakan cerita bahawa Barat cuba campur tangan dalam soal rumah tangga negara kita tetapi terbukti apabila sidang APEC baru-baru ini memang nyata dan jelas boleh dilihat oleh seluruh rakyat Malaysia dan juga seluruh masyarakat dunia, bagaimana masyarakat Barat tidak puas hati dengan kekukuhan sistem politik di negara kita sehingga kita melihat negara-negara jiran semuanya telah pun jatuh tetapi Malaysia walaupun kita telah mendapat satu tekanan yang begitu hebat tetapi masih lagi dapat menikmati kemakmuran, perniagaan masih lagi dapat berjalan walaupun dalam keadaan sesetengah pihak begitu tenat dan kita amat bersimpati.

Tetapi ini berlaku bukan disebabkan oleh ketidakbijaksanaan kita menjalankan tugas ataupun kegagalan kerajaan dalam menjalankan tugas sebagai kerajaan tetapi jelas ia merupakan tekanan yang sengaja dibuat. Tambahan pula baru-baru ini kita telah dikejutkan sekali lagi dengan kenyataan

yang telah pun dibuat oleh Soros minta supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi meletakkan jawatan. Apa hak Soros untuk menyatakan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed meletakkan jawatan, apakah hak beliau untuk mempengaruhi pemikiran rakyat Malaysia supaya Perdana Menteri kita meletakkan jawatan, padahal kita kenal bahawa Soros adalah penyangak dan Soroslah yang menyebabkan ekonomi negara kita sekarang ini dalam keadaan yang begitu dahsyat terhimpit, daripada kita sebuah negara yang begitu makmur, negara yang menuju kepada negara maju dalam tahun 2020, hari ini kita telah sorot ke belakang, kita telah jadi miskin sehingga wang kita dahulu RM2.50 sama dengan US\$1, sekarang RM3.80. Dalam satu ketika ketika hampir-hampir RM5.00, kerja siapa kalau bukan kerja Soros.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan soal ini agar menyedarkan kita bahawa negara kita adalah tanggungjawab kita. Jadi kita tidak perlu terikut dan tidak perlu mendengar dan kita tidak perlu bertindak mengikut telunjuk irama dan juga lagu yang dimainkan oleh pihak-pihak yang tidak senang melihat kestabilan politik yang boleh menjana dan juga mempertahankan keadaan ekonomi di negara kita. Saya kira tidak salah, Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sebelum saya membahaskan Akta Francois 1998, saya ingin menyuarakan pandangan bahawa Ahli-ahli Dewan Negara menolak keras dan kita amat dukacita dengan kenyataan yang dibuat oleh Soros, penyangak mata wang dunia yang telah menyebabkan keadaan ekonomi negara Malaysia dan negara sekitar dalam keadaan yang amat menyedihkan pada hari ini.

Saya kira kita semua tidak dapat menerima dan Ahli-ahli Dewan Negara menolak dan kita menganggap kenyataan itu adalah satu kenyataan yang biadap daripada sebuah negara yang tidak menghormati dan tidak menghargai kedaulatan negara kita sebagai negara yang merdeka dan berdaulat. Kita juga telah mengamalkan sistem demokrasi yang begitu jelas, telus dan mengikut

prinsip-prinsip demokrasi. Perdana Menteri dipilih melalui perwakilan daripada sebuah parti yang besar yang telah pun mendapat mandat penuh daripada ahli-ahli UMNO dan juga beliau merupakan kepimpinan dalam Barisan Nasional yang diberi kepercayaan penuh oleh rakyat di negara Malaysia dengan memenangi lebih daripada 2/3 kerusi dalam pilihan raya yang menjadikan kita tidak ada sebab mengapa mana-mana pihak ingin menyuarakan ataupun ingin menyelar sistem demokrasi yang sedang berjalan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik kepada apa yang kita bincangkan pada hari ini iaitu Akta Francais 1998. Sebagaimana yang disebutkan tadi, bahawa sistem ini adalah merupakan satu sistem yang baru diperkenalkan dan saya sebenarnya beberapa kali hadir dalam program-program yang diaturkan oleh pihak kementerian sebelum ini walaupun akta ini belum lagi dibentangkan tetapi kementerian telah pun mengambil inisistif yang tertentu untuk menggalakkan sistem francais di negara kita.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang mana begitu berusaha bersungguh-sungguh. Di negara kita ini memang kadang-kadang kita dapati walaupun undang-undang yang tertentu itu belum lagi kita bentangkan, tetapi ternyata ini adalah satu perkara yang memberi manfaat dan memberi kebaikan terutamanya kepada pengusaha-pengusaha ataupun usahawan-usahawan baru lebih-lebih lagi kepada kaum bumiputera yang baru sahaja ingin bersama-sama dalam mengecapi nikmat ekonomi dalam negara kita, kalau dahulu kita belum mendapat 30% mengikut Dasar Ekonomi Baru iaitu dasar yang telah pun kita susunatur selepas 13 Mei kita melihatkan bahawa pembahagian kekayaan negara yang tidak adil boleh menyebabkan keadaan yang tidak puas hati dan boleh mengancam kepada keselamatan negara, kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru di mana dalam dasar tersebut ditentukan supaya bumiputera dapat sekurang-kurangnya dapat menguasai 30% daripada ekonomi negara.

Kita tidak sampai pun 30%. Kali akhir yang saya terdengar baru 26 perpuhan berapa peratus. Tetapi sekarang ini selepas diserang oleh spekulator mata wang dunia, saya rasa peratusan ini telah jauh lebih ke bawah. Saya tidak dapat menyebutkan berapa peratus, mungkin bawah daripada 15% pencapaian bumiputera selepas keadaan ekonomi kita diserang oleh spekulator mata wang dunia.

Jadi, usaha pihak kementerian dalam mewujudkan sistem francais di negara kita amat kita alu-alukan. Kita percaya di negara kita mempunyai syarikat-syarikat yang telah lama berada di dalam arena perniagaan, telah pun menempa nama yang begitu baik, mempunyai sejarah dan latar belakang syarikat yang mantap, mereka juga dikendalikan oleh pengurus-pengurus yang mempunyai keupayaan dan kemampuan pengurusan yang begitu tinggi, profesional dan mempunyai kekukuhan dari segi kewangan. Syarikat-syarikat dalam Malaysia juga mempunyai produk-produk yang memang telah pun ternyata produk-produk ini dapat menembusi pasaran, dapat diterima mempunyai kualiti yang baik.

Jadi, saya berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang sebegini boleh menjadi syarikat induk (mother company) yang boleh membimbing dan juga mendidik syarikat-syarikat yang lain di samping dapat membekalkan dan meluaskan pasaran mereka di seluruh negara, mereka juga dapat memberikan peluang kepada anak-anak syarikat ataupun disebutkan sebagai franchisee untuk mereka masuk dalam bidang yang telah ternyata dari segi ekonominya mempunyai daya maju yang telah pun terbukti.

Dengan keadaan ini, syarikat-syarikat yang memberikan francais sudah tentu mereka juga berpeluang untuk meningkatkan kemampuan pengeluaran mereka, dapat meningkatkan produk mereka supaya bukan sahaja mereka dapat mengekalkan keadaan status-quo yang ada, tetapi mereka dapat memajukan lagi perniagaan mereka sehingga bagi syarikat-syarikat yang telah mempunyai sejarah yang begitu kuat, kita kira tidak mustahil untuk mereka

menerokai perniagaan dunia. Ini ternyata apabila kita melihat dalam bidang industri. Misalnya negara kita kalau saya tidak silap berada dalam tangga yang kelima dalam bidang information technology (IT). Ini sebagai satu pengiktirafan bahawa Malaysia boleh, kita boleh, rakyat negara kita boleh. Kita tidak perlu merasa merendah diri bahawa kita tidak dapat masuk dalam arena antarabangsa.

Begitu juga di kalangan negara-negara industri, kita berada di tangga duapuluh dalam negara industri, dan kita menjadi pengeluar yang terbesar kepada air-condition di seluruh dunia. Ini merupakan satu pengiktirafan bahawa sumber yang ada, sama ada tenaga manusia, sumber-sumber lain dari segi kepakaran dan juga teknologi yang ada dalam negara kita yang telah pun kita janakan sejak kita merdeka, di mana pendidikan adalah merupakan satu agenda penting Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini telah dapat menghasilkan sumber tenaga dan pengetahuan teknologi yang terkini yang dapat kita janakan yang boleh menjadi sumber dan juga boleh dijadikan sebagai satu kekuatan untuk kita maju di arena antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebutkan bahawa dalam sistem francais ini adalah tanggungjawab bersama. Ia merupakan smart partnership. Pengalaman yang lalu semasa hadir beberapa program yang dianjurkan oleh pihak kementerian, saya ada beberapa perkara yang ingin saya beri pandangan. Pertamanya, saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Kamelia tadi supaya pihak kementerian mengadakan kategori-kategori yang tertentu. Francais ini dapat dibahagikan kepada bidang-bidang di dalam negeri di peringkat nasional dan di juga di peringkat antarabangsa. Saya rasa ini perlu diwujudkan kerana keupayaan dan kemampuan syarikat-syarikat yang ada dalam negara kita dan juga pihak-pihak yang ingin mengambil bahagian di dalam sistem francais ini adalah berbeza di antara satu sama lain.

Ada pihak-pihak yang mempunyai kekuatan dari segi modal, kekuatan dari segi pengetahuan pengurusan dan juga kekuatan dalam beberapa bidang



yang diperlukan dalam perniagaan, dan ada pihak-pihak yang mungkin tidak mempunyai kekuatan yang begitu besar, tetapi dalam kita berusaha untuk membangunkan bumiputera terutamanya kita perlu memberi peluang kepada mereka supaya hasrat Dasar Ekonomi Baru itu sendiri dapat kita penuhi. Saya dapati pada masa yang lalu semua pihak pemberi francais telah pun mengenakan bayaran-bayaran yuran yang tertentu. Ada setengah-setengah syarikat pada pandangan saya telah pun mengenakan yuran yang begitu tinggi sehingga kemampuan pihak-pihak yang mengambil bahagian dalam francais ini agak terhad. Saya juga mempersoalkan dari segi bayaran yuran francais yang dikenakan, apakah tanggungjawab pihak yang memberikan francais kepada franchisee, kerana pernah berlaku, saya sendiri pernah melihat melalui pengalaman saya, ada kompeni-kompeni yang secara cepat, kita tidak tahu latar belakangnya menubuhkan syarikat dan selepas itu membuka peluang kepada franchisee untuk menjalankan perniagaan bersama-sama mereka.

Saya melihat cara mereka berniaga ialah merupakan satu sistem yang disebut 'hit and run'. Maksudnya mereka menubuhkan kompeni secara cepat, mereka melantik franchisee di beberapa kawasan dan lantikan-lantikan ini juga saya dapati mereka telah melantik seberapa banyak yang boleh. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di satu-satu kawasan – sepatutnya ada kajian dijalankan. Kita kena melihat economic of skill satu-satu kawasan yang berkenaan.

Jadi, jika mereka menubuhkan banyak syarikat, inilah yang saya categorise`kan ataupun saya jangkakan mereka ini hit and run. Dengan mereka mengenakan bayaran fees yang tertentu kepada franchisee, mereka membekalkan barangan yang tertentu yang perlu dibayar oleh franchisee. Dalam masa yang singkat setahun ataupun dua tahun kita melihat mereka tidak menjalankan tanggungjawab mereka untuk membimbing anak-anak franchisee mereka menyebabkan satu demi satu anak-anak franchisee terpaksa ditutup. Ini saya kira merupakan satu pengalaman kita yang lalu. Oleh itu, saya berharap

kepada pihak kementerian supaya pihak kementerian mengkaji latar belakang syarikat-syarikat yang boleh diiktirafkan sebanyak franchisor supaya mereka benar-benar bertanggungjawab dan niat usaha mereka melantik franchisee ini ialah untuk mengembangkan business mereka di samping mereka dapat mendidik dan juga membimbing franchisee supaya mereka dapat maju.

Kita rasa amat malang kerana bagi sesetengah pegawai kerajaan terutamanya, memanglah pegawai kerajaan berpengalaman. Setengah-setengahnya mempunyai pendidikan dalam bidang ekonomi. Dalam bidang pekerjaan mereka juga terlibat dengan usaha-usaha perniagaan, mereka memahami selok-belok perniagaan. Pegawai-pegawai kerajaan juga mempunyai kewangan, wang simpanan mereka untuk hari tua. Apabila kerajaan memberi peluang umur 40 tahun boleh mengambil pencen optional, ada di antara pegawai-pegawai kerajaan meletakkan jawatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan petang ini.

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Majlis ini ditangguhkan sehingga sehingga jam 2.30 petang.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin diminta sambung.

**2.31 ptg.**

**Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyambung perbahasan mengenai Akta Francais 1998.

Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi saya memberhentikan ucapan saya semasa menceritakan pernah berlaku di dalam program francais yang

dianjurkan oleh pihak kementerian pada masa yang lalu di mana ada syarikat-syarikat franchisor yang ditubuhkan, mungkin ditubuhkan secara segera dan saya melihat tindakan mereka ini sebagai 'hit and run', itu satu term dalam ekonomi yang disebutkan 'hit and run', maknanya cuba mengambil kesempatan dalam jangka masa yang pendek dan mengambil peluang dalam keadaan-keadaan yang tertentu untuk membuat keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa rakan saya yang saya ceritakan pada pagi tadi, apabila ada syarikat-syarikat yang menubuhkan syarikat franchisor ini mencari franchisee, di mana ada di kalangan pegawai kerajaan yang mana mereka mempunyai pengetahuan dari segi perniagaan, mempunyai pendidikan dalam bidang ekonomi dan dalam tugas mereka juga terlibat menyelia projek-projek perniagaan dan mereka juga mempunyai kemampuan kewangan daripada wang simpanan mereka, berhasrat untuk mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dan mengambil peluang daripada dasar kerajaan yang membenarkan pegawai-pegawai kerajaan mengambil optional pension lebih awal dalam umur 40 tahun meletakkan jawatan. Setelah dikaji, diteliti di dalam bidang-bidang perniagaan nampaknya ini adalah merupakan satu bidang perniagaan baru dan merupakan cara pintas ataupun cara segera untuk dapat mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dan pada amnya dapat dilihat sebagai satu peluang untuk mereka masuk dalam bidang yang memang sudah ada dalam pasaran dan mempunyai keupayaan memasarkan sesuatu produk.

Jadi apabila mereka meletakkan jawatan mereka terpaksa membayar yuran francais yang kalau tidak silap saya, saya tidak mahu sebutlah company yang terlibat, ada company yang menjual barang kemas misalnya, yuran francais dikenakan sehingga RM100,000 dan kebanyakan daripada program yang dibuat oleh kementerian yurannya di antara RM10,000 ke RM30,000 ataupun RM40,000. Tetapi pada waktu itu perjanjian tidak dilaksanakan sebagaimana yang kita bentangkan pada persidangan pagi ini, ada satu perjanjian khusus yang ditentukan oleh pihak kementerian. Jadi tidak

diberikan ketentuan setelah pihak yang menerima franchisee ini berminat untuk mengambil bahagian, mereka disyaratkan untuk membayar yuran francais, setelah dibayar yuran francais, mereka kena pula mengeluarkan modal untuk membuat renovation dan order barang daripada syarikat yang berkenaan.

Pada kajian yang saya buat, saya dapati sesetengah syarikat 'hit and run' ini menggunakan kedudukan mereka sebagai franchisor di mana mereka menetapkan anak-anak syarikat supaya membuat iklan daripada syarikat yang telah pun mereka tentukan ataupun mereka membuat engage dengan satu syarikat untuk menentukan supaya semua anak syarikat dalam negara mengambil iklan daripada satu syarikat yang tertentu. Semua franchisor yang terlibat mengambil komputer daripada syarikat yang tertentu, kononnya untuk memudahkan pentadbiran dan juga mencekapkan pengurusan. Begitu juga dengan barangan yang dibekalkan telah ditentukan credit term yang tertentu dan ditentukan jumlah barangan yang perlu dijual. Tetapi dalam jangka masa yang pendek setahun ataupun dua tahun kita lihat bahawa syarikat franchisor ini tidak menjalankan tanggungjawab mereka sebagai syarikat induk di mana anak-anak syarikat dibiarkan bertanding di antara satu sama lain kerana di sesuatu tempat kita dapati bahawa satu bandar yang kecil misalnya di Kangar, ada satu syarikat franchisor pada masa yang lepas membuat polisi dan dasar bahawa enam, tujuh outlet akan ditubuhkan di dalam bandar yang berkenaan. Ini sudah tentu bagi mereka yang faham dalam bidang ekonomi, yang tahu economic of skill boleh nampak pada masa itu bahawa syarikat ini sebenarnya syarikat yang melihat perniagaan dan mengambil peluang perniagaan dalam jangka masa pendek.

Kita berharap kementerian akan berhati-hati pada masa yang akan datang untuk memilih syarikat-syarikat franchisor kerana kesilapan kita memberi kepercayaan kepada syarikat-syarikat franchisor ini akan mengakibatkan franchisee-franchisee bukan sahaja mereka kecewa apabila mereka masuk dalam bidang perniagaan, mereka harap dapat mengembangkan

perniagaan dari masa ke semasa tetapi keadaan dengan yang berlaku sebagaimana yang saya sebutkan tadi akan membuatkan syarikat-syarikat ini akan terus kecewa dan mereka juga akan menanggung hutang yang besar kerana mereka telah membayar yuran francais dan juga membuat renovation kepada kedai-kedai ataupun premis-premis perniagaan yang telah pun dipilih. Maknanya bukan sahaja dia mendapat keuntungan tetapi daripada modal yang dia ada itu sendiri telah pun menjadi cair dan lesap begitu sahaja.

Jadi saya merasakan bahawa perkara ini mungkin dalam pengetahuan kementerian dan kita berharap sangat agar kementerian membuat pemilihan kepada franchisor ini dengan cara yang lebih ketat lagi dan syarat-syarat dalam perjanjian yang ada, yang telah pun disebutkan di dalam Akta tadi supaya pihak franchisor bukan sahaja mengenakan yuran francais tetapi tanggungjawab franchisor dalam satu jangka waktu yang tertentu harus dikenakan supaya apabila syarikat yang telah pun dilantik untuk menjadi franchisee tidak dapat beroperasi dan di atas kelemahan-kelemahan sistem yang telah pun mereka wujudkan franchisor perlu sama bertanggungjawab, tidak cuma franchisee sahaja yang menanggung kerugian kerana banyak franchisee yang diwujudkan di tempat yang berkenaan dalam keadaan kompetitif yang tidak seimbang dan juga pihak induk setelah dia mendapat keuntungan daripada iklan, membekalkan komputer dan sebagainya, dia telah mendapat keuntungan. Sedangkan franchisee ini baru hendak bertatih, baru hendak bergerak, baru hendak masuk dalam bidang perniagaan tetapi dia tidak dapat bimbingan yang sepenuhnya.

Saya harap pihak kementerian di dalam perjanjian di antara franchisee dan franchisor perkara-perkara begini harus dititikberatkan kerana apa yang saya sebutkan tadi sistem francais ini merupakan 'smart partnership'. 'Smart partnership' perlu ada ketelusan, keikhlasan dan juga perlu ada tolak ansur di antara kedua pihak dan 'smart partnership' ini perlu meletakkan keutamaan mengembangkan perniagaan sebagai satu daripada prasyarat untuk menentukan

program ini dapat terlaksana dan dapat memberikan faedah kepada kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihatkan usaha-usaha kementerian di dalam penjudohan di antara franchisor dan franchisee adalah satu kegiatan yang baik dan kita harap pihak kementerian akan terus menjalankan usaha-usaha penjudohan ini kerana walaupun tanpa kementerian bersama-sama ada di belakang program francais ini kita bimbang bahawa program ini dijadikan sebagai satu alternatif ataupun satu peluang sebagaimana saya sebutkan tadi mendapat keuntungan dalam jangka masa yang pendek dan bila mendapat keuntungan dalam jangka masa yang pendek, sistem kewangan ini mesti balance, kalau ada pihak yang untung maknanya adalah pihak yang menjadi mangsa dan juga yang mendapat kerugian.

Saya juga berpendapat kerana sistem ini merupakan satu daripada alternatif sistem perniagaan yang patut diwujudkan dalam negara kita dan kita melihat sekarang ini Kementerian Pembangunan Usahawan merupakan kementerian yang mempelopori sistem ini di negara kita, saya amat bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, diberi tambahan pegawai. Malah, bagi saya, saya merasakan bahawa perlu ada satu bahagian khusus, bahagian khas di dalam Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menyelia dan juga untuk meneliti serta membuat program-program perancangan supaya sistem francais ini dapat dikemaskinikan dan juga dapat dikembangkan programnya bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara. Kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dengan sistem liberalisasi yang telah pun diperkenalkan oleh pihak WTO memberi ruang dan peluang kepada semua syarikat mutlinasional untuk menguasai dan juga menembusi pasaran di serata negara yang ada dalam dunia ini. Jika kita tidak mempunyai keupayaan dan jika kita tidak membuat persediaan pada masa ini sudah tentu dengan dominasi ini kita tidak akan dapat bersaing dengan pihak-

pihak yang kita tahu mereka mempunyai keupayaan dan kemampuan dari segi kewangan dan juga dari segi kekuatan mereka.

Jadi kita berharap supaya sistem francais ini dapat dikembangkan kerana Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat barangan-barangan yang berjenama begitu hebat termasuk baju dalam, seluar dalam, termasuk baju-baju yang dipakai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kononnya baju ini datangnya daripada luar negara tetapi banyak juga baju-baju ini yang telah dijahit dan disediakan di dalam negara, dieksport semula ke luar negara, kemudian diimport kembali ke dalam negara. Maknanya syarikat-syarikat ini menggunakan nama syarikat-syarikat yang telah ternama dan proses pembuatannya dibuat dalam negara kita. Saya kira dalam hal ini kita boleh mengambil alih perniagaan-periagaan yang menggunakan nama-nama syarikat yang terkenal daripada luar negara dengan kita mengwujudkan sistem francais yang bermula daripada negara kita sendiri.

Jadi, saya amat menyokong supaya Kementerian Pembangunan Usahawan memberi perhatian untuk mendapatkan sumber tenaga manusia dalam kementerian terdiri daripada pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman yang luas di peringkat nasional dan juga internasional. Begitu juga dari segi pendaftaran syarikat yang mana syarikat-syarikat yang ingin mengambil bahagian perlu didaftarkan. Kita melihat bahawa dalam negara kita sebenarnya banyak sumber yang boleh kita ketengahkan.

Tadi Yang Berhormat Dato' Ghazi menyebut dari segi makanan sahaja kalau hendak disebutkan makanan, banyak kategori makanan yang boleh kita ketengahkan, tetapi memang kita akui selama ini walaupun kita cuba menembusi pasaran secara francais ke peringkat international dari segi makanan ini tetapi nampaknya belum lagi berjaya. Yang Berhormat Menteri pun sudah ada di sini, saya juga ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, kenapa program-program kita yang lepas misalnya, Pak Din Martabak, masa saya pergi ke Mekah dulu ada Pak Din Martabak, bawa

martabak ke Mekah tetapi kemudiannya sudah tidak ada pun. Sate Ria, begitu juga dengan dengan makanan-makanan yang lain cuba kita ketengahkan tetapi tidak berjaya. Tentulah pihak kementerian membuat kajian-kajian dan mengenal pasti di mana kelemahan-kelemahan yang sebenarnya, yang ada pada kita yang menyebabkan program ini tidak dapat sustain dengan izin, tidak dapat berterusan kemajuannya sebagaimana yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi makanan ini, kita tahu sekarang ini tanda halal adalah merupakan satu bidang ataupun satu perkara yang boleh kita 'exploit'kan ke negara-negara Islam. Saya kira kalau kerajaan mengambil serius dalam soal ini dan kita tahu di negara-negara Arab walaupun di Timur Tengah mereka adalah merupakan rakyat yang kaya dengan pendapatan yang agak besar, sumber alam yang agak besar tetapi dalam setengah-setengah keadaan ini mereka agak malas. Minta maaf, yang saya tengok, saya pun pergi ke Mesir sebagaimana yang saya sebut, tiga bulan di sana, saya tengok mereka suka tidur siang, dia kurang dari segi inovatif dan inovasinya. Saya kira kita sebagai sebuah negara Islam dapat menembusi pasaran dari segi makanan ini ke negara-negara Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai francais ini saya kira program ini tidak akan dapat berjalan dengan sepenuhnya jika tidak ada usaha-usaha menggemblengkan program-program di antara Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kementerian-kementerian lain. Misalnya Kementerian Belia dan Sukan, saya melihat bahawa kementerian-kementerian lain mengadakan kursus-kursus keusahawanan. Ada di antara pelatih-pelatih yang diambil misalnya dalam Kementerian Belia dan Sukan diberi latihan cara solek-menyolek, diberi latihan untuk membuat mesin, injin dan sebagainya tetapi apabila mereka keluar dari latihan, mereka tidak dapat meneruskan usaha mereka kerana mereka kekurangan sumber projek yang hendak dilaksanakan dan yang kedua mereka tidak mempunyai dana yang cukup, sebab itu kebanyakan daripada mereka yang mengikuti kursus ini adalah terdiri



daripada orang-orang yang tidak berkemampuan. Kalau mereka terdiri daripada anak ahli korporat, jika mereka terdiri daripada anak ahli-ahli perniagaan, mereka tidak masuk program-program yang sebegini kerana program-program yang sebegini dapat menampung pelajar-pelajar kita yang mungkin tidak dapat masuk ke pusat pengajian tinggi.

Jadi, saya melihat ada kelemahannya di situ, di mana apabila belia-belie ini diberi latihan termasuk juga yang bukan belia diberi latihan, selepas latihan, mereka tidak dapat mengembangkan ilmu yang mereka dapati. Saya berpendapat bahawa pihak kementerian ini perlu ada kerjasama dengan kementerian-kementerian lain di mana selepas mereka menghadiri latihan perniagaan, latihan usahawan dan sebagainya seperti mana belia ada latihan bidang solekan dan sebagainya, kita ada syarikat-syarikat yang mewujudkan jualan daripada produk-produk tempatan yang boleh dijadikan sebagai franchisor di mana mereka memerlukan franchisee, kadang-kadang mereka mendapat franchisee yang tidak ada pengalaman sedangkan di sebelah satu lagi yang ada pengalaman tetapi tidak dapat dijodohkan. Dalam soal ini saya berpendapat bahawa program yang dilaksanakan oleh kerajaan perlulah ada sokongan, sokong-menyokong di antara satu pihak supaya program itu bukan habis separuh jalan tetapi ia dapat memberikan sumbangan ke arah pihak yang hadir dalam kursus itu sendiri dan juga dapat menyumbang kepada penggunaan tenaga manusia dan akhirnya dapat meningkatkan pergerakan ekonomi dalam negara kita.

Saya juga berpendapat Tuan Yang di-Pertua, apabila syarikat-syarikat setelah disenaraikan oleh pihak kementerian melalui daftar syarikat yang dicadangkan ingin mengambil bahagian sebagai franchisor mereka perlu menubuhkan unit penyeliaan bagi franchisee. Jika mereka cuma bertujuan untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan menjual teknologi ataupun goodwill, goodwill ini nama baiklah, cuma sekadar itu sahaja, saya percaya bahawa program ini tidak akan mencapai kemajuan.

Memanglah kita akui bahawa yuran-yuran yang dikenakan saya harap pihak kementerian juga dapat mengkaji, adakah yuran tersebut setimpal kerana kalau dikirakan yuran ini sebagai bayaran kepada goodwill, saya kira tentu ada formula untuk kita menentukan goodwill sesuatu syarikat.

Sebagaimana saya sebut tadi buat masa sekarang ini ada yang sampai mengenakan RM100,000 yuran, ada yang mengenakan antara RM10,000 hingga RM45,000 tetapi kalau sekadar yuran sahaja tanpa syarat-syarat yang lain, saya kira franchisee akan mengalami masalah. Tetapi jika ada diikuti dengan syarat-syarat yang tertentu maknanya kita membayar goodwill tetapi pihak franchisee dan franchisor juga harus mempunyai tanggungjawab memastikan kejayaan kita, inilah baru disebut keadilan di dalam smart partnership, dalam program francais ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Ahli Lembaga Francais yang akan diwujudkan oleh pihak kementerian, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Kamilia tadi bahawa ahli lembaga ini sudah tentu sebagai ahli penasihat tetapi bagi saya juga harus kita berikan tanggungjawab yang agak besar kepada ahli lembaga bukan sahaja sebagai penasihat tetapi juga memastikan supaya Program Francais Kerajaan Malaysia ini akan benar-benar dapat memberikan manfaat kepada semua pihak maksudnya kalau perniagaan ini berkembang bukan sahaja orang yang mengambil bahagian tetapi rakyat jelata juga akan dapat manfaat kerana kerajaan mendapatkan cukai daripada syarikat-syarikat yang maju. Makin banyak syarikat yang maju bererti makin besarlah cukai yang dapat dikutip oleh kerajaan bererti makin terbelalah nasib rakyat di negara kita. Jadi tanggungjawab ahli lembaga ini dan juga jawatankuasa yang saya cadangkan tadi di peringkat kementerian kita harap akan dapat dalam masa yang singkat ini bekerja bersungguh-sungguh ke arah kita hendak memulihkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang melihatkan ahli lembaga ini saya baca juga buku-buku yang dibekalkan di Parlimen, nampak gayanya ahli

lembaga ini kurang sangat wanita diberi peluang sebagai ahli lembaga. Kita tidak tahulah kenapa wanita-wanita tidak diberi peluang sebagai ahli lembaga dalam mana-mana badan. Kalau mengikut [*Disampuk*] saya dengar Yang Berhormat Datuk Ibrahim berkata Allah tu [*Ketawa*] agaknya menyokonglah tu, kasihan kepada wanita kerana tidak diberi tempat. Kalau mengikut keputusan dari Woman's Conference di Beijing kita bukanlah mendesak tetapi kita berpendapat bahawa 30% wanita diberi tempat itu adalah wajar. Wajar dalam konteks kita bersama-sama menyumbangkan tenaga untuk pembangunan dan dalam masa yang sama kita hendak melihat kepentingan wanita itu dapat terbela kerana sekarang ini ramai juga wanita yang terlibat di dalam bidang perniagaan dan juga keusahawanan. Malahan dalam Amanah Ikhtiar Malaysia terbukti bahawa wanita yang mana meminjam, dia bayar sebab itu sekarang Amanah Ikhtiar Malaysia 100% diberi kepada wanita. Lelaki ini bukan tidak bayar, ramai juga yang bayar tetapi ramai juga yang tidak bayar.

Jadi dalam konteks itu kita berharap supaya pihak kementerian dalam soal pembangunan usahawan ini, kita harap wanita juga diberi peluang dan saya hendak ambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dana-dana yang diberikan saya rasa pihak kementerian telah pun memfokuskan isu wanita itu sebagai isu yang penting. Ini memang kita minta dalam Ekspo Niaga Wanita UMNO yang kita adakan bersama-sama dengan Sukom baru lalu. Kita mengucapkan terima kasih di atas sikap sensitif kementerian kerana bagi kita, wanita juga merasa bertanggungjawab untuk menentukan supaya ekonomi negara kita dapat digenerate dengan izin, seberapa segera yang boleh untuk kita hendak tampung balik kemelesetan dan juga kemiskinan yang dibuat oleh Soros kepada negara kita. Sekarang kita sudah tutup pintu, gerakan kita dalam negara sahaja, jadi kita harus berusaha kuat untuk menentukan supaya kita dapat kembali dalam keadaan yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itulah sahaja pandangan-pandangan dan juga pendapat yang dapat saya kemukakan di dalam membahaskan Akta Francais 1998 dan akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan dalam membentangkan Akta ini amat kita sanjung

tinggi. Malahan tiga sesi Dewan telah bersidang, dua sesi yang lepas sehingga sesi ini saya melihatkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha kuat untuk menentukan keadaan dan juga pemulihan ekonomi kita dapat dilaksanakan secepat mungkin. Dengan itu saya ingin menegaskan bagi pihak semua Ahli Dewan Negara bahawa kita memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang sentiasa menghadapi cabaran-cabaran daripada pihak-pihak luar.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

**2.55 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Rang Undang-Undang Francais 1998 dan saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian yang bertanggungjawab pertama kali mengenalkan Rang Undang-Undang Francais tahun 1998. Sebagaimana rakan-rakan ahli Dewan yang mulia yang lain yang membahas Rang Undang-Undang Francais ini, saya juga adalah dua, tiga perkara yang saya hendak kemukakan pandangan dan untuk bertanya beberapa maklumat daripada kementerian yang berkenaan. Walaupun begitu sebelum saya teruskan perbahasan ini, suka saya mengambil kesempatan di sini dahulu untuk menyatakan setinggi-tinggi tahniah kepada Presiden MTUC, Encik Zainal Rampak yang telah dilantik sebagai anggota Dewan Negara dan mengangkat sumpah hari ini.

Saya mengalu-alukan bagi pihak diri saya sebagai anggota Dewan ini penyertaan seorang tokoh kesatuan sekerja yang memang kita kenali yang mempunyai semangat juang yang gigih bagi membela pekerja-pekerja di negara kita ini dan sudah barang tentu penyertaan beliau dalam Dewan yang mulia ini membolehkan segala pandangan dan masalah yang dihadapi oleh pekerja dapat dibawa ke Dewan yang mulia ini. Jadi sekali lagi tahniah dan dapat bersama dengan keluarga Ahli Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting bagi saya dalam soal perniagaan francais ini ialah soal penyertaan bumiputera. Rakan-rakan saya

yang lain di dalam Dewan yang mulia ini membangkitkan soal promosi makanan tempatan ataupun barangan buatan tempatan untuk difrancaiskan sehingga ada yang merujuk kepada Sate Ria dahulu yang sepatutnya menjadi pengalaman dan bagaimana Sate Ria ini boleh dijadikan barang makanan Malaysia yang boleh difrancaiskan ke luar negara. Walaupun perkara ini betul tetapi saya lebih suka melihat bagaimana perniagaan francais yang ada kait mengait dengan soal-soal perkembangan dan pembangunan teknologi lebih-lebih lagi dalam bidang multimedia seumpamanya, membolehkan lebih ramai lagi bumiputera mendapat perniagaan francais dan francais ini pula nanti ditaburkan di merata-rata pelosok negara termasuklah di desa atau di kampung-kampung yang kecil.

Oleh itu saya ingin bertanya dahulu sebab perkara yang bermain dalam fikiran saya dan maklumat yang saya dapat ialah kesukaran bumiputera untuk mendapat francais dengan syarikat-syarikat besar. Kita tahu Kentucky Fried Chicken, McDonald, A&W sudah pun turun ke bandar-bandar kecil tetapi apakah jumlah penyertaan bumiputera sudah memadai ataupun sudah sampai pada tahap yang dijangkakan. Sebab saya menyatakan demikian, Tuan Yang di-Pertua, rungutan yang saya terima, syarat-syarat yang dikenakan oleh syarikat-syarikat yang hendak memberi francais ini begitu ketat dan rigid sekali sehingga sukar bumiputera untuk mengambil bahagian dengan lebih cepat kerana perniagaan francais ini Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat dijayakan ia boleh membantu meningkat golongan pertengahan usahawan yang dihasratkan oleh kerajaan dan negara. Walaupun begitu saya bagi satu contoh, saya hendak tanya kementerian, francais Fuji film, francais filem Kodak. Saya hendak tahu berapa ramai bumiputera telah mendapat ataupun diberi francais oleh syarikat-syarikat yang saya sebutkan tadi.

Saya difahamkan syarat-syarat termasuk modalnya adalah amat sukar untuk bumiputera mendapat faedah ataupun mendapat peluang. Saya tidak tahulah, tetapi saya tengok di bandar-bandar besar ataupun bandar-bandar kecil ataupun bandar-bandar di pinggir tidak banyak bumiputera contohnya dalam bidang francais yang saya sebutkan tadi.

Termasuklah juga macam A&W, termasuklah juga macam, macam McDonald, betul, syarikat-syarikat ini mempunyai hak sebab mereka tidak menentukan perniagaan mereka berjaya, mereka tidak mahu jika diberi francais promosi keluaran barangan mereka ataupun apa juga bentuk produk yang mereka keluarkan, mereka tidak mahu terjejas sampai kepada bentuk kedai dari segi 'marketing'nya, dari segi segala-galanya, ditentukan dengan begitu teliti.

Walaupun begitu kita hendak juga memastikan bahawa penyertaan bumiputera ini akan terus meningkat, bagaimana francais perniagaan barangan keluaran elektrik. Saya percaya ahli Dewan yang mulia bersetuju dengan saya tidak banyak syarikat bumiputera yang terlibat dalam perniagaan jualan barangan elektrik seperti televisyen, peti sejuk, kipas angin dan apapun barangan keluaran elektrik, kita tengok tidak banyak di kedai-kedai yang dimiliki oleh bumiputera.

Sekarang ini yang mengendalikan urusan monitoring syarikat francais ini ialah Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya ingin mencadangkan, kalau boleh, saya pun tidak tahu sama ada ini sudah menjadi dasar ataupun belum, di mana kementerian menentukan dengan syarikat-syarikat besar yang hendak beri francais, contohnya syarikat pengeluaran film, Fuji film, Kodak ataupun termasuklah A&W, kedai-kedai makanan dan seumpamanya. Mereka menentukan jumlah bilangan dalam satu tahun berapa outlet ataupun francais yang hendak dikeluarkan contohnya kita katakan 50, daripada 50 ini berapa yang dikhaskan kepada bumiputera, 30 contohnya dan hak melantik francais ini ialah kuasa Kementerian Pembangunan Usahawan seperti mana perlantikan agen kereta Proton ataupun kereta Kancil yang mesti diselaraskan oleh MITI. Kalau ini yang demikian nanti, saya percaya dan mungkin dasar ini telah pun terlaksana dan untuk melaksanakan ini pula pendekatan kementerian hendak melihat dari segi syarat-syarat yang boleh dipenuhi oleh pemohon-pemohon. Tetapi usahawan-usahawan ini digred oleh Kementerian Pembangunan Usahawan contohnya kalau ada satu usahawan untuk mendapat

francais Fuji Film maka beliau terpaksa mengadakan bank guarantee sekurang-kurangnya RM150,000 atau RM200,000 ataupun hendak buka francais A&W contohnya maka dari segi syarat yang ditetapkan lebih-lebih lagi dalam suasana seperti sekarang tidak mungkin bumiputera dapat menyertai dengan bilangan yang kita harapkan boleh memajukan secara 'reality'nya usahawan-usahawan bumiputera supaya tumbuh di seluruh pelusuk tanah air kita.

Ini yang saya rasa paling besar sekali, saya tidaklah mahu menyentuh soal perkara-perkara yang ada dalam akta ini, soal lembaga penasihat siapa apa kuasa pendaftar ini urusan kementerian? Dan saya percaya kepada menteri dan kakitangan kementerian tetapi yang penting ialah semangat dan natijah kepada akta ini ialah untuk menyuburkan perniagaan francais di negara kita.

Kenapakah setakat ini kerajaan kita telah berpuas hati dan apakah sudah mengendali masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan bumiputera kita ini? Ini yang pentingnya, apa dia punya target, sasaran, kalau boleh pihak kementerian ataupun pihak menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini berapakah jumlah bumiputera yang telah mendapat francais dalam semua produk setakat ini? Tidak kira sama ada dari segi produk makanan ataupun 'electrical'nya ataupun apa juga bentuk jenis termasuk rancangan dan strategi kementerian dalam bentuk francais dalam bidang telekomunikasi dan juga multimedia.

Saya lihat ada usahawan-usahawan bumiputera berniaga komputer contohnya, tidak mungkin tempat mereka mendapat agensi menjual komputer ataupun francais dengan pihak-pihak pengeluar komputer selain daripada mereka menjual secara runcit. Ada RM10,000 beli tiga biji dan jual tiga biji maka beli balik, tidak dapat bertapak dengan kukuh dan kuat. Jadi saya hendak tahu rancangan dan strategi kementerian dalam menangani masalah ini dan apakah sasaran dan matlamat kementerian lima tahun akan datang, berapa jumlah francais yang dapat dibangunkan usahawan bumiputera melalui bidang francais ini?

Sebab yang menjadi masalahnya ialah usahawan bumiputera, usahawan-usahawan bukan bumiputera, walaupun kita juga mahu kerajaan membantu tetapi nyata sekali sebelum ini pun tanpa peranan kementerian, tanpa peranan kerajaan mereka sudah mampu mendapat francais, membuka operasi perniagaan di serata tempat yang tertinggalnya ialah bumiputera.

Saya katakan tadi, antara sebabnya ialah syarat-syaratnya begitu ketat kalau Fuji Film contohnya hendak tengok kedai dahulu, kedainya mesti cantik, kemudahan-kemudahan lain seperti mesti dia punya decoration pun satu hal perlukan modal, show room dan macam-macam. Semua ini memakan modal (cost), saya hendak tanya kementerian. Adakah kementerian juga mempunyai kemudahan, walaupun kita tahu macam-macam tabung ada di Kementerian Pembangunan Usahawan, saya hendak sebut pun tidak ingat, berbelas-belas tabung dan akan dicantumkan. Dalam konteks francais ini, macam mana?

Saya lebih suka melihat untuk melahirkan usahawan ini, sudah sampai kepada peringkat bukan modal seharusnya menjadikan masalah, kalau terdapat usahawan ataupun bumiputera yang keluar daripada universiti contohnya daripada ITM yang lulus dalam bidang perniagaan (Business Management) ataupun Business Administration yang ada kaitan dalam bidang-bidang perniagaan.

Apakah tidak mungkin, kalaulah Kementerian Pembangunan Usahawan menentukan di mana graduate ini tiga atau empat orang digalakkan mereka membuka syarikat dan kementerian sendiri tolong mendapatkan francais termasuk modal, membimbing mereka ini sampailah mereka berjaya kerana pengalaman dan ilmu mereka ada itu yang menjadikan modal.

Katakanlah kalau disyaratkan supaya ada bank guarantee sampai RM100,000 hingga RM200,000, bank guarantee ini menjadi tanggungjawab Kementerian Pembangunan Usahawan, melalui CGC atau apa bentuk tetapi jaminannya datang dari pihak kementerian. Kalau ini dapat dijayakan maka perniagaan francais ini boleh disuburkan dan banyak di kalangan bumiputera



akan mendapat faedah dan dianya juga akan dapat masuk ke kampung-kampung, bandar-bandar dan desa-desa.

Kalau tidak, bunyi sahaja sedap, perniagaan francais, tetapi bilangan perkembangannya dan pertambahannya tidaklah begitu menggalakkan. Saya bercakap ini sebab saya sudah berjumpa dua atau tiga orang yang berusaha hendak mendapat francais ini cukup punya seksa, lebih susah daripada hendak dapat pinjaman bank, lagi susah.

Sebab itulah pihak kementerian patutlah menjadikan keutamaan nanti di mana kita harap kalau Fuji Film keluar francais jumlahnya 100, ada 40 bumiputera, sudah mencapai sasaran dari segi pelaksanaan DEB dahulu. Kodak film kalau 100 dikeluarkan francais, ada 40 bumiputera, itu bermakna kita katakan kementerian yang bertanggungjawab sudah berjaya. Begitu juga dalam bidang yang lain, pada saya ukuran berjaya atau tidak dari segi jumlah peratus pembahagian yang mendapat francais itu. Ini bab yang saya kira yang utama dan paling penting.

Perkara yang kedua ialah mempromosikan produk-produk daripada negara kita termasuk sate, currypuff dan roti canai yang sememangnya sudah menjadi produk yang boleh dipasarkan di dunia luar, boleh dieksport. Kita tengok roti canai pun sudah ada di New York sekarang ini, bukan lagi setakat sate, dahulu sate sahaja. Currypuff pun sudah ada di mana-mana tempat sekarang ini, yang dibuat secara makanan segera ini tetapi mewujudkan francais produk-produk negara kita ini, kalau kita hendak buat kena buat sungguh-sungguh. Jangan buat macam 'melepas batuk di tangga'. Rangkaian restoran makanan Malaysia tidak berjaya kita ambil contoh di London sahaja – tidak berjaya! Sate Ria tidak berjaya, yang ada satu Mawar.....dekat jalan apa saya sudah tidak ingat, di London pun restoran lebih kurang untuk menampung pelanggan-pelanggan daripada Malaysia, tidak mendapat pelanggan-pelanggan bangsa lain, manakala kita lihat di Kota Raya London, contohnya ataupun di mana-mana sahaja contohnya, semua restoran dari segi restoran makanan

berjaya. Kita tengok kedai orang Turki bagus terutamanya kalau makanan orang India lagi bagus – Indian food, penuh dengan pelanggan dan di satu tempat itu dua, tiga buah kedai, tanduri dan sebagainya tetapi kenapa restoran Malaysia ini tidak berjaya sebab dari segi strateginya pelaksanaan tidak betul.

Contohnya, di Trafalgar Square ada rumah tempat pelancong – Malaysian Tourism Development Board, ada dekat Trafalgar Square, kita tampal gambar Malaysian Airline System, gambar-gambar daripada negara kita, itu sahaja dari segi hendak tarik pelancong. Kalau tanya saya, di situ patutnya diletakkan restoran Malaysia. Serentaklah juga di situ dijadikan pusat pelancongan tetapi restoran kita yang ada termasuk Sate Ria satu inilah, yang lain semua di bawah tanah. Dari segi kita tengok kalau hendak dibandingkan dengan negara-negara lain, ataupun bagaimana promosi yang dibuat oleh negara-negara lain, jauh kalau hendak dibandingkan dengan Malaysia. Kita ini kurang dari segi inilah, termasuklah dalam bentuk bungkusan juga.

Kita tengok dari segi - baik bajukah, makanankah, produk-produk kita, kita tidak ambil berat soal packaging, sama juga kedai kita tidak ambil berat soal decorationnya. Sampai di London kita tengok Indian Restaurant tetapi bila masuk very cozy, orang Putih kata, duduk pun seronok macam hotel five-star. Masuk restoran Malaysia bau curry sahaja, belum masuk pun sudah bau dekat pintu, dia punya wapnya! Jadi, untuk hendak cater market kepada bangsa asing ini, perkara-perkara ini penting, sama juga bila kita marketkan produk kita di luar negeri, kita tidak ambil berat perkara-perkara seumpama ini tetapi bila kita lihat barang-barang daripada luar, jenama-jenama penting ini bukan apa sangat, barang mereka pun kadang-kadang kurang baik daripada kita tetapi packagingnya – packaging seluar dalam bukan main cantik, Tuan Yang di-Pertua, packaging baju dalam, serba-serbi punya cantik. Kita jual batek, packaging tidak ada – masuk dalam beg plastik, bungkus dengan kertas surat khabar ataupun dilipat dengan rapping paper, jadi ia tidak menarik tetapi kerana packaging itulah, bukan sahaja harganya mahal, ia jadi menarik.

Sama juga kalau kita hendak promote produk-produk kita di luar negara. Kalau hendak buat, kena buat sungguh-sungguh. Yang kita ini selalunya, saya tengok buat semua ‘hangat-hangat tahi ayam’ – buka satu tutup satu, buka satu tutup satu, tidak dapat bertapak, tidak dapat kekal tetapi kalau kita buat kaedah seperti yang dibuat oleh negara-negara lain, boleh berjaya. Makanan sesetengah itu yang jadi popular bukan kerana makanan itu sedap tetapi kerana suasana, kerana environment yang wujud di tempat itu membuat banyak pelanggan datang. Saya tengok begitu! Masuk kedai Arab, Arab itu jual apa sangat, tidak ada benda pun, kebab sahaja! Roti itu bertimbun sudah empat, lima hari tetapi ramai juga orang pergi. Makanan Malaysia kalau hendak dibandingkan dengan makanan dari negara lain, jauh kita yang paling baik, Tuan Yang di-Pertua ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** The best food in the world, sebut sahaja semua ada. Bukan sahaja setakat sate seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato’ Ghazi tadi – macam-macam lagi! Budu pun boleh francais, tempoyak, boleh francais semua ini kalau kira hendak francaislah tetapi yang menjadi persoalan sekarang ini cuba kaji kenapa kita tidak berjaya selama ini. Mesti ada sebabnya! Kadang-kadang kita belanja tidak kena pada tempatnya, ada sesetengah itu belanja saya tengok dari segi boros, kita boleh tahan jugalah nampaknya tetapi tidak kena pada tempatnya. Sepatutnya kita belanja di tempat itu kita tidak belanja, yang tidak patut kita belanja lebih-lebih, ini yang jadi ini. Oh, tidak boleh, hendak letak lampu yang cantik tidak boleh, kerusi ini mahal kita beli cara tender, kerusi murah cukuplah, padahal sesetengah restoran yang kita tengok yang ada di Kota Raya London ataupun di New York ataupun di Los Angeles ataupun di Paris ke tengok, where first they go, yalah, environment dalam kedai itu dahulu. Itu diberi perhatian dahulu, kedai itu cantik.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, hendak bertanya pihak yang bercakap tadi. Dia ini banyak sangat pergi ke luar negara, rasanyalah! Pengalaman itu pengalaman betulkah, tempat-tempat ini dia pergi sendirilah atau dia menonton melalui televisyen? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini saya tengok sendiri, saya tidak akan bercakap melalui artificial, tidak ada! Saya ini dari segi fact cukup particular, sebab itu bila saya mengemukakan hujah-hujah sukar untuk dipatahkan termasuklah Yang Berhormat Dato' Zuki, sebab saya pergi. Saya tengok sendiri, saya makan sampai saya check semualah betullah, sampai ke luar dalam saya check – dengan tandas semua sekali saya check. Jadi sebab itu dia orang berjaya. Kita tidak berjaya kerana itu. Sate Ria dahulu tidak berjaya kerana ini, bukan kerana lain, kerana yang saya katakan tadi. We just couldn't present our Sate Ria dari segi tempatnya, dari segi suasana dalam kedainya not at par compared to other countries, dengan orang lain buat, itu sahaja kita gagal. Ada sesetengah orang itu dia masuk bukan hendak makan sangat, kerana dia hendak cari tempat-tempat yang macam ini then from there they try our food, dengan izin, from there dia orang merasa Sate Ria, baru dapat kita popularkan. Bukan sahaja di sana, di sini pun begitu. Kalau kita hendak berjaya, hendak promotekan produk-produk daripada negara kita. So, jangan cepat kita hendak buka empat, lima. Buka satu dahulu but make a real good one.

Cuba sekali kalau kementerian hendak promote balik Sate Ria, hendak buat balik pergi cari di London, sewa tempat itu biar tempat strategik, mahal pun kita kena accept because in the long term mungkin kita boleh berjaya. Spent the money on the renovation of the shop, biar complete, biar cantik betul. Ini tengok-tengok yang ada mana boleh hendak berjaya. Sate Ria yang di London dahulu tersorok dekat jalan.....jalan apa saya sudah tidak ingat. Tidak jadi, so bukan kerana Sate Ria itu tidak ada sambutan, kerana soal inilah, soal yang saya katakan tadi. Jadi, perkara ini pihak kementerian kena tengoklah,

kena tengok dan kalau kita hendak meningkat pendapatan kita di luar negara memang melalui francais ini juga merupakan satu sumber yang boleh membawa pendapatan kepada negara. Tetapi kena buat betul-betul.

Sekarang ini people go for the best, orang pergi kepada yang terbaik dalam segala hal termasuk parti politik pun begitu juga. Orang pergi yang terbaik, wakil PAS ada di sini. So, people go for the best, macam di Sabah orang akan pergi kepada Barisan Nasional kerana the best juga, samalah juga dalam bab bidang perniagaan pun. So, kalau kita liat hendak keluarkan peruntukan untuk perkara-perkara seumpama ini kita tidak akan berjaya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua itu dua perkara yang saya sentuh dan tadi saya dengar wanita, Yang Berhormat - bercakap tadi hendak diisikan wanita, kalau boleh itu saya cukup sokong bukan sokong itulah – saya sokong sungguh-sungguhlah. Nampaknya apabila wanita memainkan peranan kadang-kadang nampak lebih berjaya daripada kaum lelaki. Ini betul Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, betul saya tengok sebab itu apabila telah kelam-kabut, macam-macam masalah sesebuah negara, at last they go to a women Prime Minister, tengok pernah berlaku dalam beberapa buah negara.

Jadi selama ini pun kerajaan telah memberi tempat kepada kaum wanita kita di Malaysia ini tetapi saya cukup setuju terutama kalau wanita ini diberi menjaga akaun lagi bagus. Jaga amanah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kewangan lagi saya percaya [*Disampuk*] Apa dia ?....

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Francais ini wanita ...

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ya, menjadi wanita, segala bidang francais ini bak kata Dato' Haji Mohd. Zuki saya setuju. Dia kena beri kepada wanita banyak tetapi dalam untuk beri kepada wanita ini lebih perhatian, jadi dalam Lembaga Penasihat Francais ini lantiklah wanita lebih – saya tidak ada halangan, saya sokong 100% terutamanya di kalangan ahli-ahli Dewan Negara,

ahli-ahli Dewan Rakyat, wakil-wakil rakyat negeri ini sebab wakil-wakil rakyat kita di Malaysia ini tidak banyak kerja.

Dia tidak full time, - full time menjadi wakil rakyat tetapi dari segi fungsinya, peranannya ialah apabila Dewan bersidang dan kalau ada setengah-setengahnya dilantik dalam Ahli Lembaga Pengarah sebulan sekali hadir mesyuarat Lembaga Pengarah. Itu pun apabila hadir dalam mesyuarat Lembaga Pengarah polisi pun telah ditetapkan. Minit-minut mesyuarat pun telah diadakan, rancangan pun telah diadakan, nantikan kata ya atau tidak sahaja. Bila dia hendak mengambil bahagian dari segi polisi ini, dari segi merangka dasar ini, ini saya tengok penubuhan Lembaga Penasihat Francais ini cukup baik dan saya sokong lantik wanita lebih dan kenalah wanita ini yang ada kreativiti pula, yang ada inovasi pula, jangan banyak politiklah, jangan kalau ada tiga, empat orang dalam itu patutnya fikir macam mana hendak memajukan francais, dia pun fikir pula macam mana hendak sokong orang itu, hendak sokong orang ini. Dalam mesyuarat itu pun sejam habis bab itu sahaja dahulu. Mesti profesionallah dan mesti bertanggungjawab dan saya percaya wanita kita boleh memainkan peranan. Saya cukup sokongan, cuba kita test sekali hari kita beri kepada wanita majoritinya, termasuk kalau boleh pendaftar pun lantiklah wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah, lantik wanita pun tidak ada halangan dan kita tengok sudah berjaya, sudah ada wanita kita yang menjadi Ketua Pengarah Pendidikan, Hakim pun dan ada dan apa lagi menteri tidak usah kisahlah, dalam Dewan Negara ini pun ramai. *[Disampuk]* bakal Perdana Menteri saya belum nampak lagi ada yang terserlah. Itu kena tunggu masa sedikit tetapi untuk bidang-bidang ini boleh dan saya menyokong penuh supaya wanita-wanita kita ini diberi peranan penting dalam mempromosikan francais ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya harap jugalah pendaftar nanti, pendaftar yang bertanggungjawab kepada akta ini nanti melaksanakan

perniagaan francais ini, supaya tidak rijid dalam memberi takrifan kepada soal-soal peruntukan yang telah ada dari segi melaksanakan program-program tindakan yang berhubung-kait dengan francais ini. Saya hendak beri contoh seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti. Akta Universiti dan Kolej Universiti – pelajar-pelajar universiti bising, dikongkong, tidak boleh bergerak, tidak boleh bersuara macam-macam sebab kononnya kerana akta tetapi apabila kita baca akta itu tidaklah sedemikian rupa sebagaimana dakwaan pelajar-pelajar. Tetapi Dekan Hal Ehwal Pelajar, cara dia melaksanakan undang-undang itu begitu rijid sekali, samalah juga dengan hal francais ini, jangan rijid maknanya undang-undang itu sebagai panduan, kalau boleh buat, buat, kalau boleh bantu, bantulah. Jangan banyak kerenah sangat, itu tidak boleh syarat, inilah, begitulah, beginilah, macam mana kita hendak maju?

Pada saya we go for the law of average, dengan izin. Pada saya kalau kita katakan sepuluh tapak francais, tiga, empat berjaya pun sudah kira baguslah. Jangan pula kita beri tiga, empat, tiga, empat itu gagal, kita hendak hukum orang lain. Orang lain hendak minta tidak boleh sebab dahulu sudah buat, tidak berjaya, sebab itu saya selalu merungut apabila ada pihak bank mengatakan, bumiputera ini kalau berniaga, pinjam tidak bayar, lambat bayar. Macam Yang Berhormat Dato' Haji Zuki pinjam, tidak bayar dan apabila saya hendak pinjam janganlah hukum saya kerana Yang Berhormat Dato' Haji Zuki sebab Yang Berhormat Dato' Haji Zuki dengan saya walaupun sama Melayu, Yang Berhormat Dato' Zuki lain dan saya lain. Mungkin saya lebih baik dan pandai daripada Yang Berhormat Dato' Zuki, contoh macam itu. Sebab itu kita jangan hukum hal bumiputera ini kalau bangsa Melayu, secara total bahawa Melayu itu gagal, tidak boleh. Cuma timbulnya kerana kita hendak meningkatkan bumiputera kita tetapi bangsa lain pun serupa. Bangsa lain pun sama juga tidak ada beza pun, ada yang gagal, ada yang berjaya, ada yang kena BPR, ada yang menyeleweng, ada yang salah guna kuasa, sama sahaja. Tetapi telah menjadi budaya ataupun menjadi trend, seolah-olah kalau bumiputera,

kalau pergi di Fuji Filem, Kodak, ini kena tengok dahulu sebab kitalah yang bercakap. Termasuk Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri, bumiputera kena kerja kuat kalau hendak berjaya, kita bercakap, keluar dalam surat khabar.

Jadi orang berfikir bumiputera tidak bekerja kuat, sebab itu menteri bercakap suruh kerja kuat, something like that to the effect, dengan izin, sometimes kita punya percakapan, kita punya ucapan, kenyataan-kenyataan kita, ada dia punya kesan psikologi perkara-perkara seumpama ini. Itu sebabnya saya berharap Kementerian Pembangunan Usahawan kena lihat perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi sebagai pandangan. Sekadar put of talk, dengan izin semoga dapat membantu perniagaan francais ini baik dalam bentuk hendak meningkatkan bumiputera kita mendapat bahagian dalam perniagaan francais ini di samping hendak mempromosikan produk-produk kita di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, jadi itu sahaja dan saya menyokong. Terima kasih.

### **3.37 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk turut membincang dan membahaskan Akta Francais 1998 yang dibawa oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan francais ini merupakan satu pendekatan perniagaan yang agak baru, yang ianya bermula di negara Barat dan kini menular ke negara kita. Soalnya sekarang bagaimana wujudnya francais pada suatu ketika dahulu? Saya tengok kalau sekiranya kita lihat McDonald, McDonald sebenarnya berasaskan peringkat awalnya kepada daging (beef) kerana di Amerika ini banyak daging. Jadi untuk menentukan dari segi pembelian, consumption daging dengan lebih meluas, mereka memikirkan dengan cepat elok sangatlah kalau diwujudkan outlet ataupun kedai-kedai McDonald di seluruh Amerika. Setelah ianya berjaya di sana,



berdasarkan penyelidikan dan penelitian yang amat rapi, barulah mereka memasarkan konsep francais ini ke peringkat antarabangsa termasuk Malaysia.

Saya difahamkan di sini, Tan Sri Vincent Tan mempunyai francais McDonald dan sebagainya. Jadi asal-usul francais itu, di peringkat negara kita ini kita mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang-bidang tertentu. Misalnya sate pada suatu ketika memang terkenal di seluruh dunia ianya datang dari Malaysia sungguhpun di Singapura pun ada sate, di Indonesia pun ada sate tetapi kita cuba dari segi Malaysia memfrancaiskan sate menerusi Sate Ria. Memang benar saya pernah pergi ke London, Sate Ria ini memang tersorok, sekarang ini dekat dengan Queensway, hujung, ceruk sahaja, kedainya kecil sahaja, tidak ramai orang lalu lalang di situ.

Jadi pertama sekali kriteria yang kita tidak berjaya ialah memilih tempat. Jadi apabila kita memberikan francais kepada seseorang, kriteria-kriteria dan ukuran-ukuran bagi hendak menjayakan francais itu mestilah diwujudkan dan diikuti oleh mereka yang mendapat francais itu kerana francais sebenarnya menumpukan kepada sistem, kita menjual sistem dan produk yang mengikuti sistem itu. Sistem apa yang kita jual? Iaitu sistem perakaunan, sistem pameran, sistem dari segi fizikal outlet, dari segi tempat yang kita hendak berniaga dan sistem yang menentukan produk itu sama.

Tidak guna kalau sekiranya kita beli sate ria dekat Queensway berbeza dengan sate yang dijual di Sate Ria Picadilly Circus misalnya, orang akan bertanya yang ini sate ria yang itu sate ria juga ke? Sungguhpun dari segi kualitinya amat berbeza jadi quality control semuanya ini dibukukan dalam satu manual, operation manual dia wujud dan kita kena ikut, supervisor-supervisor, penyelia-penyelia yang mempunyai francais ini pergi melawat ke setiap tempat. Kalau tidak mengikuti apa yang termaktub dalam kitab dia itu mereka akan dapat dikeluarkan daripada menjadi pemegang francais. Francais ini merupakan satu pendekatan yang penuh dengan disiplin, apa yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini tidak

wujud budaya cincai dalam hendak menjalankan dan mengusahakan francais dalam satu-satu produk lain.

Jadi, di Malaysia ini saya memikirkan banyak produk lain yang boleh kita francaiskan, jadi kita memerlukan tindakan dan pendekatan yang proaktif, apa kekuatan negara kita, pagi tadi kita dengar orang di Malaysia ini 1.5 juta sudah tidak kuat dah, lelaki di Malaysia, 1.5 juta ini ramai kerana penduduk kita 22 juta, dan ramai di seluruh dunia sudah tidak banyak orang kuat dari segi kekuatan sebagai seorang lelaki sebab itu wujudnya Viagra, Mius, Tongkat Ali, ginseng dan sebagainya. Ini merupakan satu pasaran yang amat besar dan kita punyai Malaysia, India pun ada, China pun ada, Taiwan ada, unsur-unsur tradisional, ubat-ubat tradisional di mana..

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Lelaki banyak tidak kuat saya menolak dakwaan itu sebab saya tahu didalam ini semua kuat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ini adalah mengikut apa yang diutarakan oleh Kementerian Kesihatan pagi tadi, saya ingatkan 2 juta lelaki yang memerlukan Viagra dan Tongkat Ali rupa-rupanya 1.5 juta sahaja, maknanya tidaklah begitu ramai, tetapi 1.5 juta dalam lingkungan penduduk 22 juta, kebanyakannya 49% lelaki ini kira ramailah. Jadi untuk menentukan, jadi maksud saya hendak menjuruskan kepada produk line, jadi terfikir pada kita, kita mempunyai Tongkat Ali, kita mempunyai barang-barang makanan yang segar-segar tropical fruit, banyak buah-buahan, kita mempunyai hutan-hutan belantara yang mempunyai spesis-spesis yang tidak wujud di tempat lain. Tidak bolehkah kita memikirkan satu francais, fasal di Indonesia ini ada kedai-kedai jamu, tidak bolehkah kita memikirkan satu kedai berurusan dengan perkara-perkara yang memberikan kesihatan kepada badan dan otak iaitu menggunakan makanan dan minuman yang berasaskan sedikit sebanyak ciri-ciri Tongkat Ali dengan Kacip Fatimah yang disebutkan pagi tadi. Lelaki untung wanita untung, kita buat sudut-sudut ini di kedai-kedai ini dengan minuman jus tropika.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Aziz, tadi Yang Berhormat kata perniagaan francais ini memang berprinsipkan sistem, ada disiplinnya, kalau kita hendak jual sate, sate di Edgware Road sama dengan di Jalan di Nottingham Road, serupa macam burgerlah mana-mana you pergi, kalau McDonald you rasa sama saja. Tapi sate ini, macam kita punya makanan ada juga makanan yang memang susah hendak tentukan bahawa dia sama sahaja, macam kuah sate hendak tentukan sama macam burger, burger itu dagingnya, rotinya lepas itu dia pakai cili sosnya,

Jadi, saya hendak cadangkan Yang Berhormat, setuju kiranya saya cadangkan, lupa hendak sebutkan tadi, kalau boleh Kementerian Pembangunan Usahawan, kerajaan kita promote satu sahaja lagi. Kita lawan McDonald ini di peringkat antarabangsa kita perkenalkan Malaysia, kita promote Ramly Burger, Ramly Burger ini boleh lawan dengan McDonald di luar negara, seboleh-boleh kalau sebelum McDonald masuk di sesetengah negara Afrika, di Timur Tengah belum ada lagi banyak lagi ada.

Kenapa tidak kementerian sendiri ambil inisiatif promote Ramly Burger, tetapi kena tolonglah, kena bantu di peringkat awal, outlet dia kena setanding dengan outlet McDonald. Jangan pula Ramly Burger itu duduk dekat Kampung Baru sahaja, kita tidak pergi tengok pun, jarang-jarang kecuali Ramly Burger jemput Yang Berhormat Dato' Aziz pergi rasmi satu outlet ataupun ada kenduri kita pergi, baru pemimpin kita pergi, tapi kita hendak supaya menteri atau pemimpin kita pergi tengok jangan lagi Ramly Burger itu duduk di Kampung Baru mestilah ada tempat strategik dan kita improve dia punya logo, biar cantik biar berwarna warni, lampu berkelip-kelipan macam McDonald, baru boleh lawan. Apa kata kalau kita promote Ramly Burger ini.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya setuju sangatlah, Ramly Burger, Ibrahim Burger tidak kira, asalkan benda itu boleh dipasarkan dan diterima. Soalnya sekarang kita hendak menjual dan mendapat keuntungan

daripadanya. Saya setuju sangatlah pandangan Yang Berhormat Datuk Ibrahim tadi.

Jadi, Tuan Pengerusi, maksud saya begini kita mesti proaktif mengkaji apakah sebenarnya kekuatan kita yang boleh kita pasarkan, kita pakejkan untuk kita mengeksport dan meningkat nilai tambahan.

Jadi, kalau kita ada Tongkat Ali dan jangan memikirkan Tongkat Ali sahaja, tongkat ali ini sebagai satu gimik, satu tarikan hendak memberikan kekuatan batin kepada orang-orang yang memerlukan macam saya dan Datuk Ibrahim tidak perlu, yang lain-lain yang perlu menggunakan kita gunakan dan mempunyai formula tertentu, yang hendak kita jual ini rahsia formulanya, yang itu kita jaga, yang hendak kita beritahu seluruh dunia ialah packagingnya begini, begini kalau kita ambil Tongkat Ali dengan nenas, ini dia khasiatnya dengan ciku ini dia khasiatnya.

Ini kita hendak pameran juga buah-buahan tempatan kerana saya baru balik dari London, saya tengok sebiji buah pisang emas 45paun, 45 x RM6.20 RM2.40 sebiji macam mana di Harold, macam mana FAMA tadi menyebutkan perkara ini kita expose. Barang-barang tropika buah-buah seperti manggis misalnya dua-tiga ringgit sebiji, yang kita boleh beli di sini melambak boleh dapat di musim-musim tengkujuh sekarang ini kita dapat buah-buahan ini begitu banyak dijual.

Soalnya kita ini berlebihan pada musim-musium tertentu, jadi saya hendakkan Kementerian Pertanian, kementerian mana-mana memikirkan secara mana nilai tambahan boleh ditokoh tambah kepada produk-produk yang kita keluarkan menerusi sistem francais dan kalau perlu kita buat aiskrim berasaskan rambutan, berasaskan durian sudah ada tetapi secara besar-besaran, kita gunakan flavour buah-buahan ini untuk kita pameran, untuk kita jualkan aiskrim-aiskrim bukan di Malaysia sahaja tetapi di seluruh dunia kerana ini kekayaan yang wujud pada kita.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Yang Berhormat, bahawa flavour-flavour aiskrim ini bukan daripada buah-buahan yang asli. Ini saya hendak maklum,

kalau orang darah tinggi ke, takut kolestrol ke ada yang fikir tengok aiskrim durian tidak boleh makan kerana ini bahaya durian. Sebenarnya itu perasa artificial bukan durian sebenar, itu dibuat di Italy, durian, manggo dan macam-macam bukan asli, jadi tidak usah bimbang kalau tengok aiskrim durian itu makanlah Yang Berhormat Dato' Norjan, bukan durian sebenarnya tu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Itu bagus, maksud saya tadi penilaian citarasa berasaskan kepada durian, rasa macam durian, tidak kira sama ada kolestrolnya tinggi atau rendah. Itu kita boleh sebutkan kita mesti ada pengkajian detail bagaimanakah komponen satu-satu barang makanan itu terdiri daripada apa. Itu kita kena buat, tetapi untuk kita hendak meningkatkan kegunaannya gimik semacam ini kita memerlukan research and development. penyelidikan dan pembangunan yang rapi dan pendekatan yang amat proaktif.. Saya sebutkan tadi buah-buahan tropika, saya sebutkan tadi Tongkat Ali dan Kacip Fatimah, saya sebutkan juga rain forest. Di mana sekarang sudah ada restoran-restoran rain forest. Oleh itu khazanah kita gunakan pendekatan di mana rain forest sebagai backdrop, masukan barang-barang ini, ini dia satu francais daripada Malaysia bila tengok sahaja sudah tahu, ini Malaysia. Ini Malaysia tropical fruit, ini Malaysia Tongkat Ali.

Jadi ini meningkatkan nama kita juga dan pada masa yang sama memberi khasiat kepada pengguna-pengguna yang memerlukan barang-barang makanan seperti ini. Jadi kalau wujud sistem dan pendekatan semacam ini insyaAllah, saya yakin dan percaya sistem francais di negara kita ini dapat kita pertingkatkan lagi. Kita tidak boleh pergi kepada bidang perniagaan francais di mana point of entry, dengan izin, cara hendak masuk secara mudah, secara murah. Apabila kita hendak memasuki satu sistem francais di mana senang sangat hendak masuk, senang sangat orang hendak bersaing, orang lain akan buat. Jadi francais kita mesti asingkan, identiti francais itu mesti menonjol berbeza dengan outlet-outlet yang lain, kedai-kedai yang lain, barulah ianya boleh mendapat sambutan. Macam 7 Eleven saya tengok dua, tiga sahaja, sekarang ini sudah merata-rata di setiap corner, pasal apa? Pasal ia

semuanya lengkap ada di dalam dan 24 jam, itu sahaja, ia menjual barang yang sama, tetapi ia lengkap. Keperluan harian ada di 7 Eleven dan dibuka 24 jam. Itu perbezaannya dengan kedai runcit, Encik Mat kita di kampung ataupun kedai runcit Ah Kow di bandar, serupa sahaja. Tetapi sistem itu atau layout dia, dan seorang sahaja menjaga di situ, mungkin dua orang sebelah malam, ada cashier di situ, mini supermarket sahaja, tetapi 24 jam dan mengandungi setiap keperluan harian ada di situ dan difrancaiskan dan kita terpaksa membayar kepada orang yang mempunyai francais di situ berasaskan kepada idea dia, dia menjual idea, dan idea itu diterima oleh masyarakat umum.

Jadi sekarang ini kita hendak cari idea di Malaysia berasaskan product line di Malaysia, pemikiran anak buah kita dan itu kita 'crystallize'kan, kita bukukan, kita kitabkan dalam operational manual kita dan itu merupakan sistem yang kita hendak buat. Kerana sekarang ini dari segi persaingan amat hebat, kita bukan lagi berdagang dari segi product, kita sebenarnya sekarang ini berdepan dengan satu perdagangan berasaskan kepada model perniagaan, acuan perniagaan, sistem perniagaan. Produk itu menjadi secondary sekarang, sebab itu kita tengok e-mail, ataupun e-commerce, bukan main sekarang ini dipertingkatkan.

Saya pernah bercakap di Dewan ini, RM300-RM400 bilion mungkin akan datang akan meningkat tahun 2002, dia duduk di rumah dia pergi menjual, dia pergi membeli melalui telefon sahaja melalui electronic commerce. Perkara semacam ini kita kena fikirkan bagaimana, apakah produk-produk yang boleh kita niagakan menerusi sistem electronic commerce ini dan kita tajikan perkara ini sebagai satu pakej untuk kita pasarkan ke peringkat antarabangsa. Ini merupakan satu persaingan yang baru, bukan lagi persaingan produk lain tetapi persaingan sistem perniagaan, siapa yang boleh mendahului masa dari segi pemikirannya untuk bersaing mereka itulah yang akan dapat terus berniaga dalam alaf baru. Setahun lagi kita akan menempuh alaf baru.

Saya juga merasakan apabila ekonomi kita bangkit semula ASEAN, Asia Timur berbanding dengan Eropah sekarang ini menjadi satu dengan mewujudkan satu mata wang sendiri Euronya dia pada 1 Januari 1999 ini American Dollar amat perlu bagi kita memikirkan cara perniagaan yang kita boleh dedahkan di peringkat antarabangsa. Itu merupakan satu saingan bagi kita, saingan yang positif yang boleh menentukan masa depan pembangunan ekonomi kita.

Saya mengharapkan kementerian-kementerian menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dapat bergabung pemikirannya dengan Kementerian Pertanian misalnya kerana banyak mempunyai produk, saya tidak nampak lagi, kalau sekiranya ada burger menggunakan daging, ayam Kentucky Fried Chicken, saya tidak nampak lagi ikan, saya tengok sekarang ini bukan main banyak ikan bukan sahaja ikan laut, ikan-ikan daripada kolam dan sebagainya yang telah pun dibiak begitu banyak bertan-tan, tetapi tidak ada pasaran menerusi francais, saya hendak tengok ikan bakar misalnya, atau pun ikan sandwich, tidak ada, belum ada lagi francais. Jadi ini kita boleh fikirkan kerana sudah banyak bahan di negara kita, ikan talapia merah, ikan patin, ikan jelawat pun sudah banyak, kita fikirkan bagaimana kita boleh pasarkan. Dan sekarang ini masyarakat memikirkan cara apa makanan yang diambil. Tidak ramai yang hendak makan daging kerana mereka tahu daging menjadi punca kepada darah tinggi, kolesterolnya tinggi. Jadi kita fokuskan kepada ikan, ayam memanglah, white meat, daging yang putih yang tidak mempunyai kolesterol, adalah ikan dan kita banyak ikan.

Jadi ini perkara sepatutnya difikirkan dan kita bimbing kalau sekiranya tidak dapat dicetuskan menerusi entrepreneur dan mereka yang dalam bidang perniagaan maka peranan kementerian sendiri, menerusi research and development yang patut kita perkuatkan, memikirkan cara macam mana produk-produk yang sedia ada dapat kita ketengahkan menerusi francais dan ini memudahkan perniagaan berjalan dan sistem itu juga memberikan kita dapat

meningkatkan lagi ruang kita dari segi persaingan di peringkat antarabangsa. Saya hendaklah ikan talapia merah dijual di London, di New York dan saya yakin atas kesedaran masyarakat hari ini untuk hendak menentukan kurangnya kolesterol, kurangnya darah tinggi, kurangnya sakit jantung, mereka akan menumpukan kepada makanan seperti buah-buah yang saya sebutkan tadi dan juga ikan. Perkara yang seperti ini memerlukan research and development. Tetapi saya tengok dari segi research and development dan saya akan bahaskan perkara ini dalam Belanjawan saya perhatikan tidak banyak menjuruskan penyelidikan dan pembangunan menerusi universiti, FRIM atau badan-badan penyelidikan yang lain untuk hendak menentukan cara macam mana produk-produk dari negara kita ini dapat kita ketengahkan ke peringkat antarabangsa menerusi penyelidikan saintifik yang rapi.

Jadi saya hendak menyerulah kepada pihak kerajaan supaya perkara ini dapat diselidiki untuk hendak menentukan persaingan kita dari segi model perniagaan menerusi francais, menerusi e-commerce dapat kita pertingkatkan dalam persaingan antarabangsa.

Jadi dua perkara saya hendak sebut dan saya sokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar.

**3.46 ptg.**

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan di-Pertua. Saya ingin menambah sedikit sebanyak fakta yang boleh dibangkitkan dalam pembentangan Rang Undang-undang Francais 1998 ini. Pertama kita ucapkan tahniah kepada kementerian yang telah pun mengambil inisiatif untuk menyusun semula dan sekali gus menyemaikan perkembangan sihat dan adil dalam urusniaga francais ini.

Satu perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah tentang masalah kita sendiri. Masalah budaya kita orang Melayu. Tadi kita dengar sejak pagi tadi seorang rakan saya telah menyebutkan rasa sate Kajang, dulu dengan



sekarang telah pun berubah. Begitu juga dengan masakan-masakan lain yang kita warisi daripada nenek moyang kita semakin hari semakin berubah. Ini ada kesannya kerana sikap kita orang-orang Melayu yang sangat cemburu tentang hasil masakan mereka. Ada yang mengatakan kita tidak boleh buat seperti mana yang telah dibuat kerana itu air tangan mereka. Saya ambil contoh satu lagi di mana orang kita sangat cemburu untuk memberikan ilmu kepada orang lain. Kalau kita lihat misalnya dari segi pencak silat Melayu, kalau sekiranya ada buah pukul 10 daripada 10 buah pukul daripada guru yang pertama diturunkan ilmunya kepada anak muridnya dia turunkan sembilan, satu buah pukul itu dia simpan, satu buah pukulnya itu dia simpan dengan harapan takut-takut anak muridnya melawan dia maka buah pukul yang pertama itulah yang akan menikam anak muridnya sendiri. Begitu juga seterusnya, bayangkan kalau ada lima, enam generasi mengajar pencak silat semua menyimpan satu akhirnya apa yang kita dapat hari ini pencak silat kita sudah tidak dapat bertanding seperti mana dengan tae kwon do, karate dan lain-lain. Inilah antara budaya yang kita perlu pecahkan seperti mana kita sebut tadi bukan sahaja sate, lemang dan lain-lain, nampaknya kalau kita tidak pertahankan dalam bentuk francais ini maka kita rasa kita akan kerugian bagi generasi yang akan datang.

Untuk itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya highlightkan atau membawakan perkara ini tentang masakan kita ini ialah kerana kita lihat pasaran yang begitu terbuka terutamanya di negara-negara Arab, kita selalu melihat orang-orang kita yang pergi ke Mekah sama ada kita pergi menunaikan haji ataupun umarah, rasa selera masakan orang-orang Arab ini atau orang lain tidak menyamai kita. Jadi di sini antara market yang terbuka, kalau kita cerita tentang francais dari segi makanan tadi itu maka kita dapat menangkap ataupun memperolehi market di negeri-negeri Arab ini seumpamanya. Begitu juga bagi negara-negara yang bukan Islam, kita sering terdengar rakan-rakan yang pergi ke luar negara mengeluh kerana sukar mendapatkan makanan yang halal. Di

sinilah di antara peluang yang lain di mana kita lihat untuk kita francaiskan barang-barang makanan kita yang halal ini ke seluruh dunia.

Lain-lain perkara yang kita lihat ialah barang kali mengapa rasa makanan kita ini berubah, kalau kita ketahui sebagaimana yang saya sebutkan tadi oleh rakan-rakan kita bahawa mereka sebenarnya membuat kajian daripada segi makanan. Bahkan kalau kita lihat misalnya, Kentucky Fried Chicken, mereka mempunyai kitab yang khas daripada mutu ayamnya, saiz ayamnya, cara masaknya, tepung apa dipakai, banyak mana garamnya, semua disebut begitu spesifik sekali sehingga disebutkan cara mengangkat sampah bukan sahaja pakaian, cara mengangkat sampah dan buang sampah juga mempunyai aturcara yang tersendiri.

Saya baru-baru ini masuk ke sebuah Kentucky Fried Chicken, air tidak ada, dia suruh kita naik tingkat tiga, basuh tangan. Saya kata ini satu cara yang menyusahkan orang sedangkan cara kita dia tidak mahu pakai. Cara kita sudah ada tempat basuh tangan, cucur tangan dan sebagainya, dia tidak mahu pakai, dia tetap dengan sistem dia juga. Jadi inilah di antara perkara yang kita rasa rugi dan R&D ini penting. Kita ambil contoh, kalau kita cerita tentang Kentucky Fried Chicken. Pada peringkat awalnya orang kita ada satu masalah tentang Kentucky Fried Chicken kita tertanya-tanya sama ada ini halal atau tidak kerana ianya bermula atau berasal daripada negara yang bukan Islam. Sehingga hari ini kita bimbang kalau kita hendak makan Kentucky Fried Chicken di Singapura misalnya.

Jadi inilah di antaranya, maknanya kita sentiasa memikirkan cita rasa bukan sahaja menu itu mengikut cara kita tetapi juga cita rasa negara-negara yang kita hendak eksport atau francaiskan barang-barang makanan kita ini.

Perkara yang kedua yang kita rasa perlu kita ambil perhatian ialah orang kita tidak nampak keuntungan daripada francais. Kalau awal tadi saya sebutkan ia menyangka kalau sekiranya dia memberikan ilmunya ini kepada orang lain, dia akan kehilangan peluang. Oleh itu dia terpaksa

menyembunyikan dan tidak mahu mengajar hatta dengan anak-anaknya sekali pun, dia tidak mengajar dengan secara yang begitu sistematik, anak-anak mengikut secara tiruan begitu sahaja tidak begitu terperinci. Itu sebabnya lari rasanya daripada yang asal.

Jadi, oleh itulah maka apa yang perlu kita buat benda-benda yang telah disebutkan, makanan-makanan yang lazat ini perlu kita bukukan, kita menyatakan peluang francais ini akan menguntungkan tuan punya itu sendiri, begitu juga kepada orang lain, di samping tidak mematikan kuih-kuih dan makanan tradisi kita ini.

Perkara lain seperti mana yang telah disentuh oleh rakan-rakan saya sebentar tadi ialah masalah kewangan. Ini menjadi satu hambatan ataupun halangan yang menimpa orang-orang kita ini. Inilah sebabnya maka kita lihat, buka sekejap, lepas itu tutup dan saya setujuah perlu ada penyeliaan ataupun pemantauan dari segi perjalanan francais kita ini agar ianya dapat diteruskan dari masa ke semasa. Saya rasa ini satu perkara yang menjadi isu besar kepada kita. Kita majukan satu idea yang baik, yang begitu bernas tetapi ianya mati di tengah jalan kerana kita menganggap bahawa benda ini sudah boleh berjalan. Saya ambil contoh seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim Ali sebentar tadi tentang francais Kodak atau Fuji film. Di tempat saya ada, mereka ini mendapat bantuan dari Jabatan Perdana Menteri sendiri tetapi akhirnya kita lihat hidup segan mati tidak mahu. Ini mungkin masalah monitoring ataupun dari segi organisasi perniagaannya, ada silap. Di peringkat awal perasmiannya cukup hebat, dengan kompanyanya dan jamuan yang begitu hebat tetapi akhirnya hidup segan mati tidak mahu.

Oleh itu kita berharap kementerian dapat melihat perkara ini dan sentiasa memberikan pemantauan penyeliaan supaya benda-benda yang seumpama ini tidak kerugian ataupun habis di tengah jalan sahaja. Saya rasa itu sahaja perkara yang hendak saya majukan.

Saya mohon menyokong dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak bercakap, kalau tidak ada...

**Dato' Mustapa bin Mohamed bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak jawab, cepat sangat.

**3.56 ptg.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. agi pihak kementerian ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk membicarakan tentang cadangan memperkenalkan Akta Francais di Malaysia. Seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa membentangkan Akta ini pada pagi tadi, kita berharap dengan terlaksananya Akta ini, lulusnya Akta ini maka perniagaan secara francais akan dapat berkembang dengan tersusun dan kerana itu kita dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan di negara kita.

Perniagaan francais adalah satu bentuk perniagaan yang baru diperkenalkan di negara kita dan pada masa ini terdapat beberapa jenis perniagaan yang telah pun didaftarkan di kementerian. Masalah yang kita hadapi hari ini ialah oleh kerana tidak ada akta untuk mengawasi dan mengawal selia bentuk perniagaan ini, maka perniagaan ini tidak berkembang dengan tersusun. Ada beberapa masalah yang timbul yang tidak membolehkan kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya dan ini sudah pasti menimbulkan kerumitan bukan sahaja kepada kerajaan tetapi yang lebih penting kepada ahli-ahli perniagaan, pemegang francais khususnya. Oleh itulah maka kita berharap dengan lulusnya Akta ini, lebih ramai lagi usahawan akan dapat kita bangunkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat 52 buah sahaja syarikat franchisor yang berdaftar dengan kementerian. Walhal kita tahu di negara kita terdapat lebih 200 buah syarikat franchisor, begitu jugalah

dengan franchisee terdapat lebih 2,500 franchisee tetapi yang berdaftar dengan kementerian cuma kira-kira 400 buah sahaja. Jadi, angka-angka ini menunjukkan bahawa liputan atau coverage kementerian adalah kecil dan menjadi hasrat kita untuk memastikan bahawa setiap perniagaan francais di negara kita akan dikawal selia dengan rapi.

Seperti yang telah diterangkan antara keperluan yang kita tekankan ialah apabila Akta ini diluluskan oleh Dewan Negara dan kerajaan, maka setiap franchisor perlu berdaftar dengan kementerian, begitu jugalah franchisee perlu berdaftar dengan kementerian dan proses pendaftaran ini akan bermula sebaik sahaja Unit Pendaftaran ditubuhkan di kementerian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ini telah pun ada bahagian khusus di kementerian, Bahagian Francais tetapi bahagian ini berfungsi dengan satu lagi tugas kementerian iaitu vendor. Kita namakan Bahagian Francais dan Vendor, dalam erti kata lain urusan francais ini ditugaskan kepada beberapa orang pegawai yang juga mengawal selia kegiatan-kegiatan keusahawanan yang lain. Dengan lulusnya undang-undang ini kita akan beri fokus yang lebih tegas khusus kepada francais ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, bermula awal tahun 1999 mungkin bulan Februari atau bulan Mac setelah Akta ini diluluskan, maka unit ini akan bergerak untuk mendaftarkan semua franchisor dan franchisee di negara kita dan dengan itu akan dapat menjamin pertumbuhan perniagaan francais dengan lebih tersusun.

Itulah secara ringkasnya tujuan kita memperkenalkan Akta ini dan kita berharap dengan adanya Akta ini, maka perniagaan ini akan dapat berkembang dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin menjawab beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, antaranya saya mulakan dengan Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, yang antara lain memberi pandangan bahawa perniagaan secara francais ini merupakan satu alternatif perniagaan yang baik dalam kegawatan ekonomi. Ia juga memberi peluang

perniagaan kepada peniaga untuk maju dan berkembang dan beliau juga mencadangkan supaya francais makanan diberi penekanan kerana ia boleh meningkatkan kualiti produk serta perkhidmatan.

Saya ini menjelaskan bahawa memanglah kerajaan memberi penekanan tumpuan yang besar kepada perniagaan francais ini dan beberapa kemudahan telah pun disediakan selain daripada bahagian khusus ditubuhkan, kita juga menyediakan beberapa skim pembiayaan sama ada kepada franchisor mahupun franchisee untuk memastikan perniagaan ini dapat berjalan dengan baik. Sebagai contoh umpamanya kepada franchisor kita telah pun mengeluarkan kewangan sebanyak RM721,000, ini untuk membangunkan franchisor tempatan khususnya. Ini adalah dalam bentuk geran sesebuah syarikat franchisor itu boleh mendapat geran sehingga RM100,000 daripada kerajaan. Ini melambangkan hasrat kerajaan untuk membangunkan produk francais tempatan dan geran disediakan untuk tujuan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Kamalia mencadangkan supaya francais dikategorikan sebagai francais tempatan, nasional dan antarabangsa. Pada masa ini kita cuma mengkategorikan francais kepada dua kategori iaitu francais tempatan dan francais luar negeri. Tempatan bermaksud francais-francais yang dibangunkan dalam negara. Antaranya kalau dalam bidang penjagaan mata, kita ada umpamanya Eye Master, dalam bidang makanan kita ada KTT Product yang menjual jagung, ini antara produk-produk ataupun Liwangi dalam bidang alat solek. Ini merupakan perniagaan francais yang digolongkan dalam kategori francais tempatan.

Francais antarabangsa pula termasuklah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi McDonnald, Kentucky Fried Chicken, ini antara francais yang datang dari luar negara.

Yang Berhormat Puan Kamalia juga bertanya tentang tempoh 10 hari sebelum perjanjian ditandatangani. Ini kita menetapkan tempoh ini untuk membolehkan pihak franchisee mempunyai masa yang cukup bagi meneliti perjanjian francais sebelum dapat ditandatangani. Jadi tempoh ini diberikan kerana kita merasakan wajar untuk membolehkan franchisee meneliti segala

syarat supaya tidak tertipu oleh para franchisor ataupun broker ataupun pihak-pihak lain yang ingin menjual perniagaan mereka.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Jamilah mencadangkan supaya produk dari negeri Kelantan seperti serunding dan batik boleh difrancaiskan ke luar negeri dan boleh memperkenalkan negara ini. Memanglah ini menjadi salah satu dari matlamat kita untuk membangunkan produk-produk tempatan. Tetapi seperti yang dinyatakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ini bukan satu perkara yang senang dan mudah kerana banyak R&D yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar dan lain-lain, R&D diperlukan, banyak penyelidikan yang perlu dilakukan sebelum sesuatu produk itu dapat difrancaiskan.

Oleh itu walaupun kita berhasrat untuk menjadikan perniagaan serunding dan batik sebagai satu perniagaan francais, kerajaan boleh memberikan galakan dan kerajaan memang memberi galakan dengan menyediakan geran dan lain-lain. Namun ia juga bergantung kepada usahawan, kerajaan tidak mampu, tidak boleh dan tidak wajar kerajaan menjadi usahawan. Kerajaan boleh memberi galakan dan jika pihak swasta tidak menyahut galakan tersebut sudah pasti kita tidak ke mana. Oleh itu untuk memastikan kejayaan produk-produk tempatan difrancaiskan termasuklah serunding, batik dan lain-lainnya memerlukan bukan sahaja galakan kerajaan tetapi juga memerlukan usahawan yang gigih yang dapat memelopori usaha-usaha ini.

Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli membangkitkan tentang penyalahgunaan perkataan francais umpamanya untuk sistem matrikulasi. Ini suatu perkara yang memang kita sedar dan mengikut Akta Francais ini maka sebarang penggunaan perkataan francais hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada kementerian. Dengan lain perkataan sama ada sebuah institusi pengajian tinggi ataupun industri makanan, pembuatan, insurans kadang-kadang yang menjual motor dan lain-lain lagi. Apabila Akta ini terlaksana, diluluskan maka setiap mereka yang hendak menggunakan perkataan "francais" perlu merujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan sebelum dapat menggunakan perkataan ini. Malah inilah antara sebabnya kenapa kita membuat keputusan untuk memperkenalkan Akta ini.

Sebelum ini perkataan “francais” digunakan dengan longgar – tidak ada kawalan. Siapa sahaja boleh menggunakan perkataan ini sehingga ada yang dengan izin, telah abused ataupun telah menyalahgunakan perkataan ini.

Jadi kalau mengikut Akta ini, di bawah peruntukan yang ditetapkan, setiap siapa yang hendak menggunakan perkataan “francais” perlu merujuk kepada Kementerian Pembangunan Usahawan. Dalam pada itu, dalam Akta ada satu peruntukan yang membolehkan menteri memberi pengecualian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini kita telah pun berbincang di peringkat kementerian, kita telah pun mendapat satu surat daripada Persatuan Francais Malaysia berkaitan dengan penggunaan perkataan francais oleh beberapa institusi pendidikan dan kita akan mengadakan perbincangan dengan lebih lanjut sama ada dua pilihan. Yang pertama, kita memberi pengecualian kepada institusi pengajian tinggi bagi menggunakan perkataan francais. Yang kedua, kalau mereka hendak menggunakan perkataan “francais”, kita boleh mengenakan syarat-syarat tertentu. Sebelum dapat digunakan perkataan ini. Sekarang perkataan ini digunakan sewenang-wenangnya.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan, bila Yang Berhormat mengatakan tentang perkataan “francais” adakah kita hendak bila kita kata francais mengikut peruntukan dalam Akta, ia semestinya menunjukkan ada satu sistem. Ia bukan hanya menggunakan perkataan “francais” *per-se*. Jadi, bolehkah Yang Berhormat terangkan, apabila tadi Yang Berhormat menyatakan kalaulah program matrikulasi ini tidak mahu menggunakan francais, sama ada akan menggunakan francais atau tidak, sebab pada hemat saya walaupun ianya tidak mahu tetapi jika ianya sebenarnya merupakan satu sistem francais maka perlulah ia difrancaiskan. Terima kasih.

**Dato’ Mustapa bin Mohamed:** Seperti yang saya maklumkan tadi, perkara ini sedang kita tangani. Sebelum dapat menggunakan perkataan francais, ada beberapa perkara yang perlu diteliti iaitu produk, mutu, sistem pengurusan, dan perakaunannya, banyak perkara perlu diteliti. Jadi sistem itu merangkumi banyak aspek dan bukan sahaja pengurusan, bukan sahaja



perakaunan tetapi mutu produk dan lain-lain lagi. Jadi, seperti yang saya nyatakan tadi kita sedang meneliti perkara ini dan dalam tempoh masa yang terdekat ini kita akan membuat keputusan sama ada membenarkan institusi tertentu untuk menggunakan perkataan francais dari segi pendidikan maksud saya dengan memberi pengecualian ataupun menetapkan syarat-syarat bagi mereka yang sudah menggunakan francais, menetapkan syarat-syarat sebelum perkataan ini boleh digunakan. Sudah pasti akan ada satu tempoh transition ataupun peralihan. Oleh kerana perkara ini adalah perkara baru, oleh kerana perkataan francais sudah digunakan dalam sistem pendidikan dua, tiga tahun dalam negara kita, kerajaan akan bertolak ansur dan kita akan adakan satu tempoh peralihan sebelum satu keputusan muktamad dibuat mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi, tadi saya sebut tentang sistem matrikulasi. Beliau mencadangkan supaya kita mendidik usahawan dan membangunkan home-grown francais produk serta R&D. Inilah yang menjadi matlamat kita di kementerian. Kita pada masa ini kurang cenderung untuk menggalakkan francais luar negara kerana ia melihatkan royalti, up front payment, pengaliran wang ke luar negara umpamanya kalau kita mengusahakan francais Kentucky Fried Chicken ataupun McDonald dan lain-lain barang luar negara, ia melibatkan bayaran ke luar negara. Selain daripada itu ada juga foreign component dengan izin, ataupun bahan-bahan yang dibeli dari luar negara dalam beberapa francais luar negara.

Jadi yang pertama, royaltinya yang perlu mengalir ke luar negara, yang perlu kita bayar ke luar negara. Yang keduanya, ia ada beberapa bahan yang digunakan oleh franchisor tertentu yang perlu diimport dari luar negara maka ini akan melemahkan ekonomi negara. Saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi, memanglah kita sedaya uapaya hendak membangunkan home-grown francais serta meningkatkan lagi R&D.

Mengenai penglibatan bumiputera yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi dan juga oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali, memanglah kita akan menjadikan ini sebagai satu strategi utama bagi

meningkatkan penglibatan bumiputera sebagai usahawan khususnya dalam melahirkan golongan menengah bumiputera. Tadi saya sebut bilangan franchisee bumiputera, hari ini kira-kira 435 berbanding dengan keseluruhan kira-kira 2,500 jadi bermakna bahawa penglibatan bumiputera tidak sampai pun 20%. Jadi, adalah menjadi matlamat kementerian, malah hampir kesemua franchisee yang walaupun tidak semua, hampir kesemua franchisee yang dilantik oleh kementerian terdiri daripada bumiputera dan ada juga bukan bumiputera. Ini adalah untuk mengimbangi kedudukan di luar pasaran bebas, di luar sektor swasta di mana bilangan bukan bumiputera begitu ramai sebagai usaha untuk menambah bilangan bumiputera, kita memberikan penekanan di kementerian untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan melalui konsep francais ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan terlaksananya Akta ini, kita akan melipat-gandakan usaha bagi memastikan lebih ramai lagi bumiputera akan dapat menyertai bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa persoalan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah termasuklah mengenai yuran francais, lokasi dan lain-lain. Memang sebelum ini ada kes-kes di mana ada franchisor yang tidak bertanggungjawab dan kita telah pun cuba mengatasi masalah ini. Franchisor yang menjanjikan return atau pulangan yang lumayan, yang menetapkan kadar bayaran yang tinggi tetapi ianya indah khabar dari rupa, dalam erti kata mereka tidak deliver, mereka tidak menepati janji mereka. Mereka berjanji untuk memberikan sistem yang baik, produk yang baik, sistem perakaunan yang baik, hendak memberi bimbingan dan latihan. Banyak janji yang diberikan oleh mereka tetapi banyak dan ada di antara mereka yang tidak menepati janji ini. Pada masa ini tidak ada recost dengan izin, tidak ada cara untuk kita mengenakan tindakan terhadap mereka yang engkar dan mungkir janji ini. Itulah antara sebabnya kenapa kita berharap franchisor akan lebih bertanggungjawab seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Puan

Mastika Junaidah. Mereka lebih bertanggungjawab memberi latihan, bimbingan, modal dan lain-lain supaya franchisee yang dilatih itu berjaya.

Kita bersetujulah dengan pandangan bahawa franchisee ini merupakan satu smart partnership yang memerlukan keikhlasan, komitmen yang tinggi, komitmen kedua-dua pihak, ia bukan sahaja bergantung kepada franchisee tetapi jika franchisor tidak ikhlas maka ini akan menimbulkan masalah. Penjodohan juga mustahak, oleh itu di kementerian seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali, kadang-kadang ia kelihatan rigid ataupun kurang fleksibel seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah, kita perlu ada satu pendekatan untuk menjodohkan dengan cara yang terbaik antara franchisor-franchisee. Sudah pasti untuk mewujudkan hubungan ini memerlukan satu keikhlasan, kadang-kadang franchisor dan franchisee mungkin tidak berapa sesuai untuk dijalinan hubungan. Oleh itu penjodohan ini adalah satu aspek yang penting dan ini merupakan peranan kementerian untuk memastikan bahawa franchisee dipilih daripada mereka yang layak, mempunyai minat, ada pengalaman kerana kalau tidak dipilih dengan rapi, tidak dijodohkan dengan teliti, ia akan menjejaskan perniagaan francais dan akan menimbulkan dengan izin, embarrassment kepada semua pihak.

Mengenai cadangan menambahkan pegawai, insya-Allah kita telah pun diberi kelulusan walaupun tidak ramai, kita akan menambah, tidak perlu ramai sangat tetapi kita beri jaminan di sini bahawa kita mempunyai pegawai yang secukupnya untuk memastikan program ini dapat dilaksanakan. Kita sudah pun ada bahagian dan dengan terlaksananya Akta ini Bahagian Francais akan dapat diperkukuhkan.

Mengenai Pak Din Martabak, ini satu sejarah di mana kita telah cuba, pegawai-pegawai saya dan juga kementerian saya sudah berjumpa dengan pengusaha berkenaan tetapi nampaknya beliau berpuas hati dengan apa yang ada dan ini juga satu masalah. Perniagaan ada potensi tetapi dia berpuas hati

ataupun seperti kata Yang Berhormat Tuan Haji Gapar tadi dia tidak mahu berikan 'secret'nya, rahsia kepada orang lain maka setakat itu sahajalah. Ada satu kes di mana kita hendak francaiskan satu perniagaan nasi yang agak istimewa tetapi keluarganya tidak mahu hendak berkongsi pengetahuan dengan orang lain. Maka kita tidak boleh paksa, kerajaan tidak boleh paksa. Kita telah berjumpa dengan Pak Din dan mereka yang lain tetapi menghadapi jalan buntu oleh kerana mereka selesa dengan apa yang ada dan kurang berminat untuk mengembangkan tetapi kita akan teruskan usaha-usaha ini kerana kita yakin bahawa dengan cara ini kita akan dapat memperluaskan lagi pasaran perniagaan francais di negara kita.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah juga mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Usahawan menyelaraskan dengan kementerian-kementerian lain termasuklah Kementerian Belia dan Sukan supaya kita sokong-menyokong, memanglah kita mengadakan program bersama dan terdapat penyelarasan antara kementerian-kementerian tetapi jika ada kelemahan pada masa ini sudah pasti kita akan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelaraskan latihan-latihan yang diberikan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam kerajaan.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah juga mencadangkan supaya perlu ada Unit Penyeliaan bagi franchisee iaitu franchisor beliau menyarankan harus ada unit untuk menyelia franchisee. Dalam mana-mana syarikat franchisor yang teguh, kuat, kukuh, establish, ternama memang mereka ada satu jabatan khusus untuk menjaga franchisee. Antara contoh yang terbaik malangnya ialah franchisor asinglah, McDonald umpamanya ataupun Kentucky Fried Chicken, mereka ada satu jabatan yang terkuat boleh dikatakan untuk menyelia perniagaan francais, memastikan bahawa franchisee diawasi, bukan sahaja diawasi secara on line dengan komputer tetapi dilawatinya, dipastikannya segala peraturan diikuti, cara basuh tangan, cara menyiapkan makanan, semuanya ini. Jadi ini satu ciri yang ada pada syarikat-syarikat

franchisor yang kuat, kukuh dan inilah amalan yang kita ingin terapkan di negara kita di mana setiap syarikat franchisor hendaklah mengadakan satu seliaan yang rapi bagi memastikan perniagaan ini dapat berkembang dengan baik.

Yang Berhormat Puan Mastika Junaidah juga telah mencadangkan supaya walaupun tidak secara direct supaya wanita menjadi Ahli Lembaga Pengarah, kita mengambil perhatian, insya-Allah kita akan memastikan bahawa di kalangan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Majlis Penasihat ini akan terdiri juga daripada kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali ada menyebut beberapa perkara, saya ingin menjawabnya antaranya ialah penyertaan bumiputera dalam bidang francais multimedia dan teknologi tinggi. Ini satu bidang. Kementerian sedang berusaha, kita sudah mengenal pasti beberapa orang dan minggu depan kita akan membuka satu Cyber Cafe yang kita harap pengusaha ini yang telah berusaha kira-kira dua bulan dengan bantuan kementerian. Sekarang ini perniagaan tersebut terletak di tingkat bawah bangunan MARA. Cyber Cafe yang telah beroperasi dua bulan dan sedang berjalan dengan baik, mendapat sambutan yang hangat daripada setiap golongan masyarakat yang muda, tua, lelaki dan perempuan. Minggu hadapan kita berharap akan dapat merasmikan penubuhan Cyber Cafe ini dan kita berharap ia akan dapat berkembang ke seluruh negara dan pada masa ini syarikat berkenaan telah pun mendapat beberapa pertanyaan daripada pengusaha-pengusaha untuk berkecimpung dalam bidang ini dan kita berharap apabila sistemnya - untuk menjadikan sebuah perniagaan sebagai satu francais, franchisor masa yang lama, dua atau tiga bulan tidak cukup, satu tahun, dua tahun kita akan membimbing syarikat ini supaya mungkin dalam masa setahun syarikat akan mempunyai sistem yang baik, yang canggih pengurusannya, produknya, layanannya, perakaunan dan lain-lainnya.

Kita akan pastikan bahawa syarikat ini bertapak dengan kukuh sebelum kita dapat memperkembangkan syarikat bumiputera ini menjadi sebuah franchisor. Kita ada beberapa syarikat yang menjual komputer peripheral yang barang-barang keperluan komputer, Bits and Bites namanya yang merupakan sebuah syarikat yang berdaftar dengan kementerian yang telah menubuhkan tiga, empat outlet bumiputera, ini juga dalam bidang multimedia.

Jadi, bidang ini bidang baru dan insya-Allah, seperti mana yang dicadangkan kita akan menyebarkannya ke seluruh negara termasuklah di desa seperti kata Yang Berhormat Datuk Haji Haji Ibrahim Ali. Beliau juga menyatakan tentang betapa sukarnya bumiputera untuk menjadi francais. Ini memanglah, bumiputera menghadapi masalah bukan sahaja dari segi modal, dan untuk menjadi franchisee. Tetapi seperti mana saya katakan tadi di kementerian hari ini ada 435 franchisee bumiputera yang kita bangunkan. Datuk Haji Haji Ibrahim tadi bertanya tentang Kodak dan juga Fuji. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan franchisee bumiputera untuk Kodak film ada 4, Fuji – 37. Itu untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Haji Ibrahim Ali.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar ada tanya sama ada kita dapat menyelia mereka, hebat, perasmiannya dengan kompany dan lain-lain, dan apabila tempoh waktu tertentu berlalu kadang-kadang ada di antara outlet ini yang mungkin berkubur. Kita tidak menafikan perkara ini. Yang penting ialah lokasi, yang penting juga ialah kesungguhan komitmen franchisee, usahawan berkenaan. Di peringkat awal kita tahu bahawa kadang-kadang sambutannya. Tetapi kalau komitmennya kurang, kalau sokongan daripada pihak-pihak lain pun kurang, termasuklah daripada franchisor kurang, maka ada kemungkinan syarikat-syarikat berkenaan menghadapi masalah. Dalam pada itu, kementerian sentiasa memandangkan serius perkara ini dan memberi bimbingan yang sewajarnya kepada mereka yang memerlukan. Kita berharap semoga kadar

kegagalan (failure rate) ini akan dapat dikurangkan. Itu berkaitan dengan penglibatan bumiputera.

Untuk melantik franchisee, ini bukan sahaja hak kementerian, tetapi kita perlu berunding dengan syarikat. Peranan kita ialah sebagai satu agensi penjodohan. Kita mendapatkan franchisor untuk berdaftar dengan kita, dan kita ada senarai franchisee dan kita akan cuba menjodohkan. Kita tidak boleh memaksa, kita tidak ada hak melantik apa jua francais, yang kita lantik hendaklah kita runding dengan franchisor berkenaan.

Sama ada kita berpuas hati dengan target, kita tidak berpuas hati bilangan yang saya sebut tadi. Ini menjawab pertanyaan Yang Berhormat Datuk Haji Haji Ibrahim Ali. Jumlah 435 adalah kecil. Kita berharap sekurang-kurangnya 1,200 franchisee. Kebetulan dalam keadaan kegawatan ekonomi ini membantutkan sedikit perancangan kita. Dalam keadaan kegawatan ekonomi kita tahu bahawa beberapa perniagaan kurang mendapat sambutan. Seperti juga perniagaan-perniagaan lain, perniagaan francais juga terjejas. Kebanyakan perniagaan di Malaysia terjejas termasuklah perniagaan francais, tetapi kita percaya apabila ekonomi pulih kita akan dapat melahirkan ramai lagi franchisee. Dalam pada itu, kita akan melipatgandakan usaha untuk menambahkan bilangan franchisee di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali supaya kita melaksanakan tugas ini dengan bersungguh-sungguh. Apa jua yang kita lakukan ialah supaya mereka berjaya seperti di negara lain. Kita mengucapkan terima kasih atas pandangan supaya pendaftar tidak rigid, jangan banyak kerenah. Kita juga mengambil perhatian dan pandangan bahawa kejayaan tidak boleh diukur semata-mata dengan bilangan francais yang kita lahirkan, tetapi juga dengan kualiti franchisee yang kita wujudkan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz antara lain mencadangkan supaya dibuat penyelidikan rapi sebelum difrancaiskan. Beliau mencadangkan supaya

penjelasan tentang asal-usul franchisee bagaimana mereka berjaya. Memanglah kalau kita belajar daripada pengalaman luar negara antara yang terbaik ialah Kentucky Fried Chicken dan McDonald. McDonald merupakan salah satu francais yang terbaik di dunia. Kita berharap syarikat-syarikat tempatan akan mendapat iktibar daripada sistem yang baik yang telah diperkenalkan oleh syarikat-syarikat daripada luar negeri. Lokasi adalah penting. Kita ucap terima kasih atas pandangan supaya kita proaktif, supaya kita mencapai kejayaan yang lebih cemerlang lagi. Ada cadangan supaya kita memfrancaiskan produk-produk tertentu seperti Togkat Ali dan lain-lain. Ini perlu kajian yang lebih teliti. Beliau juga mencadangkan agar Ramly Burger kita jadikan sebagai satu syarikat yang dapat bersaing dengan syarikat McDonald. Ramly Burger ini seperti juga kata Datuk Haji Ibrahim Ali merupakan satu syarikat yang berjaya di negara kita. Ia popular. Kerajaan akan berusaha untuk menentukan produk-produk tempatan sepertinya dapat dibangunkan. Setakat ini kita belum lagi mempunyai satu ikatan ataupun pertemuan yang serius dengan Syarikat Ramly Burger ini. Insya-Allah, kita mengambil perhatian dan kita akan cuba untuk membina lebih banyak lagi francais tempatan seperti syarikat-syarikat yang ada.

Di negara kita hari ini kita sudah ada beberapa produk Malaysia yang difrancaiskan di luar negara, termasuklah Marry Brown. Kita ada dua outlet di negara China, satu di Brunei dan satu di Singapura dan sedang berusaha untuk membuka satu lagi di Mauritius. Sugar Bun ada cawangan di China dan di Brunei. Langkawi Crystal, sebuah syarikat yang berpusat di Langkawi mempunyai branches di Australia, UK dan Germany. Jadi, ini di antara produk-produk keluaran tempatan yang telah berjaya kita bangunkan bukan sahaja untuk pasaran tempatan, tetapi telah berjaya untuk menembusi pasaran luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, itulah antara perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Akta



Francais ini. Ringkasnya saya ingin menjelaskan bahawa kita memperkenalkan Akta Francais ini antara lain yang pertama untuk memastikan bahawa perniagaan francais dapat kita laksanakan dengan tersusun dan teratur. Kita hendak pastikan bahawa jika ada masalah antara franchisor dan franchisee ia dapat diselesaikan dengan baik. Kita hendak pastikan bahawa hukuman-hukuman tertentu dikenakan kepada mereka yang menyeleweng, mereka yang menyalahgunaan perkataan 'francais' dan menipu dan lain-lain lagi. Akhirnya kita berharap ini akan dijadikan sebagai satu strategi untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera di negara kita. Kita telah pun memperkenalkan agenda untuk melahirkan lebih ramai golongan menengah bumiputera dan program pembangunan francais ini merupakan salah satu daripada program utama untuk memastikan bahawa kita dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera di negara kita. Insya-Allah, pada bulan Februari 1999 kita akan dapat mengadakan pendaftaran ini dan kita akan berikan satu tempoh peralihan tertentu supaya bagi mereka yang sudah pun bertapak, bagi yang baru tidak ada masalah. Tetapi bagi yang sudah pun menjalankan perniagaan francais di negara kita, kita akan memberikan tempoh peralihan yang tertentu, memastikan mereka dapat adjust ataupun dapat menyesuaikan perniagaan mereka dengan keadaan baru ini. Dengan adanya akta yang dapat mengawal selia perkembangan perniagaan francais dengan lebih tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Insya-Allah, dengan sokongan semua Ahli Yang Berhormat, kita akan dapat melaksanakan tugas melahirkan usahawan dalam bidang francais dengan jayanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

### **Fasal 1 hingga 61 -**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Pengerusi, saya minta maaf kerana tidak dapat mengambil bahagian di dalam perbahasan tadi walaupun saya telah bersedia tetapi saya terpaksa keluar kerana ada hal yang penting tadi.

Walau bagaimanapun dalam Jawatankuasa ini ada perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan. Satu daripadanya, bilakah Akta Francais ini dikuatkuasakan dan apa akan berlaku kepada francais-francais sebelum berkuatkuasanya Akta ini.

Tuan Pengerusi, yang keduanya, kita ada satu Persatuan Francais Malaysia (MFA) yang telah pun ditubuhkan pada tahun 1984 dan kita pun ada mempunyai Persatuan Francais Antarabangsa yang telah pun berkuatkuasa sebelum ini. Sekarang ini kita ada satu akta seperti juga akta, dengan izin, Legal Profession Act dan kita ada juga Bar Council yang mengendalikan Pendaftaran Peguam dan juga yang mewujudkan ataupun yang mengeluarkan certificated untuk pelatih tetapi dalam Akta Francais ini kita ada rang undang-undang yang akan kita luluskan sebentar lagi, ia ada kriteria-kriteria yang ternyata di dalam rang undang-undang ini tetapi di sebaliknya kita ada juga persatuan francais yang sekarang ini bergerak dengan begitu baik dan kedudukan pendaftaran francais dan hendak mengembangkan francais itu melalui persatuan ini.

Jadi bagaimanakah kaedahnya, seperti code of ethics yang ada di dalam Persatuan Francais ini ataupun conduct operation francais yang mana ahli-ahlinya, dengan izin, adalah subservient kepada MFA ini. Bolehkah kerajaan

memberi pandangan dan cara bagaimana hendak mengatasi ataupun mereka berjalan 'side by side' dan peranannya ditentukan oleh kerajaan dan yang satu lagi bolehkah pihak kerajaan menyatakan bahawa setakat ini adakah perusahaan-perusahaan francais yang dapat diwujudkan dengan mengikut taraf antarabangsa seperti McDonalds yang mempunyai code QSC (quality, service and cleaners) di mana amat penting. Dia goreng ubi kentang pun berapa saat pun tahu, kalau misalnya 60 saat, tepat 60 saat.

Jadi di negara kita ini adakah perusahaan yang kita boleh contohi seperti McDonalds ini ataupun pihak kerajaan memikirkan bahawa sistem francais ini mestilah mengikut kaedah semasa, bermakna kita biarkan sesuatu francais itu berjalan dan mengambil masa dan apabila sampai masanya perusahaan itu patut difrancaiskan barulah difrancaiskan.

Tuan Pengerusi, saya tidak setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim yang mengatakan francais ini mestilah dikendalikan oleh kerajaan tetapi saya setuju kalau pihak kerajaan atau pihak swasta mengadakan outlet supaya dapat pengusaha francais diselaraskan oleh pihak kerajaan. Sekian.

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Zuki kerana membangkitkan beberapa isu yang penting dalam perniagaan francais. Yang pertama memanglah kita bercita-cita untuk melahirkan satu McDonalds di Malaysia iaitu sebuah syarikat yang bukan sahaja berjaya dalam negara tetapi mampu kita eksport. Sekarang ini cuma Sugar Bun dan Marrybrown merupakan syarikat tetapi bilangan outletnya sedikit sahaja. Syarikat-syarikat ini daripada Sarawak telah mula bertapak di negara China dan lain-lain tetapi bilangan outlet di luar negara begitu kecil, oleh itu kita amat tidak berpuas hati. Kita tahu Malaysia boleh, kita tahu kita boleh menjual, kalau kita boleh berjaya dalam bidang dahulunya getah dan selepas itu kelapa sawit sekarang ini semikonduktor dan

sekarang ini heavy industry dan lain-lain, maka tidak ada sebab tidak boleh berjaya dalam bidang ini, bukan sukar. Jadi kita masih tidak berpuas hati.

Dalam pada itu saya ingin memaklumkan bahawa kira-kira enam bulan lalu kerajaan membuat keputusan untuk membantu sebuah syarikat bernama The Ball, kita melabur RM2.3 juta dalam syarikat ini. Matlamat kita ialah untuk menjadikan syarikat ini sebagai satu syarikat McDonalds juga, ia mempunyai kira-kira 15 item di dalam menunya, ala Malaysia, burger, sate, nasi lemak dan bermacam-macam, ia terletak di dua outlet, satu di Kampung Pandan, satu lagi di bangunan MARA juga kita beri outlet, sebelum ini pejabat Mas MARA yang setahun dalam gelap, kita berikan pejabat ini, kita ubah suai kepada The Ball, sebuah restoran yang diusahakan oleh seorang pengusaha yang membuat R&D setahun.

Jadi matlamat kita untuk menjadi McDonalds of Malaysia dan ia mempraktikkan empat prinsip, QSCV (quality, service, cleaners and value). Ini empat prinsip McDonalds, barangannya berkualiti, servis dengan pantas dengan senyuman perkhidmatannya, kebersihan di dapurnya dan harganya berpatutan. Ini empat prinsip yang digunakan oleh McDonalds seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Zuki tadi dan kita berhasrat sangat untuk menjadikan restoran ini sebagai satu contoh di mana kita boleh membangunkan perniagaan di Malaysia.

Oleh kerana ia baru sahaja, lima, enam bulan, baru ada dua outlet. Outlet di bangunan MARA ini kurang baik prestasi perniagaannya tetapi outlet satu lagi prestasinya lebih baik dan kita sedang memikirkan strategi-strategi untuk menjadikan ia sebagai satu syarikat yang boleh kita banggakan. Kerajaan tidak terlibat secara langsung berniaga tetapi kita mengeluarkan bantuan dalam bentuk ekuiti dan juga loan berjumlah kira-kira RM2.3 juta. Itu untuk menjawab soalan berkaitan dengan McDonalds.

Bila hendak dikuatkuasakan Akta ini, seperti sedia maklum apabila Dewan Negara meluluskan dapat diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong maka kementerian akan menetapkan setelah unit

ditubuhkan dan lain-lain, kita akan menetapkan tetapi kita jangka dalam bulan Februari atau Mac kita akan menguatkuasakan. Seperti mana yang saya katakan tadi, kita akan adakan satu tempoh peralihan. Yang Berhormat Dato' Zuki bertanya apa yang terjadi kepada syarikat-syarikat yang sedia ada, kita mungkin memberi tempoh sampai penghujung tahun hadapan, kita beri masa. Yang baru memang kena mengikuti prosedur yang ada ini tetapi yang sekarang ini 52 syarikat franchisor dan franchisee yang berdaftar dengan kementerian akan diberi masa, maknanya kita mengambil pendekatan yang tidak terlalu riid tetapi dalam pada itu dalam tempoh peralihan kita hendak pastikan bahawa peraturan ditetapkan dan juga undang-undang dikuatkuasakan bagi mereka yang menipu ataupun menyeleweng.

Yang ketiga berkaitan MFA, apakah peranan MFA ini. MFA merupakan satu badan, persatuan mempunyai kira-kira 350 ahli. Persatuan Francais Malaysia ditubuhkan kira-kira empat tahun yang lalu, satu persatuan yang aktif mempunyai satu sekretariat, mempunyai full time staff dan kami banyak berkerjasama dalam kegiatan-kegiatan promosi malah di dalam Lembaga Penasihat Francais ini mereka akan menghantar wakil. Kita menetapkan bahawa Persatuan Francais Malaysia akan mempunyai wakil dalam Lembaga Penasihat Francais. Pengurusannya baik MFA ini, kita selalu mengadakan perjumpaan, sebelum ini MFA menetapkan, oleh kerana belum ada akta, kod etika ditetapkan dan dikenakan kepada ahli-ahlinya di mana mereka berkongsi pandangan, pengalaman, mereka menjadi sebagai referee kalau ada masalah ada kes-kes di mana timbul perselisihan di antara franchisee franchisor maka kami bersama-sama. Hubungan di antara Persatuan Francais Malaysia dengan kementerian begitu rapat sekali.

Baru-baru ini bulan September, kita ada satu pameran francais peringkat antarabangsa. Dari 80 buah syarikat, lebih 40 buah syarikat menyertai, ada 80 booth di mana kementerian bersama-sama dengan Persatuan Francais mengadakan pameran ini di peringkat antarabangsa kali kedua. Dan kita

hendak jadikan ini sebagai satu acara tahunan, tahun depan insya-Allah akan diadakan dan ia bergabung.

Dato' Haji Mohd Zuki sebut tadi, International Franchise Association, ia juga bergabung dengan Persatuan Francais Antarabangsa dan sebenarnya Persatuan Francais Malaysia ini antara yang paling aktif di dunia. Ia mendapat pengiktirafan dalam jurnal-jurnal seperti *Trade Journal Franchise* sebagai salah sebuah persatuan yang aktif dan kerajaan amat berpuas hati dengan mereka. Mereka merupakan satu persatuan yang bertanggungjawab, mempunyai kakitangan sepenuh masa dan dengan berkuatkuasanya undang-undang ini, kita akan meneruskan kerjasama ini dengan melantik wakil mereka sebagai salah seorang daripada Ahli Lembaga Penasihat Francais.

**Fasal 1 hingga 61** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali ketiga, dan diluluskan.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan 11(1) Majlis Mesyuarat hari ini ditangguhkan sekarang.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut Peraturan 11(1) Majlis Mesyuarat hari ini ditangguhkan sekarang.

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Majlis ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 4.45 petang*